



# LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN  
PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI

**NEGERI KEDAH**

TAHUN 2009

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2009 NEGERI KEDAH


DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDAH



JABATAN AUDIT NEGARA  
MALAYSIA

JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA  
No. 15, Aras 1-5  
Persiaran Perdana, Presint 2  
62518 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

[www.audit.gov.my](http://www.audit.gov.my)



# **LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA**

**PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN  
PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI  
NEGERI KEDAH  
TAHUN 2009**

**JABATAN AUDIT NEGARA  
MALAYSIA**





# KANDUNGAN



# KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
<b>KATA PENDAHULUAN</b>	vii
<b>INTISARI LAPORAN</b>	xiii
<b>BAHAGIAN I - PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI KEDAH BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2009</b>	
Pendahuluan	3
Objektif Dan Kaedah Pengauditan	4
Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2009	4
<b>BAHAGIAN II - ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI</b>	
Prestasi Kewangan	7
Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri	7
Wang Tunai	9
Pelaburan	11
Akaun Hasil Disatukan	14
Akaun Pinjaman Disatukan	20
Akaun Amanah Disatukan	22
Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai	37
Akaun Memorandum	39
Rumusan Dan Syor Audit	43
<b>BAHAGIAN III - RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI</b>	
Pencapaian Pelaksanaan Projek Pembangunan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9)	47
Rumusan	48
<b>BAHAGIAN IV - PENCAPAIAN PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI</b>	
Pelaksanaan Indeks Akauntabiliti (AI)	51
Objektif Pengauditan	52
Skop Dan Kaedah Pengauditan	52

<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
----------------	-------------------

Jenis Kawalan	53
Tahap Pencapaian Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri	62
Rumusan Dan Syor Audit	64
Pemeriksaan Audit Mengejut	66

**BAHAGIAN V - PENYERAHAN, PENGESAHAN, PEMBENTANGAN  
PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN  
AGENSI NEGERI**

Pendahuluan	71
Pengauditan Penyata Kewangan	71
Kedudukan Penyerahan Penyata Kewangan	72
Pengesahan Penyata Kewangan	73
Pembentangan Penyata Kewangan	74
Prestasi Kewangan	74
Rumusan Dan Syor Audit	78

**BAHAGIAN VI - PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA  
DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA  
WANG AWAM NEGERI**

Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara	
Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri	81
Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri	81

<b>PENUTUP</b>	85
----------------	----

**LAMPIRAN**

I	Sijil Ketua Audit Negara	89
II	Lembaran Imbangan	90
III	Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai	91
IV	Penyata Akaun Memorandum	92
V	Penyata Akaun Hasil Disatukan	93
VI	Nota Kepada Akaun	94



# KATA PENDAHULUAN



# KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlumbagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan serta Pengurusan Kewangan Kerajaan Negeri dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah Darul Aman. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan agar Laporan ini dibentangkan di Parlimen manakala Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah Darul Aman akan menitahkan supaya laporan ini dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Kedah. Bagi memenuhi tanggungjawab ini, Jabatan Audit Negara telah menjalankan dua kaedah pengauditan seperti berikut:

**1.1 Pengauditan Penyata Kewangan** - Pengauditan ini bertujuan untuk memberi pendapat sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun berkenaan menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Jabatan Audit Negara juga membuat analisis terhadap penyata kewangan sama ada kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri sangat baik, baik, memuaskan atau tidak memuaskan.

**1.2 Pelaksanaan Sistem Penarafan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi** - Mulai tahun 2007, Jabatan Audit Negara telah memperkenalkan Indeks Akauntabiliti bertujuan untuk membuat penilaian secara objektif terhadap pengurusan kewangan Jabatan dan Agensi Kerajaan Negeri bagi mengukur dan menambah baik kawalan pengurusan kewangan yang cemerlang. Indeks Akauntabiliti diberi penarafan berdasarkan kepada tahap pematuhan terhadap peraturan-peraturan kewangan berhubung dengan kawalan pengurusan bajet, terimaan, perbelanjaan, kumpulan wang amanah/akaun amanah dan deposit, aset dan stor, pelaburan, pinjaman dan penyediaan Penyata Kewangan. Dengan pelaksanaan Indeks Akauntabiliti ini boleh membantu mewujudkan budaya kerja berdasarkan amalan terbaik. Selain itu, budaya “**membetulkan yang biasa dan membiasakan yang betul**” bukan sahaja dapat mempertingkatkan kecemerlangan pengurusan kewangan Jabatan malah aspek integriti, keutuhan dan akauntabiliti yang ditekankan oleh Kerajaan akan dapat dicapai.

2. Laporan saya mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri Kedah Tahun 2009 disediakan hasil daripada pengauditan yang dijalankan di beberapa Jabatan/Agensi Negeri sepanjang tahun 2009. Bagi tujuan pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2009, pengauditan terhadap sistem perakaunan dan dokumen yang berkaitan dengan terimaan dan telah dijalankan di Pejabat Perbendaharaan Negeri.

3. Laporan ini dibahagikan kepada enam Bahagian seperti berikut:

- |                     |  |
|---------------------|--|
| <b>Bahagian I</b>   | - Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah<br>Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2009        |
| <b>Bahagian II</b>  | - Analisis Kewangan Kerajaan Negeri  |
| <b>Bahagian III</b> | - Rancangan Pembangunan Kerajaan Negeri  |
| <b>Bahagian IV</b>  | - Pencapaian Pengurusan Kewangan Jabatan/Agenси Negeri   |
| <b>Bahagian V</b>   | - Penyerahan, Pengesahan, Pembentangan Penyata Kewangan<br>Dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri     |
| <b>Bahagian VI</b>  | - Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Dan Mesyuarat<br>Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri |

4. Di samping memenuhi kehendak perundangan, saya berharap Laporan ini dapat dijadikan sebagai salah satu asas untuk memperbaiki segala kelemahan, usaha penambahbaikan dan meningkatkan akauntabiliti serta integriti dalam pengurusan wang awam. Ini penting untuk menjamin setiap Ringgit Malaysia yang dipungut dan dibelanjakan akan dapat menyumbang kepada pembangunan dan keselesaan hidup rakyat.

5. Pada umumnya, pengurusan kewangan Jabatan Kerajaan Negeri pada tahun 2009 telah menunjukkan peningkatan berbanding dengan tahun sebelumnya. Pencapaian pengurusan kewangan Kerajaan Negeri dan Agensinya boleh dipertingkatkan sekiranya semua pihak yang terlibat mempunyai lima perkara utama yang diringkaskan sebagai **SIKAP** iaitu:

- a) **SUPERVISION** – Penyeliaan yang rapi diberi kepada kerja yang diserahkan kepada pegawai bawahan. Ketua Jabatan perlu memastikan garis panduan yang jelas dan terperinci disediakan sebagai rujukan oleh penjawat awam untuk menjalankan tugas mereka. Penjawat awam perlu melaporkan kemajuan kerja mereka secara berkala.
- b) **INTEREST** – Setiap penjawat awam melaksanakan tugas mereka dengan penuh minat, dedikasi dan tidak ada sikap sambil lewa.
- c) **KNOWLEDGE** – Setiap penjawat awam mempunyai pengetahuan yang cukup dalam bidang tugas masing-masing. Bagi tujuan ini, program latihan yang berterusan perlu dilaksanakan.
- d) **ATTITUDE** – Setiap penjawat awam melaksanakan tugas masing-masing dengan penuh tanggungjawab, jujur dan amanah.
- e) **PROCEDURE** – Prosedur kerja yang lengkap dan jelas diwujudkan serta dipatuhi.

6. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/ Agensi Negeri yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.



(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)

Ketua Audit Negara  
Malaysia

Putrajaya  
6 Julai 2010





# INTISARI LAPORAN



# **INTISARI LAPORAN**

## **BAHAGIAN I - PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI KEDAH BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2009**

1. Pada keseluruhannya, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah telah menunjukkan gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2009. Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah bagi tahun berakhir 31 Disember 2009 telah dapat disahkan kerana dokumen sokongan adalah mencukupi untuk mengesahkan semua butiran dalam Lembaran Imbangan dan Penyata Akaun Memorandum.

## **BAHAGIAN II - ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI**

2. Analisis Audit terhadap kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Kedah pada tahun 2009 mendapati secara keseluruhannya adalah pada tahap memuaskan. Peningkatan hasil sejumlah RM10.32 juta atau 2.9% pada tahun 2009 berbanding peningkatan perbelanjaan mengurus sejumlah RM3.4 juta atau 0.8% telah menyebabkan defisit tahun 2009 berjumlah RM62.89 juta. Defisit ini berkurangan berbanding defisit tahun 2008 yang berjumlah RM69.81 juta iaitu sejumlah RM6.92 juta atau 9.9%. Walaupun defisit tahun semasa berkurangan, baki defisit Akaun Hasil Disatukan bertambah disebabkan baki defisit tahun 2008 berjumlah RM257.84 juta menjadi RM320.73 juta pada tahun 2009. Terimaan pada tahun 2009 dalam Akaun Pinjaman Disatukan adalah sejumlah RM149.45 juta dan dari jumlah tersebut sejumlah RM143.15 juta telah diagihkan untuk projek pembangunan. Akaun Amanah Disatukan pula mengalami peningkatan sejumlah RM73.79 juta atau 15.4%. Bagaimanapun, analisis nisbah semasa pula menunjukkan kedudukan kecairan tunai Kerajaan Negeri adalah kurang memuaskan kerana jumlah aset semasa tidak dapat menampung jumlah tanggungan semasa. Kerajaan Negeri perlu mengekalkan perbelanjaan secara berhemat tanpa menjaskan mutu perkhidmatan dan pembangunan ekonomi negeri serta berusaha menambahkan sumber pendapatan. Selain itu, tindakan yang lebih berkesan perlu diambil untuk mengutip tunggakan hasil kerana jumlah tunggakan hasil pada tahun 2009 berjumlah RM199.83 juta meningkat sejumlah RM5.36 juta atau 2.8% berbanding RM194.47 juta pada tahun 2008.

## **BAHAGIAN III - RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI**

3. Pada keseluruhannya, prestasi pencapaian pelaksanaan RMKe-9 belum dapat dinilai kerana tahun 2009 adalah tahun keempat di bawah RMKe-9. Bagaimanapun sehingga 31 Disember 2009, sejumlah RM1.4 bilion atau 44.6% daripada RM3.14 bilion siling peruntukan telah dibelanjakan. Sebanyak 159 projek atau 68.2% daripada 233 projek telah siap. Manakala 13 projek atau 5.6% projek lagi sedang dilaksanakan, 58 projek atau 24.9% masih belum bermula dan tiga projek atau 1.3% ditangguh. Pelaksanaan projek pembangunan yang lancar dapat mempertingkatkan lagi taraf hidup rakyat.

#### **BAHAGIAN IV - PENCAPAIAN PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI**

4. Pada tahun 2009, Jabatan Audit Negara telah melaksanakan pengauditan pengurusan kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti di 35 Jabatan/Agensi Negeri. Indeks Akauntabiliti dilaksanakan dengan memberi penarafan berdasarkan tahap pematuhan kepada peraturan kewangan Kerajaan. Elemen pengurusan kewangan yang disemak terdiri daripada kawalan pengurusan organisasi, kawalan bajet, kawalan terimaan, kawalan perbelanjaan, pengurusan Akaun Amanah/Kumpulan Wang Amanah dan deposit, pengurusan aset dan stor, pengurusan pelaburan, pengurusan pinjaman serta penyata kewangan tahunan.

Semakan Audit terhadap pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri berdasarkan Indeks Akauntabiliti pada tahun 2009 mendapat empat Jabatan/Agensi Negeri berada di tahap sangat baik, 23 Jabatan/Agensi berada di tahap baik dan sembilan Jabatan/Agensi Negeri lain berada di tahap memuaskan. Berbanding pada tahun 2008, sebanyak 14 Jabatan/Agensi telah diaudit di mana dua Jabatan/Agensi mendapat tahap sangat baik, lapan Jabatan/Agensi telah mendapat taraf baik dan empat Jabatan/Agensi mendapat taraf memuaskan. Secara keseluruhannya, pengurusan kewangan di Jabatan/Agensi Negeri telah bertambah baik berbanding tahun 2008.

#### **BAHAGIAN V - PENYERAHAN, PENGESAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI**

5. Sehingga 31 Mei 2010, sebanyak 29 Penyata Kewangan bagi Badan Berkanun Negeri, Majlis Agama Islam dan Pihak Berkuasa Tempatan telah disijilkan yang melibatkan 24 Sijil Tanpa Teguran dan lima Sijil Berteguran. Persijilan ini melibatkan enam Penyata Kewangan Tahun 2007 dan 23 Penyata Kewangan Tahun 2008. Sebanyak sembilan Badan Berkanun Negeri belum mengemukakan Penyata Kewangan Tahun 2009, manakala tiga Pihak Berkuasa Tempatan belum mengemukakan Penyata Kewangan Tahun 2009. Bagi persijilan Penyata Kewangan Tahun 2009, sebanyak 11 Penyata Kewangan Agensi Negeri yang telah diterima sedang diaudit.

#### **BAHAGIAN VI - PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI**

6. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri Kedah Tahun 2008 telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada 17 November 2009. Sehingga 31 Mei 2010, Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri telah mengadakan empat mesyuarat bagi membincangkan Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri Kedah Tahun 2007.



**BAHAGIAN I**  
**PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN**  
**KERAJAAN NEGERI KEDAH**  
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2009**



**BAHAGIAN I**  
**PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN**  
**KERAJAAN NEGERI KEDAH**  
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2009**

**1. PENDAHULUAN**

**1.1** Seksyen 16(1) Akta Acara Kewangan 1957 menghendaki Pihak Berkuasa Kewangan Negeri menyediakan Penyata Kewangan secepat mungkin selepas penutupan akaun bagi tahun berkenaan. Penyata tersebut hendaklah dikemukakan kepada Ketua Audit Negara dalam tempoh 7 bulan selepas berakhirnya tahun kewangan berkenaan untuk diaudit seperti diperuntukkan di bawah Seksyen 9, Akta Audit 1957.

**1.2** Selaras dengan peruntukan undang-undang tersebut, Pegawai Kewangan Negeri telah mengemukakan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah bagi tahun berakhir 31 Disember 2009 kepada Jabatan Audit Negara pada **1 April 2010**. Penyata tersebut melaporkan semua urus niaga kewangan asas tunai bagi tahun 2009 yang berkaitan dengan sumber dan penggunaan wang awam. Penyata tersebut mengandungi Lembaran Imbangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Akaun.

**1.2.1** Lembaran Imbangan menunjukkan jumlah wang tunai dan pelaburan yang dipegang bagi ketiga-tiga Akaun Kumpulan Wang Disatukan iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan. Selaras dengan asas perakaunan tunai ubahsuai yang diguna pakai oleh Kerajaan Negeri, hanya pelaburan yang dipegang bagi maksud amanah tertentu dan lebihan daripada Kumpulan Wang Disatukan dilaporkan dalam Lembaran Imbangan. Manakala pelaburan lain dilaporkan dalam Penyata Akaun Memorandum.

**1.2.2** Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai menunjukkan terimaan dan bayaran bagi tahun 2009. Terimaan adalah terdiri daripada hasil, pinjaman, terimaan modal dan terimaan lain seperti amanah dan deposit. Bayaran pula adalah untuk membiayai perbelanjaan mengurus, pembangunan, modal dan bayaran balik pinjaman.

**1.2.3** Penyata Akaun Memorandum menunjukkan kedudukan aset dan tanggungan Kerajaan Negeri. Aset Kerajaan Negeri merangkumi Pinjaman Boleh Dituntut, Pelaburan dan Tunggakan Hasil. Manakala tanggungan Kerajaan Negeri pula terdiri daripada Hutang Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan.

## **2.     OBJEKTIF DAN KADEAH PENGAUDITAN**

**2.1** Pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah bagi tahun berakhir 31 Disember 2009 adalah untuk memberi pendapat sama ada penyata itu menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

**2.2** Pengauditan terhadap sistem perakaunan dan dokumen dijalankan secara berterusan sepanjang tahun 2009. Teguran Audit mengenainya telah dibangkitkan dengan Pegawai Kewangan Negeri, Perbendaharaan Negeri dan Jabatan Negeri melalui pemerhatian Audit sebaik sahaja sesuatu pengauditan selesai dijalankan.

## **3.     PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI KEDAH BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2009**

**3.1** Pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpanduan piawaian pengauditan yang diluluskan. Akta dan piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan bagi mendapat kepastian yang munasabah sama ada Penyata Kewangan adalah bebas daripada kesilapan dan ketinggalan yang ketara. Pengauditan itu termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan penzahiran yang mencukupi dalam penyediaan Penyata Kewangan. **Pada pendapat Audit, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri pada keseluruhannya menunjukkan gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Kedah bagi tahun berakhir 31 Disember 2009 dan rekod perakaunannya telah diselenggara dengan teratur dan kemas kini.** Sijil Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang disertakan bersama dengan Lembaran Imbangan, Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Akaun Memorandum, Penyata Akaun Hasil Disatukan dan Nota Kepada Akaun adalah seperti di **Lampiran I hingga Lampiran VI**.



## **BAHAGIAN II**

### **ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI**



## BAHAGIAN II

### ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

#### 4. PRESTASI KEWANGAN

Jabatan Audit Negara di samping mengesahkan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2009 juga membuat analisis terhadap data kewangan bagi menentukan tahap prestasi kewangan serta kedudukan kewangan Kerajaan Negeri. Hasil analisis yang telah dijalankan adalah berdasarkan Penyata Wang Tunai, Penyata Pelaburan, Penyata Akaun Hasil Disatukan, Penyata Akaun Pinjaman Disatukan, Penyata Akaun Amanah Disatukan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Akaun Awam.

##### 4.1 KEDUDUKAN KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

**4.1.1** Mengikut Lembaran Imbangan, Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2009 berjumlah RM265.52 juta. Jumlah ini merupakan lebihan terkumpul daripada ketiga-tiga Akaun Kumpulan Wang Disatukan iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan. Amaun ini adalah dalam bentuk wang tunai berjumlah RM60.74 juta dan pelaburan berjumlah RM204.78 juta. Kumpulan Wang Disatukan pada tahun 2009 berbanding tahun 2008 adalah seperti di **Jadual 4.1**.

**Jadual 4.1**  
**Kumpulan Wang Disatukan Pada Tahun 2009 Berbanding 2008**

Bil.	Butiran	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
		2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Akaun Hasil Disatukan	(257.84)	(320.73)	(62.89)	(24.4)
2.	Akaun Pinjaman Disatukan	32.83	34.76	1.93	5.9
3.	Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada:	477.70	551.49	73.79	15.4
	a) <i>Kumpulan Wang Amanah Kerajaan:</i>	(243.17)	(271.56)	(28.39)	(11.7)
	i) <i>Kumpulan Wang Pembangunan</i>	(555.65)	(616.64)	(60.99)	(11.0)
	ii) <i>Kumpulan Wang Bekalan Air</i>	144.91	144.91	0	0
	iii) <i>Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan</i>	167.57	200.17	32.60	19.5
	b) <i>Kumpulan Wang Amanah Awam</i>	511.83	596.92	85.09	16.6
	c) <i>Wang Deposit</i>	209.04	226.13	17.09	8.2
<b>Jumlah</b>		<b>252.69</b>	<b>265.52</b>	<b>12.83</b>	<b>5.1</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah

**4.1.2** Analisis Audit mendapati Kumpulan Wang Disatukan mengalami peningkatan sejumlah RM12.83 juta atau 5.1% menjadi RM265.52 juta pada tahun 2009 berbanding RM252.69 juta pada tahun 2008. Peningkatan ini adalah disebabkan Akaun Amanah Yang Disatukan mengalami peningkatan sejumlah RM73.79 juta atau 15.4% berbanding pada tahun 2008. Selain itu, Akaun Pinjaman Yang Disatukan mengalami peningkatan sejumlah RM1.93 juta atau 5.9% berbanding pada tahun 2008. Bagaimanapun, Akaun Hasil Disatukan

terus mengalami penurunan dengan bertambahnya defisit pada tahun 2009 berjumlah RM62.89 juta.


**4.1.3** Kumpulan Wang Disatukan bagi tempoh tahun 2005 hingga 2009 adalah seperti di **Jadual 4.2** dan **Carta 4.1**. Kedudukan pada tahun 2009 adalah bertambah baik berbanding tahun 2008 dan 2005.

**Jadual 4.2**  
**Kumpulan Wang Disatukan Bagi Tahun 2005 Hingga 2009**

Bil.	Butiran	Tahun				
		2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)
1.	Akaun Hasil Disatukan	(140.44)	(120.91)	(188.03)	(257.84)	(320.73)
2.	Akaun Pinjaman Disatukan	32.23	28.26	62.35	32.83	34.76
3.	Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada:	334.45	383.82	447.08	477.70	551.49
	a) <i>Kumpulan Wang Amanah Kerajaan</i>	(137.51)	(201.26)	(192.88)	(243.17)	(271.56)
	i) <i>Kumpulan Wang Pembangunan</i>	(405.64)	(485.65)	(516.36)	(555.65)	(616.64)
	ii) <i>Kumpulan Wang Bekalan Air</i>	99.48	124.57	124.48	144.91	144.91
	iii) <i>Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan</i>	168.65	159.82	199.00	167.57	200.17
	b) <i>Kumpulan Wang Amanah Awam</i>	294.91	340.55	450.21	511.83	596.92
	c) <i>Wang Deposit</i>	177.05	244.53	189.75	209.04	226.13
	<b>Jumlah</b>	<b>226.24</b>	<b>291.17</b>	<b>321.40</b>	<b>252.69</b>	<b>265.52</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah

**Carta 4.1**  
**Kumpulan Wang Disatukan Bagi Tahun 2005 Hingga 2009**



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah

**4.1.4** Analisis Nisbah Semasa adalah untuk mengukur kedudukan kecairan tunai Kerajaan Negeri bagi membiayai jumlah tanggungan semasa dengan membuat perbandingan antara jumlah aset semasa dengan jumlah tanggungan semasa. Jumlah aset semasa terdiri daripada kesemua jumlah wang tunai yang terkandung di dalam Penyata Wang Tunai

dengan jumlah pelaburan yang terdapat di dalam Penyata Pelaburan. Manakala jumlah tanggungan semasa pula terdiri daripada jumlah Akaun Kena Bayar tahun 2009, jumlah deposit dan jumlah tunggakan bayaran balik pinjaman kepada Kerajaan Persekutuan yang telah dijadualkan. Tunggakan bayaran balik ini tidak termasuk bayaran balik bagi pinjaman Bekalan Air. Analisis Nisbah Semasa pada tahun 2009 menunjukkan Nisbah Semasa Kerajaan Negeri adalah kurang daripada satu. Nisbah yang diperolehi menunjukkan kecairan tunai Kerajaan Negeri tidak dapat menampung jumlah tanggungan semasa.

## 4.2 WANG TUNAI

**4.2.1** Mengikut Penyata Kewangan, baki wang tunai pada 31 Disember 2009 berjumlah RM60.74 juta. Wang tunai merupakan aset yang terdiri daripada Wang Tunai Dalam Bank berjumlah RM21.93 juta, Wang Tunai Dalam Perjalanan berjumlah RM38.68 juta dan Wang Tunai Dalam Tangan berjumlah RM0.13 juta.

**4.2.2** Analisis perbandingan kedudukan wang tunai bagi tahun 2009 menunjukkan peningkatan berjumlah RM11.77 juta atau 24.0% menjadi RM60.74 juta berbanding RM48.97 juta pada tahun 2008. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh aliran wang tunai masuk pada tahun 2009 berjumlah RM3,236.97 juta melebihi aliran wang tunai keluar berjumlah RM3,225.20 juta. Wang tunai dalam perjalanan pada tahun 2009 pula telah meningkat sejumlah RM24.16 juta atau 166.4% menjadi RM38.68 juta berbanding RM14.52 juta pada tahun 2008. Kedudukan baki wang tunai pada tahun 2009 berbanding tahun 2008 adalah seperti di **Jadual 4.3**.

**Jadual 4.3**  
**Baki Wang Tunai Pada Tahun 2009 Berbanding Tahun 2008**

Bil.	Butiran	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
		2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Wang Tunai Dalam Bank	34.43	21.93	(12.5)	(36.3)
2.	Wang Tunai Dalam Perjalanan	14.52	38.68	24.16	166.4
3.	Wang Tunai Dalam Tangan	0.02	0.13	0.11	550.0
<b>Jumlah</b>		<b>48.97</b>	<b>60.74</b>	<b>11.77</b>	<b>24.0</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah


**4.2.3** Baki wang tunai Kerajaan Negeri Kedah bagi tahun 2005 hingga 2009 adalah seperti di **Jadual 4.4** dan **Carta 4.2**. Kedudukan baki wang tunai tahun 2009 adalah bertambah baik berbanding tahun 2008 dan tahun 2005. Bagaimanapun ianya berkurangan berbanding tahun 2006 dan 2007.

**Jadual 4.4**  
**Wang Tunai Bagi Tahun 2005 Hingga 2009**

Bil.	Butiran	Tahun				
		2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)
1.	Wang Tunai Dalam Bank	20.41	43.24	19.48	34.43	21.93
2.	Wang Tunai Dalam Perjalanan	7.97	24.17	53.18	14.52	38.68
3.	Wang Tunai Dalam Tangan	4.14	0.03	0.02	0.02	0.13
<b>Jumlah</b>		<b>32.52</b>	<b>67.44</b>	<b>72.68</b>	<b>48.97</b>	<b>60.74</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah

**Carta 4.2**  
**Wang Tunai Bagi Tahun 2005 Hingga 2009**



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah

**4.2.4 Penyata Penyesuaian Bank** - Penyata Penyesuaian Bank adalah satu penyata yang disediakan oleh setiap Pejabat Perakaunan selepas akhir bulan untuk menerangkan perbezaan antara baki di penyata bank dan di buku tunai. Mengikut Arahan Perbendaharaan 146, Penyata Penyesuaian Bank Bulanan hendaklah dikemukakan kepada Ketua Audit Negara atau wakilnya dalam tempoh dua minggu selepas akhir setiap bulan. Sehingga akhir tahun 2009, Perbendaharaan Negeri menyelenggara tujuh akaun bank iaitu empat bank terimaan dan tiga bank bayaran. Semakan Audit yang dijalankan terhadap 74 Penyata Penyesuaian Bank Bulanan mendapat hanya enam penyata dikemukakan dalam tempoh 14 hari, manakala 68 penyata dikemukakan antara hari ke 15 hingga 91 kepada pihak Audit. Selain itu beberapa urusniaga yang belum selesai bagi tujuh bank mengikut Penyata Penyesuaian Bank bagi Disember 2009 adalah seperti di **Jadual 4.5**.

**Jadual 4.5**  
**Urusniaga Belum Selesai Di Penyata Penyesuaian Bank Pada 31 Disember 2009**

Bil.	Butiran	Bilangan		Jumlah Bank	Jumlah (RM Juta)
		Bank Terimaan	Bank Bayaran		
1.	Urusniaga Dalam Bank Tiada Di Buku Tunai	4	3	7	787.00
2.	Urusniaga Dalam Buku Tunai Tetapi Tiada Di Penyata Bank	3	3	6	671.10
3.	Cek Belum Ditunaikan Antara 6 Bulan Sehingga 6 Tahun Belum Diselaraskan	2	2	4	145.51

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah

Perbendaharaan Negeri hendaklah menyediakan Penyata Penyesuaian Bank setiap bulan dan mengatasi masalah urusniaga belum selesai di Penyata Penyesuaian Bank ini.

### 4.3 PELABURAN

**4.3.1** Pelaburan terdiri daripada Pelaburan Kumpulan Wang Amanah dan Pelaburan Am. Pelaburan Kumpulan Wang Amanah adalah pelaburan yang dibuat daripada Kumpulan Wang Amanah selaras dengan Seksyen 9 dan Seksyen 10 Akta Acara Kewangan 1957 serta peraturan yang dikuatkuasakan. Manakala Pelaburan Am adalah pelaburan yang dibuat daripada lebihan Kumpulan Wang Disatukan selain daripada pelaburan Kumpulan Wang Amanah.

**4.3.2** Baki Pelaburan Kerajaan Negeri Kedah pada akhir tahun 2009 berjumlah RM204.78 juta berbanding RM203.72 juta pada tahun 2008. Analisis perbandingan menunjukkan peningkatan adalah disebabkan penambahan dalam Deposit Dalam Negeri berjumlah RM4 juta. Pelaburan Kerajaan Negeri pada tahun 2009 berbanding 2008 adalah seperti di **Jadual 4.6**.

**Jadual 4.6**  
**Pelaburan Pada Tahun 2009 Berbanding Tahun 2008**

Bil.	Butiran	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
		2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Pelaburan Kumpulan Wang Amanah	23.72	20.78	(2.94)	(12.4)
	a) Sekuriti Kerajaan Malaysia	0.45	0.25	(0.20)	(44.4)
	b) Saham Dan Syer	23.27	20.53	(2.74)	(11.8)
2.	Pelaburan Am: a) Deposit Dalam Negeri	180.00	184.00	4.00	2.2
<b>Jumlah</b>		<b>203.72</b>	<b>204.78</b>	<b>1.06</b>	<b>0.5</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah

#### 4.3.3 Pelaburan Kumpulan Wang Amanah

Pelaburan Kumpulan Wang Amanah terdiri daripada pelaburan Sekuriti Kerajaan Malaysia (SKM) dan Saham Dan Syer (SDS).

- a) **Pelaburan dalam SKM** pada tahun 2009 telah menyusut sejumlah RM0.20 juta disebabkan satu daripada sahamnya telah dicairkan kerana telah mencapai tempoh matang manakala dividen berjumlah RM0.01 juta telah diterima. Semakan Audit seterusnya mendapati baki SKM berjumlah RM0.25 juta yang dinyatakan di Penyata Kewangan pada akhir tahun 2009 adalah tidak betul. Ini adalah disebabkan saham ini telah dipindahkan kepada Jabatan Akauntan Negara Malaysia berkuatkuasa mulai April 2008 dan diisytiharkan sebagai Wang Tak Dituntut di bawah Akta Wang Tak Dituntut 1965 tetapi masih diambilkira dalam Penyata Pelaburan pada 31 Disember 2009. Saham tersebut telah matang pada 15 Disember 2005 dan tiada arahan pembaharuan automatik telah dibuat oleh Perbendaharaan Negeri. Faedah keuntungan daripada pelaburan SKM yang berjumlah RM0.01 juta juga telah dipindahkan di bawah Akta yang sama berkuatkuasa mulai Ogos 2008. Tuntutan bayaran balik Wang Tak Dituntut bagi pelaburan SKM dan faedah keuntungan yang berjumlah RM0.26 juta keseluruhannya daripada Jabatan Akauntan Negara Malaysia telah dibuat oleh Perbendaharaan Negeri pada 9 Mac 2010 dan diluluskan pada 12 Mei 2010.

b) **Pelaburan dalam SDS** pada tahun 2009 terdiri daripada pelaburan dalam Amanah Saham Kedah (ASK), Malaysia Airports dan Petronas Dagangan dan dikendalikan oleh *State Secretary Incorporated (SSI)*. Penurunan pelaburan SDS pada tahun 2009 berjumlah RM2.74 juta adalah disebabkan penjualan balik pelaburan ASK sebanyak 6.36 juta unit pada kadar RM0.43 seunit. Manakala pelaburan dalam Malaysia Airports dan Petronas Dagangan tidak berubah. Pada tahun 2009, pelaburan dalam SDS telah mencatatkan pulangan dividen berjumlah RM1.24 juta. Dividen ini diperoleh melalui pelaburan Malaysia Airports Berhad berjumlah RM0.56 juta dan Petronas Dagangan berjumlah RM0.68 juta, manakala pelaburan ASK tidak memperoleh sebarang keuntungan walaupun ASK Berhad (ASKB) mengumumkan pengagihan dividen pada tahun 2009. Ini adalah disebabkan mulai tahun kewangan 2008, keuntungan pelaburan ASK disalurkan terus kepada ASKB bagi tujuan pengukuhan operasi dan kedudukan kewangan. Ini adalah berdasarkan keputusan mesyuarat Lembaga Pengarah ASKB pada 31 Disember 2007 setelah mendapat persetujuan Kerajaan Negeri pada 10 Oktober 2007. Keputusan ini menyebabkan pelaburan ASK yang mendapat pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan tidak akan menjana sebarang keuntungan di masa hadapan termasuklah pengagihan dividen oleh ASKB kepada para pelabur.

#### 4.3.4 Pelaburan Am

Pelaburan Am terdiri daripada Deposit Dalam Negeri melibatkan pelaburan di 10 buah bank. Aktiviti pembelian dan penjualan balik pada tahun 2009 bagaimanapun hanya melibatkan lapan buah bank. Hasil daripada aktiviti ini, baki Deposit Dalam Negeri pada tahun 2009 telah meningkat menjadi RM184 juta berbanding RM180 juta pada tahun 2008. Semakan Audit mendapati baki pelaburan ini yang berjumlah RM184 juta tidak tepat kerana tidak mengambil kira dua sijil pelaburan dalam Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad berjumlah RM2 juta. *Maklum balas daripada pihak bank mengesahkan pelaburan berjumlah RM2 juta ini telah dicairkan pada 1 Januari 2010.* Pelaburan bagi tahun 2005 hingga 2009 menunjukkan peningkatan semula berlaku pada tahun 2009 walaupun mengalami penurunan pada tahun 2008 seperti di **Jadual 4.7**. Kedudukan pelaburan pada tahun 2009 meningkat berbanding tahun 2008, 2005 dan 2006. Bagaimanapun ianya adalah lebih rendah berbanding tahun 2007.

**Jadual 4.7**  
**Pelaburan Bagi Tahun 2005 Hingga 2009**

Bil.	Butiran	Tahun				
		2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)
1.	Pelaburan Kumpulan Wang Amanah:	23.72	23.72	23.72	23.72	20.78
	a) Sekuriti Kerajaan Malaysia	0.45	0.45	0.45	0.45	0.25
	b) Saham Dan Syer	23.27	23.27	23.27	23.27	20.53
2.	Pelaburan Am: Deposit Dalam Negeri	170.00	200.00	225.00	180.00	184.00
	<b>Jumlah</b>	<b>193.72</b>	<b>223.72</b>	<b>248.72</b>	<b>203.72</b>	<b>204.78</b>

Sumber: *Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah*

#### 4.3.5 Analisis Keuntungan Pelaburan Kumpulan Wang Amanah Dan Pelaburan Am

Analisis Audit mendapati keuntungan daripada pelaburan pada tahun 2009 telah mengalami penurunan sejumlah RM0.89 juta atau 16.4% menjadi RM4.54 juta berbanding RM5.43 juta pada tahun 2008. Penurunan ini adalah disebabkan pelaburan am hanya memperoleh keuntungan sejumlah RM3.29 juta berbanding RM4.70 juta pada tahun 2008 iaitu menurun sejumlah RM1.41 juta atau 30%. Hampir sebahagian daripada penurunan ini ditampung oleh peningkatan keuntungan pelaburan Kumpulan Wang Amanah berjumlah RM0.52 juta atau 71.2% menjadi RM1.25 juta berbanding RM0.73 juta pada tahun 2008. Keuntungan pelaburan Kerajaan Negeri adalah seperti di **Jadual 4.8**.

**Jadual 4.8**  
**Keuntungan Pelaburan Pada Tahun 2009 Berbanding Tahun 2008**

Bil.	Butiran	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
		2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Pelaburan Kumpulan Wang Amanah:	<b>0.73</b>	<b>1.25</b>	<b>0.52</b>	<b>71.2</b>
	a) Sekuriti Kerajaan Malaysia	0	0.01	0.01	100.0
	b) Saham Dan Syer	0.73	1.24	0.51	69.9
2.	Pelaburan Am: Deposit Dalam Negeri	<b>4.70</b>	<b>3.29</b>	<b>(1.41)</b>	<b>(30.0)</b>
	<b>Jumlah</b>	<b>5.43</b>	<b>4.54</b>	<b>(0.89)</b>	<b>(16.4)</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah dan Penyata Terimaan Dan Bayaran SSI

Analisis Audit juga mendapati keuntungan deposit dalam negeri bagi pelaburan am berjumlah RM3.29 juta dan SKM bagi pelaburan Kumpulan Wang Amanah berjumlah RM0.01 juta telah diperakaunkan di Akaun Hasil Disatukan manakala keuntungan Saham SDS bagi pelaburan Kumpulan Wang Amanah berjumlah RM1.24 juta telah diperakaunkan di Akaun Amanah SSI. Ini menunjukkan hanya RM3.30 juta atau 72.7% daripada keseluruhan keuntungan pelaburan Kerajaan Negeri diperakaunkan dalam Akaun Hasil Disatukan manakala sejumlah RM1.24 juta atau 27.3% lagi diperakaunkan dalam akaun amanah. Perakaunan bagi keuntungan pelaburan Kumpulan Wang Amanah ini bagaimanapun tidak konsisten kerana sejumlah RM0.01 juta atau 0.8% diperakaunkan di Akaun Hasil Disatukan manakala baki sejumlah RM1.24 juta atau 99.2% diperakaunkan di Akaun Amanah SSI. Memandangkan pelaburan ini diuruskan oleh SSI, semua keuntungan pelaburan sepatutnya diperakaunkan sebagai hasil terimaan SSI terlebih dahulu. Sebarang sumbangan daripada keuntungan pelaburan ini hendaklah dibayar daripada akaun amanah SSI kepada Kerajaan Negeri untuk diperakaunkan dalam Akaun Hasil Disatukan. Sumbangan daripada keuntungan pelaburan ini dapat membantu Kerajaan Negeri mengurangkan defisit tahun semasa. Kedudukan keuntungan pelaburan Kumpulan Wang Amanah dan Pelaburan Am bagi tahun 2005 hingga 2009 adalah seperti di **Jadual 4.9**. Kedudukan keuntungan pelaburan pada tahun 2009 telah berkurangan berbanding empat tahun kebelakangan.

**Jadual 4.9**  
**Kedudukan Keuntungan Pelaburan Bagi Tahun 2005 Hingga 2009**

Bil.	Butiran	Tahun				
		2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)
1.	Pelaburan Kumpulan Wang Amanah:	0.22	0.40	0.98	0.73	1.25
	a) Sekuriti Kerajaan Malaysia	0.08	0.07	0.001	0	0.01
	b) Saham Dan Syer	0.14	0.33	0.98	0.73	1.24
2.	Pelaburan Am: Deposit Dalam Negeri	4.27	5.43	6.06	4.70	3.29
<b>Jumlah</b>		<b>4.49</b>	<b>5.83</b>	<b>7.04</b>	<b>5.43</b>	<b>4.54</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah dan Penyata Terimaan Dan Bayaran SSI

#### 4.4 AKAUN HASIL DISATUKAN

Akaun Hasil Disatukan mengakaunkan semua terimaan wang serta perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri. Akaun ini ditubuhkan mengikut Perkara 97 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7(a), Akta Acara Kewangan 1957.

##### 4.4.1 Hasil

Hasil yang dikutip oleh Kerajaan Negeri adalah terdiri daripada Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Kutipan hasil Kerajaan Negeri pada tahun 2009 berjumlah RM368.27 juta iaitu meningkat sedikit sejumrah RM10.32 juta atau 2.9% berbanding tahun 2008 berjumlah RM357.95 juta seperti di **Jadual 4.10**.

**Jadual 4.10**  
**Kutipan Hasil Pada Tahun 2009 Berbanding Tahun 2008**

Bil.	Butiran	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
		2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Hasil Cukai	203.98	188.97	(15.01)	(7.4)
2.	Hasil Bukan Cukai	56.99	50.42	(6.57)	(11.5)
3.	Terimaan Bukan Hasil	96.98	128.88	31.9	32.9
<b>Jumlah</b>		<b>357.95</b>	<b>368.27</b>	<b>10.32</b>	<b>2.9</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah

Hasil cukai pada tahun 2009 yang berjumlah RM188.97 juta adalah tidak tepat. Ini disebabkan kutipan hasil tanah melalui Portal bagi semua pejabat tanah mengikut Laporan Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian (PTG) berjumlah RM0.27 juta bagi tahun 2009 tidak diperakaunkan ke dalam hasil. Kutipan hasil ini tidak diambilkira kerana penyata pemungut tidak disediakan. Penyesuaian kutipan hasil melalui portal bagi perbezaan di antara Laporan PTG dan Penyata Bank berjumlah RM0.09 juta juga tidak disediakan. Pelaksanaan bayaran hasil tanah melalui portal ini atau berasaskan internet berkuatkuasa mulai November 2008 dan bertujuan untuk kemudahan pelanggan selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 6 Tahun 2007. Perbendaharaan Negeri juga telah menerima pakai Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bil. 3 Tahun 2007 yang menjelaskan dengan terperinci kaedah pelaksanaan terimaan secara *online* yang perlu dipatuhi.

**a) Peningkatan Dan Penurunan Hasil Yang Ketara Tahun 2009 Berbanding Tahun 2008**

Butiran hasil yang mengalami peningkatan dan penurunan yang ketara pada tahun 2009 berbanding tahun 2008 adalah seperti di **Jadual 4.11** dan **Jadual 4.12**.

**Jadual 4.11**  
**Peningkatan Hasil Yang Ketara Pada Tahun 2009 Berbanding Tahun 2008**

Bil.	Butiran Hasil	Tahun		Peningkatan		Punca
		2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)	
1.	Terimaan Daripada Anak Syarikat Negeri Kedah	0	15.17	15.17	100.0	Sumbangan daripada Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah (PKNK) berjumlah RM15 juta dan Yiked Kuari Sdn. Bhd. berjumlah RM0.17 juta. Kerajaan Negeri membuat penetapan bahawa <i>Government Linked Companies</i> perlu memberi sumbangan bagi tujuan menampung defisit perbelanjaan mengurus pada tahun 2009.
2.	Premium Hutan	28.14	33.05	4.91	17.4	Sejumlah RM23.16 juta hasil diterima daripada sembilan tender, sejumlah RM5.61 juta daripada 17 anugerah dan sejumlah RM0.59 juta daripada lapan sebutharga.
3.	Royalti Pengeluaran Bahan Batuan	14.65	19.40	4.75	32.4	Kutipan royalti bagi dua Pejabat Tanah dan tiga Pejabat Tanah Dan Daerah telah meningkat sejumlah RM4.11 juta berbanding tahun 2008. Antara sebab peningkatan adalah kerana pertambahan pengeluaran batu kapur oleh Syarikat Lafarge Malayan Cement Sdn. Bhd. di kuari Teluk Ewa dan tanah liat di Kilim, Langkawi.
4.	Cukai Hiburan	0.71	2.26	1.55	218.3	Kutipan cukai hiburan bagi Pejabat Daerah Kubang Pasu dan Kota Setar serta Pejabat Tanah Dan Daerah Langkawi telah meningkat sejumlah RM1.51 juta kerana peningkatan pelanggan. Kutipan cukai hiburan yang tinggi diterima antaranya daripada Jitra Mall Entertainment Sdn. Bhd. berjumlah RM0.73 juta dan Lye Huat Garden berjumlah RM0.04 juta.
5.	Pemberian Bayaran Bagi Membaiayai Separuh Kos 50% Perbelanjaan Pengurusan	17.34	18.79	1.45	8.4	Sejumlah RM18.79 juta pemberian diterima pada tahun 2009 bagi membaiayai separuh perbelanjaan mengurus (50%) di bawah Senarai Bersama.

Bil.	Butiran Hasil	Tahun		Peningkatan		Punca
		2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)	
6.	Pemberian Kepada Pertambahan Hasil Kerajaan Negeri	6.88	7.94	1.06	15.4	Sejumlah RM7.94 juta di terima bagi Pemberian Pertambahan Hasil Bahagian I daripada Kerajaan Persekutuan.
	<b>Jumlah</b>	<b>67.72</b>	<b>96.61</b>	<b>28.89</b>	<b>42.7</b>	

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah

**Jadual 4.12**  
**Penurunan Hasil Yang Ketara Pada Tahun 2009 Berbanding Tahun 2008**

Bil.	Butiran Hasil	Tahun		Penurunan		Punca
		2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)	
1.	Kutipan Tunggakan Cukai Tanah	30.79	15.74	15.05	48.9	Pejabat Tanah Kuala Muda, Kulim dan Kubang Pasu mencatat penurunan ketara kutipan bagi tunggakan cukai tanah berjumlah RM14.43 juta. Pengurangan kadar cukai pada tahun 2008 telah memberi galakan kepada rakyat untuk membayar dengan segera. Selain itu kelulusan pembayaran tunggakan cukai secara ansuran kepada OSK Properties berjumlah RM1.70 juta juga telah diberikan.
2.	Cukai Tanah	96.26	85.37	10.89	11.3	Pengurangan kadar cukai melibatkan semua jenis hak milik tanah berkuatkuasa pada 30 April 2008.
3.	Premium Tanah	27.37	26.63	0.74	2.7	Faktor utama pengurangan kutipan di Pejabat Tanah Kubang Pasu berjumlah RM5.82 juta dan Pejabat Tanah Kuala Muda berjumlah RM3.38 juta adalah disebabkan kegagalan pembayar menjelaskan premium tanah yang dikenakan.
4.	Bayaran Pendaftaran Surat Cara Urusan Tanah	21.99	17.89	4.10	18.6	Pengurangan terimaan melibatkan Pejabat PTG berjumlah RM3.83 juta.
	<b>Jumlah</b>	<b>176.41</b>	<b>145.63</b>	<b>30.78</b>	<b>17.4</b>	

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah

### b) Penyumbang Utama Hasil

Penyumbang utama hasil Kerajaan Negeri bagi tempoh lima tahun iaitu dari tahun 2005 hingga 2009 terdiri daripada Cukai Tanah, Premium Hutan, Premium Tanah, Pemberian Mengikut Bilangan Penduduk, Royalti Bahan Batuan, Bayaran Pendaftaran Surat Cara Urusan Tanah dan Kutipan Tuggakan Cukai Tanah seperti di **Jadual 4.13**.

**Jadual 4.13**  
**Penyumbang Utama Hasil Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2005 Hingga 2009**

Bil.	Butiran	Tahun				
		2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)
1.	Cukai Tanah	36.25	72.35	118.44	96.26	85.37
2.	Premium Hutan	3.87	9.10	9.21	28.14	33.05
3.	Premium Tanah	63.55	43.78	30.94	27.37	26.63
4.	Pemberian Mengikut Bilangan Penduduk	25.58	25.88	26.24	26.58	26.92
5.	Royalti Bahan Batuan	10.91	12.85	13.58	14.65	19.40
6.	Bayaran Pendaftaran Surat Cara Urusan Tanah	17.58	18.63	20.78	21.99	17.89
7.	Kutipan Tuggakan Cukai Tanah	6.77	9.56	15.32	30.79	15.74
<b>Jumlah</b>		<b>164.51</b>	<b>192.15</b>	<b>234.51</b>	<b>245.78</b>	<b>225.0</b>

Sumber: *Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah*

Hasil utama Kerajaan Negeri dari kutipan hasil cukai tanah telah menunjukkan penurunan mulai tahun 2008. Penurunan ini adalah berikutan dasar baru Kerajaan mengurangkan kadar cukai berkuatkuasa pada 30 April 2008. Trend kutipan cukai tanah selama dua tahun berturut-turut menyaksikan penurunan kutipan cukai tanah berjumlah RM33.07 juta atau 27.9% menjadi RM85.37 juta pada tahun 2009 berbanding RM118.44 juta pada tahun 2007. Selain itu, polisi tender terbuka yang diperkenalkan dalam tahun 2008 telah menyebabkan hasil hutan meningkat sejumrah RM23.84 juta atau 258.8% menjadi RM33.05 juta pada tahun 2009 berbanding RM9.21 juta pada tahun 2007.

#### 4.4.2 Perbelanjaan Mengurus

Perbelanjaan Mengurus terdiri daripada Perbelanjaan Tanggungan dan Perbelanjaan Bekalan. Perbelanjaan ini diperakaunkan ke Akaun Hasil Disatukan seperti yang diperuntukkan oleh Perkara 98, 100, 101, 102 dan 104 Perlembagaan Persekutuan serta Seksyen 13 Akta Acara Kewangan 1957. Mengikut peruntukan tersebut juga Perbelanjaan Tanggungan adalah perbelanjaan yang dipertanggungkan terus kepada Kumpulan Wang Disatukan seperti Peruntukan diRaja, Speaker Dewan Undangan Negeri, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, hutang kerajaan, pampasan, pencen, ganjaran dan hapus kira. Manakala Perbelanjaan Bekalan adalah perbelanjaan bagi membiayai kegiatan harian Jabatan Negeri.

Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Negeri Kedah secara keseluruhannya meningkat sedikit sejumrah RM3.4 juta atau 0.8% iaitu daripada RM427.76 juta pada tahun 2008 kepada RM431.16 juta pada tahun 2009. Peningkatan ini adalah disebabkan pertambahan Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap berbanding tahun 2008 berjumlah RM20.82 juta

serta Perbelanjaan Lain berjumlah RM1.73 juta. Kedudukan perbelanjaan mengurus mengikut kategori bagi tahun 2009 berbanding tahun 2008 adalah seperti di **Jadual 4.14**.

**Jadual 4.14**  
**Perbelanjaan Mengurus Pada Tahun 2009 Berbanding Tahun 2008**

Bil.	Perbelanjaan	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
		2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Emolumen	157.37	157.45	0.08	0.1
2.	Perkhidmatan Dan Bekalan	105.38	94.62	(10.76)	(10.2)
3.	Aset	13.43	4.96	(8.47)	(63.1)
4.	Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	144.79	165.61	20.82	14.4
5.	Perbelanjaan Lain	6.79	8.52	1.73	25.5
<b>Jumlah</b>		<b>427.76</b>	<b>431.16</b>	<b>3.4</b>	<b>0.8</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah

Perbelanjaan Perkhidmatan Dan Bekalan pada tahun 2009 yang berjumlah RM94.62 juta telah terlebih dinyatakan sejumlah RM0.58 juta kerana telah mengambil kira perbelanjaan penyenggaraan bagi tiga Akaun Amanah Program Perumahan. Akaun Amanah tersebut adalah Akaun Amanah Program Perumahan Rakyat Paya Nahu, Akaun Amanah Program Perumahan Rakyat Paya Nahu II dan Akaun Amanah Program Perumahan Rakyat Taman Dahlia, Langkawi.

**a) Peningkatan Perbelanjaan Yang Ketara Tahun 2009 Berbanding 2008**

Peningkatan perbelanjaan yang ketara pada tahun 2009 berbanding tahun 2008 melibatkan butiran perbelanjaan seperti di **Jadual 4.15**.

**Jadual 4.15**  
**Peningkatan Perbelanjaan Yang Ketara Pada Tahun 2009 Berbanding 2008**

Bil.	Butiran Perbelanjaan	Tahun		Peningkatan		Punca
		2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)	
1.	Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	144.79	165.61	20.82	14.4	Peningkatan sumbangan Kerajaan Negeri kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri berjumlah RM11.04 juta dan Kumpulan Wang Terkanun berjumlah RM8 juta.
2.	Perbelanjaan Lain	6.79	8.52	1.73	25.5	Bayaran penghakiman Mahkamah berjumlah RM0.64 juta dan membetulkan kesilapan semasa <i>conversion data</i> semasa pelaksanaan SPEKS berjumlah RM0.16 juta.
<b>Jumlah</b>		<b>151.58</b>	<b>174.13</b>	<b>22.55</b>	<b>14.9</b>	

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah

**b) Perbelanjaan Mengurus Bagi Tahun 2005 Hingga 2009**


Perbelanjaan Mengurus bagi tahun 2005 hingga 2009 adalah seperti di **Jadual 4.16** dan **Carta 4.3**. Kedudukan Perbelanjaan Mengurus pada tahun 2009 adalah yang tertinggi berbanding lima tahun kebelakangan.

**Jadual 4.16**  
**Perbelanjaan Mengurus Bagi Tahun 2005 Hingga 2009**

Bil.	Butiran	Tahun				
		2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)
1.	Emolumen	120.19	128.71	135.50	157.37	157.45
2.	Perkhidmatan Dan Bekalan	70.50	75.57	91.08	105.38	94.62
3.	Aset	15.44	6.83	6.50	13.43	4.96
4.	Pemberian Dan Kenaan Tetap	102.48	132.97	187.94	144.79	165.61
5.	Perbelanjaan Lain	1.13	5.70	7.31	6.79	8.52
<b>Jumlah</b>		<b>309.74</b>	<b>349.78</b>	<b>428.33</b>	<b>427.76</b>	<b>431.16</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah

**Carta 4.3**  
**Perbelanjaan Mengurus Bagi Tahun 2005 hingga 2009**



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah

#### 4.4.3 Prestasi Kewangan Akaun Hasil Disatukan

Akaun Hasil Disatukan pada tahun semasa mengalami penurunan sejumlah RM62.89 juta atau 24.4% menyebabkan baki defisit Akaun Hasil Disatukan bertambah menjadi RM320.73 juta berbanding RM257.84 juta pada tahun 2008. Bagaimanapun peningkatan hasil sejumlah RM10.32 juta atau 2.9% pada tahun 2009 berbanding peningkatan perbelanjaan mengurus sejumlah RM3.4 juta atau 0.8% telah menyebabkan defisit tahun 2009 berjumlah RM62.89 juta berkurangan berbanding defisit tahun 2008 berjumlah RM69.81 juta iaitu sejumlah RM6.92 juta atau 9.9% seperti di **Jadual 4.17**.

**Jadual 4.17**  
**Akaun Hasil Disatukan Pada Tahun 2009 Berbanding Tahun 2008**

Butiran	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	(188.03)	(257.84)	(69.81)	(37.1)
Hasil	357.95	368.27	10.32	2.9
Perbelanjaan Mengurus	427.76	431.16	3.4	0.8
Defisit	(69.81)	(62.89)	6.92	9.9
<b>Baki Pada 31 Disember</b>	<b>(257.84)</b>	<b>(320.73)</b>	<b>(62.89)</b>	<b>(24.4)</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah


Baki Akaun Hasil Disatukan Kerajaan Negeri Kedah bagi tempoh tahun 2005 hingga 2009 adalah seperti di **Jadual 4.18** dan **Carta 4.4**. Kedudukan defisit baki Akaun Hasil Disatukan pada tahun 2009 terus meningkat berbanding lima tahun kebelakangan.

**Jadual 4.18**  
**Baki Akaun Hasil Disatukan Bagi Tahun 2005 Hingga 2009**

Butiran	Tahun				
	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)
Baki Pada 1 Januari	(131.41)	(140.44)	(120.91)	(188.03)	(257.84)
Hasil	300.70	369.31	361.21	357.95	368.27
Perbelanjaan Mengurus	309.73	349.78	428.33	427.76	431.16
Lebihan/(Defisit)	(9.03)	19.53	(67.12)	(69.81)	(62.89)
<b>Baki Pada 31 Disember</b>	<b>(140.44)</b>	<b>(120.91)</b>	<b>(188.03)</b>	<b>(257.84)</b>	<b>(320.73)</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah

**Carta 4.4**  
**Baki Akaun Hasil Disatukan Bagi Tahun 2005 Hingga 2009**



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah

#### 4.5 AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

**4.5.1** Akaun Pinjaman Disatukan Kerajaan Negeri Kedah mengakaunkan semua pinjaman yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan untuk melaksanakan projek seperti Rancangan Bekalan Air, Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR), Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah (PKNK) dan Pelbagai. Selain itu, Akaun ini juga mengagihkan pinjaman yang diterima kepada Kumpulan Wang Pembangunan dan Kumpulan Wang Bekalan Air.

**4.5.2** Mengikut Lembaran Imbangan, baki terkumpul Akaun Pinjaman Disatukan pada akhir tahun 2009 meningkat sejumlah RM1.93 juta atau 5.9% iaitu dari RM32.83 juta pada tahun 2008 kepada RM34.76 juta pada tahun 2009. Peningkatan ini adalah disebabkan agihan pinjaman menurun sejumlah RM47.13 juta atau 24.2%. Selain itu, sembilan pinjaman yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM149.45 juta pada tahun 2009 berkurangan sejumlah RM15.68 juta atau 9.5% berbanding RM165.13 juta yang diterima pada tahun 2008. Agihan pada tahun 2009 berjumlah RM147.52 juta terdiri daripada pinjaman diterima pada tahun 2009 berjumlah RM143.15 juta manakala bakinya merupakan baki pinjaman yang diterima pada tahun 2008 dan sebelumnya. Kerajaan Negeri sepatutnya mengagihkan semua pinjaman untuk pelaksanaan projek. Ini adalah selaras dengan PPK 5 di mana Akaun Pinjaman Disatukan sepatutnya berbaki sifar pada setiap akhir tahun. Baki terkumpul Akaun Pinjaman Disatukan pada tahun 2009 berbanding tahun 2008 adalah seperti di **Jadual 4.19**.

**Jadual 4.19**  
**Akaun Pinjaman Disatukan Pada Tahun 2009 Berbanding Tahun 2008**

Pinjaman	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	62.35	32.83	(29.52)	(47.3)
Terimaan	165.13	149.45	(15.68)	(9.5)
Bayaran/Agihan	194.65	147.52	(47.13)	(24.2)
<b>Baki Pada 31 Disember</b>	<b>32.83</b>	<b>34.76</b>	<b>1.93</b>	<b>5.9</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah

**4.5.3** Dewan Undangan Negeri melalui Enakmen Pinjaman Kerajaan Negeri Kedah sehingga akhir tahun 2009, telah meluluskan jumlah pinjaman yang dibenarkan daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM2.5 bilion. Sehingga akhir tahun 2009, pinjaman terkumpul yang telah dilaksanakan berjumlah RM1.94 bilion iaitu tidak melebihi had pinjaman yang dibenarkan oleh Enakmen tersebut. Baki pinjaman mengikut kategori pada tahun 2009 berbanding tahun 2008 adalah seperti di **Jadual 4.20**.

**Jadual 4.20**  
**Pinjaman Mengikut Kategori Pada Tahun 2009 Berbanding Tahun 2008**

Bil.	Pinjaman	Tahun		Peningkatan	
		2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Rancangan Bekalan Air	25.37	27.30	1.93	7.6
2.	Perumahan Awam Kos Rendah	5.52	5.52	-	-
3.	Pelbagai	1.94	1.94	-	-
<b>Jumlah</b>		<b>32.83</b>	<b>34.76</b>	<b>1.93</b>	<b>5.9</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah

Baki pinjaman bagi tahun 2005 hingga 2009 adalah seperti di **Jadual 4.21**. Kedudukan baki pinjaman pada tahun 2009 bertambah berbanding tahun 2008. Bagaimanapun ianya berkurangan berbanding tahun 2007.

**Jadual 4.21**  
**Baki Pinjaman Bagi Tahun 2005 Hingga 2009**

Bil.	Pinjaman	Tahun				
		2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)
1.	Rancangan Bekalan Air	24.49	20.80	54.89	25.37	27.30
2.	Perumahan Awam Kos Rendah	5.79	5.52	5.52	5.52	5.52
3.	Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
4.	Pelbagai	1.94	1.94	1.94	1.94	1.94
<b>Jumlah</b>		<b>32.22</b>	<b>28.26</b>	<b>62.35</b>	<b>32.83</b>	<b>34.76</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah

#### 4.6 AKAUN AMANAH DISATUKAN

Akaun Amanah Disatukan adalah sebahagian daripada Kumpulan Wang Disatukan. Semua penerimaan dan pembayaran wang amanah diakaunkan mengikut kehendak Akta Amanah berkenaan, Arahan Amanah dan Surat Cara Amanah di bawah Seksyen 9 dan Seksyen 10 Akta Acara Kewangan 1957. Akaun ini ditubuhkan mengikut Perkara 99 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7 Akta Acara Kewangan 1957. Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Deposit. Baki Akaun Amanah Disatukan pada tahun 2009 berjumlah RM551.49 juta meningkat sejumlah RM73.79 juta atau 15.4% berbanding RM477.70 juta pada tahun 2008. Kedudukan Akaun Amanah Disatukan pada tahun 2009 berbanding tahun 2008 adalah seperti di **Jadual 4.22**.

**Jadual 4.22**  
**Baki Akaun Amanah Disatukan Pada Tahun 2009 Berbanding Tahun 2008**

Bil.	Butiran	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
		2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	(243.17)	(271.56)	(28.39)	(11.7)
2.	Kumpulan Wang Amanah Awam	511.83	596.92	85.09	16.6
3.	Akaun Wang Deposit	209.04	226.13	17.09	8.2
<b>Jumlah</b>		<b>477.70</b>	<b>551.49</b>	<b>73.79</b>	<b>15.4</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah

Analisis Audit menunjukkan baki Kumpulan Wang Amanah Awam dan Akaun Wang Deposit masing-masing meningkat sejumlah RM85.09 juta atau 16.6% dan RM17.09 juta atau 8.2% menjadi RM596.92 juta dan RM226.13 juta pada tahun 2009 berbanding tahun 2008. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan pula terus mengalami penurunan sejumlah RM28.39 juta atau 11.7% menjadi defisit RM271.56 juta pada tahun 2009 berbanding defisit RM243.17 juta pada tahun 2008. Penurunan ini menyebabkan peningkatan Akaun Amanah Disatukan pada tahun 2009 hanya berjumlah RM73.79 juta walaupun Kumpulan Wang Amanah Kerajaan dan Kumpulan Wang Amanah Awam menyumbang peningkatan berjumlah RM102.18 juta. Kedudukan baki Akaun Amanah Disatukan bagi tahun 2005 hingga 2009 adalah tertinggi berbanding lima tahun kebelakangan.

**Jadual 4.23**  
**Baki Akaun Amanah Disatukan Bagi Tahun 2005 Hingga 2009**

Bil.	Butiran	Tahun				
		2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)
1.	Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	(137.51)	(201.26)	(192.89)	(243.17)	(271.56)
2.	Kumpulan Wang Amanah Awam	294.91	340.55	450.21	511.83	596.92
3.	Akaun Wang Deposit	177.05	244.53	189.75	209.04	226.13
<b>Baki Pada 31 Disember</b>		<b>334.45</b>	<b>383.82</b>	<b>447.07</b>	<b>477.70</b>	<b>551.49</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah

#### **4.6.1 Kumpulan Wang Amanah Kerajaan**

Kumpulan Wang Amanah Kerajaan ditubuhkan di bawah peruntukan Seksyen 10 Akta Acara Kewangan 1957 bagi maksud tertentu. Kumpulan Wang Amanah ini adalah kumpulan wang pusingan yang mana pembayaran dari kumpulan wang ini tidak boleh melebihi had peruntukan yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri. Kumpulan Wang Amanah ini terdiri daripada Kumpulan Wang Pembangunan, Kumpulan Wang Bekalan Air dan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan.

##### **a) Kumpulan Wang Pembangunan**

Kumpulan Wang Pembangunan ditubuhkan di bawah Akta Kumpulan Wang Pembangunan Tahun 1966 (Akta 70) dan diperakaunkan dalam Penyata Kumpulan Wang Pembangunan. Sumber kewangan bagi kumpulan wang ini terdiri daripada sumber Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan. Terimaan daripada sumber Negeri adalah Bayaran Balik Pinjaman dari Agensi Kerajaan Negeri, Sewa Rumah Awam Kos Rendah dan Sumbangan Kumpulan Wang Negeri. Manakala, terimaan daripada sumber Kerajaan Persekutuan adalah seperti pindahan dari Akaun Pinjaman Disatukan, Pemberian Pertambahan Hasil, Pemberian Tahap Pembangunan, Ekonomi Dan Kesejahteraan Hidup dan pindahan dari Kumpulan Wang Penyelenggaraan Jalan Negeri. Perbelanjaan daripada kumpulan wang ini pula adalah mengikut maksud yang ditetapkan oleh Akta Kumpulan Wang ini sahaja.

##### **i) Prestasi Terimaan Berbanding Pembayaran Kumpulan Wang Pembangunan**

Baki defisit terkumpul Kumpulan Wang Pembangunan meningkat sejumlah RM60.99 juta atau 11.0% menjadi RM616.64 juta pada tahun 2009 berbanding RM555.65 juta pada akhir tahun 2008. Baki defisit ini berlaku kerana terimaan sebenar hanya berjumlah RM157.49 juta berbanding bayaran sebenar berjumlah RM218.48 juta. Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2009 berbanding tahun 2008 adalah seperti di **Jadual 4.24**.

**Jadual 4.24**  
**Kumpulan Wang Pembangunan Pada Tahun 2009 Berbanding 2008**

Perkara	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	(516.36)	(555.65)	(39.29)	7.6
Terimaan	194.53	157.49	(37.04)	(19.0)
Bayaran	233.82	218.48	(15.34)	(6.6)
Defisit	(39.29)	(60.99)	(21.7)	55.2
<b>Baki Pada 31 Disember</b>	<b>(555.65)</b>	<b>(616.64)</b>	<b>(60.99)</b>	<b>11.0</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah

**ii) Prestasi Perbelanjaan Sebenar Kumpulan Wang Pembangunan Berbanding Peruntukan Diterima Pada Tahun 2009**

Prestasi perbelanjaan Kumpulan Wang Pembangunan pada tahun 2009 berjumlah RM218.48 juta atau 51.3% daripada jumlah peruntukan yang diluluskan berjumlah RM425.99 juta. Semua peruntukan yang diluluskan ini telah diterima oleh semua Jabatan berkenaan melalui waran yang dikeluarkan. Peratus perbelanjaan di peringkat Jabatan adalah di antara 34.3% hingga 99.0% seperti di **Jadual 4.25**.

**Jadual 4.25**  
**Prestasi Perbelanjaan Pembangunan Tahun 2009**

Bil.	Jabatan	Peruntukan Diluluskan (RM Juta)	Jumlah Perbelanjaan (RM Juta)	Peratus Perbelanjaan (%)
1.	Pejabat Setiausaha Kerajaan	283.34	97.11	34.3
2.	Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri	34.00	17.63	51.9
3.	Jabatan Kerja Raya	72.40	71.67	99.0
4.	Jabatan Pertanian	11.50	9.69	84.3
5.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	4.50	3.48	77.3
6.	Jabatan Pengairan dan Saliran	12.75	11.52	90.4
7.	Jabatan Perhutanan	7.50	7.38	98.4
<b>Jumlah</b>		<b>425.99</b>	<b>218.48</b>	<b>51.3</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah

Jabatan Kerja Raya telah mencatatkan prestasi perbelanjaan sehingga 99.0% kerana telah membelanjakan sejumlah RM71.67 juta daripada keseluruhan peruntukan yang diluluskan berjumlah RM72.4 juta bagi sembilan projek. Berdasarkan maklum balas Jabatan, semua projek ini telah siap dilaksanakan.

**iii) Analisis Peningkatan Dan Penurunan Perbelanjaan Kumpulan Wang Pembangunan**

Analisis Audit terhadap perbelanjaan Kumpulan Wang Pembangunan pada tahun 2009 berbanding tahun 2008 mendapat butiran perbelanjaan yang menunjukkan peningkatan dan penurunan yang ketara adalah seperti di **Jadual 4.26**.

**Jadual 4.26**  
**Perbelanjaan Ketara Kumpulan Wang Pembangunan Pada Tahun 2009 Berbanding 2008**

Bil.	Butiran Perbelanjaan	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)		Punca
		2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)	
1.	Caruman Bayaran Balik Hutang	0.0	8.39	8.39	0	Bayaran balik hutang kepada Kerajaan Persekutuan untuk lima projek pembangunan berjumlah RM8.39 juta.
2.	Perbelanjaan Luar Jangka	2.58	9.24	6.66	258	Pelbagai Bayaran Luar Jangka yang dibuat oleh Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian dan 12 Pejabat Tanah Dan Daerah berjumlah RM7.8 juta.
3.	Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah	0.0	7.00	7.00	0	Peruntukan pinjaman dari Kerajaan Persekutuan berjumlah RM7 juta kepada PKNK Untuk Projek Kawasan Industri Kecil Dan Sederhana Gurun, Kedah.
4.	Pembangunan Kemudahan Sukan	0.02	0.24	0.22	1,100	Pelbagai Bayaran bagi Kerja Membaik Pulih Padang Stadium Sultan Abdul Halim berjumlah RM0.21 juta.
5.	Bangunan-bangunan Negeri	0.50	2.90	2.40	480	Bayaran interim berjumlah RM1.41 juta dan pembaikan serta ubahsuai pejabat berjumlah RM0.53 juta.
6.	Perumahan Awam Kos Rendah	1.40	0.17	(1.23)	(87.9)	Bayaran muktamad RM0.17 juta bagi projek pembinaan 700 unit rumah serta kerja berkaitan bagi Program Penempatan Semula Nelayan.
7.	Naik Taraf Jalan Pegawai	1.72	0.10	(1.62)	(94.2)	Projek telah selesai dan bayaran terakhir berjumlah RM0.10 juta.
<b>Jumlah</b>		<b>6.22</b>	<b>28.04</b>	<b>21.82</b>	<b>350.8</b>	

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah

### b) Kumpulan Wang Bekalan Air

Kumpulan Wang ini ditubuhkan di bawah Seksyen 3(1) Akta Kumpulan Wang Bekalan Air (Akta 230) dan tertakluk kepada peraturan mengikut Enakmen Bekalan Air Tahun 1990. Sumber kewangan Kumpulan Wang ini terdiri daripada pindahan dari Akaun Pinjaman Disatukan, hasil air, pemberian daripada Kerajaan Negeri dan Persekutuan serta pelbagai terimaan. Pada tahun 2009, baki Kumpulan Wang ini berjumlah RM144.91 juta tidak berubah berbanding dengan baki pada tahun 2008 berjumlah RM144.91 juta. Ini disebabkan pada tahun 2009, tiada lebihan atau defisit daripada terimaan dan pembayaran Kumpulan Wang ini. Bayaran pada tahun 2009 berjumlah RM327.65 juta pula terdiri daripada perbelanjaan mengurus berjumlah RM185.80 juta dan perbelanjaan pembangunan berjumlah RM141.85 juta seperti di **Jadual 4.27**.

**Jadual 4.27**  
**Kumpulan Wang Bekalan Air Pada Tahun 2009 Berbanding 2008**

Perkara	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	124.48	144.91	20.43	16.4
Terimaan	339.43	327.65	(11.78)	(3.5)
Bayaran	319.00	327.65	8.65	2.7
Lebihan/(Defisit)	20.43	0.00	(20.43)	(100.0)
<b>Baki Pada 31 Disember</b>	<b>144.91</b>	<b>144.91</b>	<b>0</b>	<b>0</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah

**i) Analisis Peningkatan Dan Penurunan Perbelanjaan Kumpulan Wang Bekalan Air**

Analisis Audit terhadap perbelanjaan pada tahun 2009 berbanding tahun 2008 selanjutnya mendapati tujuh butiran perbelanjaan telah menunjukkan peningkatan dan penurunan yang ketara seperti di **Jadual 4.28**.

**Jadual 4.28**  
**Peningkatan/Penurunan Perbelanjaan Yang Ketara Bagi Kumpulan Wang Bekalan Air Pada Tahun 2009 Berbanding 2008**

Bil.	Butiran Perbelanjaan	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)		Punca
		2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)	
1.	Bekalan Air Padang Terap	20.73	37.65	16.92	81.6	Bayaran interim projek.
2.	Bina/Pasang - Kolam Takungan/Paip Utama Baling	1.68	3.98	2.30	136.9	Bayaran interim projek.
3.	Bekalan Air Kulim Peringkat III - Meningkatkan Loji/Tangki/Paip Kulim Peringkat III	5.48	0.00	(5.48)	(100.0)	Projek telah siap dan diserahkan.
4.	Membaikpulih Loji Dan Sistem Retikulasi Air Negeri Kedah	0.81	0.00	(0.81)	(100.0)	Projek ditangguhkan.
5.	Bina/Pasang - Kolam Takungan Dan Paip Utama Kedah Utara	0.47	0.00	(0.47)	(100.0)	Projek telah siap dan diserahkan.
6.	Bina/Pasang - Kolam Takungan/Paip Utama Kedah Utara Peringkat II	9.49	1.82	(7.67)	(80.8)	Projek telah siap dan diserahkan.
7.	Bina/Pasang - Kolam Takungan/ Paip Utama Langkawi Peringkat V	0.39	0.00	(0.39)	(100.0)	Projek ditangguhkan.
<b>Jumlah</b>		<b>39.05</b>	<b>43.45</b>	<b>4.40</b>	<b>11.3</b>	

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah

**c) Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan**

Berdasarkan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun 2009, Penyata Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan mengandungi 40 akaun terdiri daripada 23 Akaun Penyelesaian, empat Akaun Perniagaan, enam Akaun Pinjaman, satu akaun Kumpulan Wang Luar Jangka dan enam akaun Pelbagai Kumpulan Wang. Kedudukan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan pada tahun 2009 berbanding tahun 2008 adalah seperti di **Jadual 4.29**.

**Jadual 4.29**  
**Kedudukan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan**  
**Pada Tahun 2009 Berbanding 2008**

Bil.	Butiran	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
		2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Akaun Penyelesaian	148.71	181.14	32.43	21.8
2.	Akaun Perniagaan	0.74	0.82	0.08	10.8
3.	Akaun Pinjaman	3.29	3.40	0.11	3.3
4.	Kumpulan Wang Luar Jangka	0.25	0.25	0.00	0.0
5.	Pelbagai Kumpulan Wang	14.58	14.56	(0.02)	(0.1)
<b>Jumlah</b>		<b>167.57</b>	<b>200.17</b>	<b>32.60</b>	<b>19.5</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah

Analisis Audit menunjukkan pada akhir tahun 2009, baki Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan ini berjumlah RM200.17 juta berbanding RM167.57 juta pada tahun 2008 iaitu meningkat sejumlah RM32.60 juta atau 19.5%. Analisis Audit terhadap 40 akaun tersebut mendapati lapan akaun menyumbang kepada peningkatan sejumlah RM32.80 juta, 24 akaun mengalami penurunan sejumlah RM0.20 juta dan lapan akaun tiada pergerakan. Analisis Audit mendapati peningkatan ketara, antara lain melibatkan baki Akaun Pembatalan EFT (*Electronic Fund Transfer*), Akaun Kena Bayar, Akaun Worksyop Jabatan Kerja Raya, Pendahuluan Diri Pegawai Awam dan Pendahuluan Pelbagai yang meningkat sejumlah RM32.18 juta. Manakala penurunan ketara, antara lain melibatkan baki Akaun Pinjaman kepada Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan dan Kumpulan Wang Pendahuluan Pembelian Komputer berjumlah RM0.17 juta.

### i) Akaun Penyelesaian

Pada tahun 2009, baki Akaun Penyelesaian meningkat sejumlah RM32.43 juta atau 21.8% menjadi RM181.14 juta berbanding RM148.71 juta pada tahun 2008. Peningkatan ini antara lain adalah disebabkan oleh peningkatan baki Akaun Kena Bayar berjumlah RM31.93 juta.

- **Akaun Penyelesaian Cek Terbatal** - Akaun Penyelesaian Cek Terbatal diwujudkan bagi mengakaunkan cek kerajaan yang tidak ditunaikan dalam tempoh tiga bulan dari tarikh ia dikeluarkan atau sekiranya terdapat kesilapan tertentu pada cek. Baki akaun ini hendaklah diselaraskan dan bersamaan dengan senarai baki individu cek. Baki akaun ini pada tahun 2009 berjumlah RM14.68 juta berbanding RM14.26 juta pada tahun 2008 iaitu meningkat sejumlah RM0.42 juta atau 2.94%. Baki dalam akaun ini berbeza dengan baki senarai individu sebanyak RM3.22 juta di mana penyata penyesuaian tidak disediakan.

- **Akaun Kena Bayar** - Akaun ini diwujudkan bagi menyelesaikan tanggungan Kerajaan Negeri terhadap perbelanjaan tahun semasa yang telah disempurnakan tetapi pembayaran belum sempat dilakukan pada akhir tahun 2009. Semua pembayaran perbelanjaan di bawah Akaun Kena Bayar (AKB) ini perlu dijelaskan pada awal tahun berikutnya. Mengikut Penyata Kewangan tahun 2009, baki Akaun

Kena Bayar berjumlah RM150.81 juta berbanding RM118.88 juta pada tahun 2008. Baki tersebut telah bertambah sejumlah RM31.93 juta atau 26.9%. Analisis Audit mendapati 23 Jabatan mengalami peningkatan ketara manakala 9 Jabatan mengalami penurunan yang ketara. Antara Jabatan yang mempunyai baki tertinggi dalam Akaun Kena Bayar bagi tahun 2009 adalah seperti di **Jadual 4.30**.

**Jadual 4.30**  
**Jabatan/Agenzi Negeri Yang Mempunyai Baki Tertinggi Dalam Akaun Kena Bayar Pada Tahun 2009 Berbanding 2008**

Bil.	Jabatan/Pejabat	Tahun		Peningkatan	
		2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Jabatan Bekalan Air Negeri	54.65	51.48	(3.17)	(5.8)
2.	Pejabat Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan Negeri	26.70	45.30	18.60	69.7
3.	Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Negeri	0.09	10.55	10.46	11,622.2
4.	Jabatan Kerja Raya Negeri	14.42	16.38	1.96	13.6
5.	Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri	7.66	12.88	5.22	68.1

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah

Antara sebab peningkatan AKB pada tahun 2009 adalah bayaran balik pengambilan tanah, bayaran deposit pengambilan balik tanah, waran lewat diterima oleh PTJ cawangan, perbelanjaan besar dilaksanakan pada bulan Disember 2009 seperti penyelenggaraan talian telefon dan tuntutan perjalanan bagi Januari hingga November 2009 dikemukakan pada Disember 2009 menyebabkan bayaran dilaksanakan dalam tempoh AKB. Kedudukan AKB bagi tempoh lima tahun adalah seperti di **Carta 4.5**.

**Carta 4.5**  
**Kedudukan Akaun Kena Bayar Pada Tahun 2005 Hingga 2009**



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah

Analisis perbandingan AKB bagi tahun 2005 hingga 2009 menunjukkan AKB berkurangan daripada RM120.17 juta pada tahun 2005 menjadi RM112.71 juta pada tahun 2006. Jumlah AKB meningkat semula menjadi RM137.68 juta pada tahun 2007

dan berkurangan menjadi RM118.88 juta pada tahun 2008. Bagaimanapun, jumlah AKB pada tahun 2009 meningkat semula menjadi RM150.81 juta.

### ii) Akaun Perniagaan

Baki Akaun Perniagaan pada tahun 2009 meningkat sejumlah RM0.08 juta atau 10.8% menjadi RM0.82 juta berbanding RM0.74 juta pada tahun 2008. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh peningkatan baki Akaun Worksyop Jabatan Kerja Raya.

Akaun Perniagaan ini mempunyai empat akaun iaitu tiga Akaun Stor Tak Beruntuk dan satu Akaun Worksyop. Penyata Terimaan Dan Bayaran bagi Akaun Worksyop Jabatan Kerja Raya yang berbaki RM0.40 juta pada tahun 2009 telah diterima manakala bagi Penyata Terimaan Dan Bayaran Akaun Stor Tak Beruntuk Dan Worksyop, Akaun Stor Tak Beruntuk Jabatan Kerja Raya dan Akaun Stor Tak Beruntuk Jabatan Pengairan Dan Saliran belum diterima. Akibatnya baki berjumlah RM0.42 juta tidak dapat disahkan. *Menurut maklum balas daripada Pejabat Perbendaharaan Negeri, jumlah RM0.40 juta belum dapat dikesan manakala RM0.02 juta adalah disebabkan kesilapan kod amanah dan pelarasan akan dibuat pada tahun 2010.*

• **Akaun Worksyop Jabatan Kerja Raya** - Akaun ini ditubuhkan pada 28 Jun 1989 di bawah Seksyen 10 Akta Acara Kewangan 1957 bagi mengurus pembelian barang-barang stor dan mengendalikan perkhidmatan, penyenggaraan dan pemberian kenderaan, loji dan alat kelengkapan bukan pejabat. Mengikut Arahan Amanah, Pegawai Pengawal akaun ini hendaklah menyediakan anggaran belanjawan tahunan untuk diluluskan oleh Pegawai Kewangan Negeri sebelum sebarang perbelanjaan dibuat dari akaun ini. Sebarang lebihan dalam akaun ini pada akhir tahun kewangan hendaklah dikreditkan ke dalam hasil negeri dengan kelulusan Pegawai Kewangan Negeri.

Mengikut Penyata Kewangan tahun 2009, baki Akaun Worksyop Jabatan Kerja Raya (JKR) berjumlah RM0.40 juta berbanding RM0.32 juta pada tahun 2008. Baki tersebut telah bertambah sejumlah RM0.08 juta atau 25.0%. Baki Akaun ini walaupun berbeza dengan Penyata Terimaan Dan Bayaran berjumlah RM0.02 juta, penyesuaian telah disediakan oleh Jabatan. Bagaimanapun perbandingan di antara buku vot Jabatan dan Penyata Terimaan Dan Bayaran pula menunjukkan perbezaan baki yang ketara. Baki antara buku Vot Jabatan dan Penyata Terimaan Dan Bayaran pada tahun 2009 berbeza sejumlah RM0.32 juta seperti di **Jadual 4.31**.

**Jadual 4.31**  
**Perbezaan Antara Baki Buku Vot Jabatan Dan**  
**Penyata Terimaan Dan Bayaran Pada Tahun 2009**

Butiran	Buku Vot Jabatan (RM Juta)	Penyata Terimaan Dan Bayaran (RM Juta)	Perbezaan (RM Juta)
Baki pada 1 Januari 2009	0.32	0.32	0.00
Terimaan	2.55	2.14	0.41
Bayaran	2.18	2.09	0.09
<b>Baki pada 31 Disember 2009</b>	<b>0.69</b>	<b>0.37</b>	<b>0.32</b>

Sumber: Buku Vot Jabatan Dan Penyata Terimaan Dan Bayaran

Had peruntukan perbelanjaan yang dibenarkan untuk akaun ini berjumlah RM0.40 juta setahun telah dipinda kepada tanpa had dan diluluskan tetapi tidak melalui resolusi Dewan pada 3 Februari 2008. Kelulusan ini menetapkan perbelanjaan di bawah RM0.50 juta adalah di bawah kawalan Pegawai Pengawal Jabatan manakala perbelanjaan melebihi RM0.50 juta adalah di bawah kawalan Pegawai Kewangan Negeri (PKN). Analisis Audit mendapati terimaan mengikut buku vot Jabatan pada tahun 2009 berjumlah RM2.14 juta manakala bayaran berjumlah RM2.09 juta. Semakan lanjut mendapati tiada permohonan dibuat oleh Pegawai Pengawal kepada PKN pada tahun 2009 walaupun perbelanjaan tahun semasa telah melebihi RM0.50 juta.

Pada tahun 2009, invois bagi 23 inden kerja melibatkan kerja penyenggaraan pam septik berjumlah RM0.01 juta kepada seorang pembekal yang diterima pada bulan Julai 2009 belum dibuat bayaran walaupun peruntukan tahunan mencukupi. Invois bagi inden kerja lain yang diterima selepas bulan Julai 2009 bagaimanapun telah dijelaskan oleh Jabatan pada tahun kewangan semasa.

Ringkasan Berjadual Kira-kira Amanah bagi tahun 2009 pula menunjukkan bayaran penyenggaraan dan caj perkhidmatan berjumlah RM0.92 juta antara tempoh tahun 1999 hingga 2009 masih belum diterima daripada 25 Jabatan terlibat. Jabatan ini terdiri daripada 19 Jabatan Negeri dan enam Jabatan Persekutuan. Laporan Akaun Belum Terima (ABT) bagi melapor amaun tertunggak di bawah pelbagai terimaan yang sepatutnya dibayar oleh Jabatan terlibat selaras dengan kehendak Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 2008 tidak disediakan oleh Pegawai Pengawal akaun ini.

### **iii) Akaun Pinjaman**

Baki Akaun Pinjaman pada tahun 2009 meningkat sejumlah RM0.11 juta atau 3.3% menjadi RM3.40 juta berbanding RM3.29 juta pada tahun 2008. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh peningkatan baki pinjaman kenderaan, pendahuluan diri pegawai awam dan pendahuluan pelbagai masing-masing berjumlah RM0.13 juta atau 6.3%, RM0.01 juta atau 25% dan RM0.15 juta atau 45.5% menjadi RM2.20 juta, RM0.05 juta dan RM0.48 juta seperti di **Jadual 4.32**.

**Jadual 4.32**  
**Baki Akaun Pinjaman Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan**  
**Pada Tahun 2009 Berbanding 2008**

Bil.	Akaun Pinjaman	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
		2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Kumpulan Wang Pendahuluan Komputer	0.41	0.40	(0.01)	(2.4)
2.	Pinjaman Kepada Badan Berkanun	0.27	0.27	0.00	0.0
3.	Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan	0.17	0.00	(0.17)	(100.0)
4.	Pinjaman Kenderaan	2.07	2.20	0.13	6.3
5.	Pendahuluan Diri Pegawai Awam	0.04	0.05	0.01	25.0
6.	Pendahuluan Pelbagai	0.33	0.48	0.15	45.5
<b>Jumlah</b>		<b>3.29</b>	<b>3.40</b>	<b>0.11</b>	<b>3.3</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah

Termasuk dalam baki pendahuluan pelbagai berjumlah RM0.48 juta ialah 17 pendahuluan diri berjumlah RM0.30 juta yang tertunggak bagi tempoh 4 hingga 28 tahun. Satu pendahuluan diri berjumlah RM0.02 juta telah dibayar kepada seorang individu walaupun pendahuluan diri sebelum ini berjumlah RM4,000 belum dijelaskan oleh peminjam yang sama. Jumlah tertunggak ini juga tidak dilaporkan dalam Laporan ABT selaras dengan kehendak Pekeliling Perbendaharaan Bil.3 Tahun 2008 di bawah penjenisan Tunggakan Hutang-Hutang Lain.

#### **iv) Pelbagai Kumpulan Wang**

Pelbagai Kumpulan Wang terdiri daripada dua akaun iaitu Kumpulan Wang Pendahuluan Memasang Pancur Air dan Kumpulan Wang Pusingan Perumahan Awam Kos Rendah masing-masing berbaki RM0.23 juta dan RM14.32 juta. Had peruntukan yang diluluskan oleh Dewan masing-masing berjumlah RM0.80 juta dan RM20 juta. Perbezaan antara had peruntukan dan baki akaun Kumpulan Wang Pendahuluan Memasang Pancur Air pada akhir tahun 2009 berjumlah RM0.57 juta tidak dapat disahkan kerana Penyata Tunggakan bagi akaun ini tidak dikemukakan bagi tujuan mengesahkan pendahuluan yang tertunggak.

#### **4.6.2 Kumpulan Wang Amanah Awam**

Kumpulan Wang Amanah Awam ditubuhkan di bawah Seksyen 9 Akta Acara Kewangan 1957 bagi mengakaunkan sumbangan wang daripada orang perseorangan dan organisasi kepada Kerajaan Negeri bagi tujuan tertentu. Pengurusan akaun ini perlu dibuat mengikut Arahan Amanah yang diluluskan oleh Perbendaharaan Negeri dan tidak boleh terlebih dikeluarkan. Baki 40 akaun melibatkan enam Pegawai Pengawal di Penyata Kumpulan Wang Amanah Awam pada akhir tahun 2009 berjumlah RM596.92 juta berbanding RM511.83 juta pada akhir tahun 2008 iaitu meningkat sejumlah RM85.09 juta atau 16.6% seperti di **Jadual 4.33**.

**Jadual 4.33**  
**Baki Kumpulan Wang Amanah Awam**  
**Pada Tahun 2009 Berbanding 2008**

<b>Butiran</b>	<b>Tahun</b>		<b>Peningkatan/ (Penurunan)</b>	
	<b>2008 (RM Juta)</b>	<b>2009 (RM Juta)</b>	<b>(RM Juta)</b>	<b>(%)</b>
Baki Pada 1 Januari	450.21	511.83	61.62	13.7
Terimaan	173.34	248.84	75.50	43.6
Bayaran	111.72	163.75	52.03	46.6
<b>Baki Pada 31 Disember</b>	<b>511.83</b>	<b>596.92</b>	<b>85.09</b>	<b>16.6</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah

Peningkatan ini adalah disebabkan baki 15 akaun meningkat sejumlah RM565.80 juta manakala 11 akaun mengalami penurunan sejumlah RM33.33 juta. Dua akaun baru ditubuhkan berjumlah RM0.30 juta manakala lima akaun yang ditutup berjumlah RM0.03 juta. Baki akaun ditutup ini telah diperlaraskan ke hasil. Tujuh akaun pula tidak berubah yang terdiri daripada enam akaun berbaki kredit berjumlah RM2.44 juta dan satu akaun berbaki debit berjumlah RM4.95 juta. Akaun yang berbaki debit ini adalah Akaun Dana Pusingan Projek Pembangunan yang terlebih dikeluarkan sejak tahun 2008.

**a) Baki Akaun Tidak Dapat Disahkan Kerana Penyata Penyesuaian Tidak Disediakan**

Baki dalam Akaun Tabung Amanah Kerpan menunjukkan perbezaan antara rekod Pejabat Perbendaharaan Negeri dengan rekod Jabatan berjumlah RM0.15 juta. Penyata Penyesuaian tidak disediakan untuk memperjelaskan perbezaan tersebut.

**b) Penyata Penyesuaian Disediakan Tetapi Keterangan Perbezaan Tidak Dinyatakan**

Sebanyak tujuh akaun amanah pula mencatatkan perbezaan baki antara rekod Pejabat Perbendaharaan Negeri dan rekod Jabatan berjumlah RM4.46 juta dan Penyata Penyesuaian ada disediakan. Bagaimanapun, keterangan bagi perbezaan tidak dinyatakan di Penyata Penyesuaian menyebabkan punca perbezaan tidak dapat disahkan. Baki tujuh akaun ini adalah seperti di **Jadual 4.34**.

**Jadual 4.34**  
**Perbezaan Baki Akaun Tidak Dapat Disahkan**

Bil.	Akaun Amanah	Baki Pada 31 Disember 2009		Perbezaan Baki (RM Juta)
		Perbendaharaan Negeri (RM Juta)	Jabatan (RM Juta)	
1.	Program Perumahan Rakyat Paya Nahu	0.22	0.29	0.07
2.	Program Perumahan Rakyat Paya Nahu Fasa Dua	0.98	2.26	1.28
3.	Lot Tepi Perumahan Awam Kos Rendah	0.03	0.04	0.01
4.	Program Perumahan Rakyat Langkawi	0.82	2.94	2.12
5.	Projek Perumahan Rakyat Carok Nau, Baling	0.02	0.89	0.87
6.	Rancangan Kelas Pengajian Al-Quran Dan Fardhu Ain (KAFA)	2.31	2.41	0.10
7.	Kumpulan Wang Amanah Badan Kesenian	0.21	0.20	0.01
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>4.59</b>	<b>9.03</b>	<b>4.46</b>

Sumber: Penyata Terimaan Dan Bayaran

**c) Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri Kedah**

Kumpulan Wang Amanah ini ditubuhkan mengikut Seksyen 9 (3) Akta Acara Kewangan 1957 bertujuan untuk mengakaunkan pemberian daripada Kerajaan Persekutuan. Ini adalah berdasarkan peruntukan Perkara 109 (1) (b) Perlembagaan Persekutuan bagi membiayai penyelenggaraan jalan yang dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya dan Pihak Berkuasa Tempatan. Pegawai Pengawal bagi akaun ini ialah Pegawai Kewangan Negeri Kedah. Mengikut Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, baki Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri Kedah pada tahun 2009 berjumlah RM547.14 juta berbanding RM462.62 juta pada tahun 2008. Pertambahan berjumlah RM84.52 juta ini adalah disebabkan pemberian Kerajaan Persekutuan berjumlah RM134.83 juta berbanding bayaran semasa berjumlah RM50.31 juta. Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri Kedah pada tahun 2009 berbanding tahun 2008 adalah seperti di **Jadual 4.35**.

**Jadual 4.35**  
**Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri Kedah**  
**Pada Tahun 2009 Berbanding 2008**

Butiran	Tahun		Peningkatan	
	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	380.69	462.62	81.93	21.5
Terimaan	126.29	134.83	8.54	6.8
Bayaran	44.36	50.31	5.95	13.4
Lebihan	81.93	84.52	2.59	3.2
<b>Baki Pada 31 Disember</b>	<b>462.62</b>	<b>547.14</b>	<b>84.52</b>	<b>18.3</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah

Baki Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri Kedah bagi tahun 2005 hingga 2009 adalah seperti di **Jadual 4.36**. Kedudukan baki Kumpulan Wang Amanah ini meningkat pada tahun 2009 berbanding lima tahun kebelakangan.

**Jadual 4.36**  
**Baki Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri Kedah**  
**Bagi Tahun 2005 Hingga 2009**

Butiran	Tahun				
	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)
<b>Baki Pada 1 Januari</b>	<b>251.39</b>	<b>277.03</b>	<b>316.55</b>	<b>380.69</b>	<b>462.62</b>
Pemberian Daripada Kerajaan Persekutuan	65.26	66.69	106.08	126.29	134.83
Perbelanjaan	39.62	27.17	41.94	44.36	50.31
Anggaran Perbelanjaan Diluluskan	40.0	28.0	42.0	45.0	50.32
<b>Baki Pada 31 Disember</b>	<b>277.03</b>	<b>316.55</b>	<b>380.69</b>	<b>462.62</b>	<b>547.14</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah

Analisis Audit mendapati baki Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri Kedah bagi tahun 2005 hingga 2009 meningkat setiap tahun. Peningkatan pada tahun 2009 adalah sejumlah RM270.11 juta atau 97.5% menjadi RM547.14 juta berbanding baki pada tahun 2005 berjumlah RM277.03 juta. Peningkatan ini adalah disebabkan peningkatan pemberian daripada Kerajaan Persekutuan pada tahun 2009 berjumlah RM69.57 juta atau 106.6% menjadi RM134.83 juta berbanding baki pada tahun 2005 berjumlah RM65.26 juta. Manakala, perbelanjaan penyelenggaraan jalan negeri pada tahun 2009 meningkat sedikit sahaja iaitu RM10.69 juta atau 27% menjadi RM50.31 juta berbanding RM39.62 juta pada tahun 2005. Ini menyebabkan baki akaun amanah ini pada tahun 2009 meningkat tinggi berbanding baki pada tahun 2005. Prestasi perbelanjaan akaun amanah ini adalah mengikut anggaran yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri setiap tahun. Selain itu, baki lebihan daripada akaun ini tidak dapat ditampung oleh tunai mudah cair. Ini adalah disebabkan tunai mudah cair pada tahun 2009 berjumlah RM244.74 juta yang terdiri daripada wang tunai dan simpanan tetap masing-masing berjumlah RM60.74 juta dan RM184 juta sedangkan baki Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri Kedah berjumlah RM547.14 juta iaitu kekurangan sejumlah RM302.40 juta.

**d) Akaun Amanah Lain**

**i) Akaun Amanah Tunku Mahmud**

Akaun Amanah Tunku Mahmud ditubuhkan pada tahun 2008. Pegawai Pengawal akaun ini ialah Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah. Akaun ini boleh menerima peruntukan Kerajaan Negeri, Persekutuan dan Luar Negeri, pertubuhan antarabangsa, pihak perseorangan dan swasta untuk membiayai projek infrastruktur dan kemudahan asas. Manakala perbelanjaan akaun ini adalah untuk membantu rakyat Negeri Kedah yang fakir dan miskin dengan mengadakan projek pembangunan sosio ekonomi, bantuan kewangan dan derma mangsa malapetaka, menyedia infrastruktur dan kemudahan asas, perbelanjaan sempena mesyuarat, kursus, seminar dan aktiviti dakwah serta penyelidikan berkaitan hal ehwal kemajuan Islam. Pada tahun 2009, baki akaun ini meningkat sejumlah RM2.54 juta atau 726% kepada RM2.89 juta berbanding RM0.35 juta pada tahun 2008. Jumlah terimaan pada tahun 2009 berjumlah RM2.57 juta manakala perbelanjaan berjumlah RM0.03 juta.

**ii) State Secretary Incorporated**

Akaun Amanah *State Secretary Incorporated* (SSI) ditubuhkan pada tahun 1951 dan peraturan kewangan mengenainya dikemaskini mulai 1 Oktober 2003. Pegawai Pengawal akaun ini ialah Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah. Akaun ini boleh menerima peruntukan Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan, sumbangan daripada pihak perseorangan, pertubuhan-pertubuhan, pihak swasta dan faedah serta dividen yang diterima daripada simpanan tetap hasil daripada pelaburan dalam akaun simpanan tetap atau pelaburan yang diuruskan oleh SSI. Manakala perbelanjaan akaun ini adalah untuk program kemasyarakatan, emolumen, perkhidmatan dan bekalan, pembelian aset, pemberian dan kenaan bayaran tetap, bayaran lain untuk kepentingan SSI, bayaran acara, program dan aktiviti yang dikendalikan oleh SSI atau dengan pihak lain dan bayaran berkaitan dengan peranan SSI.

Pada tahun 2009, baki akaun ini meningkat sejumlah RM0.91 juta atau 51.4% kepada RM2.67 juta berbanding RM1.76 juta pada tahun 2008. Jumlah terimaan pada tahun 2009 berjumlah RM1.44 juta manakala perbelanjaan berjumlah RM0.53 juta. Terimaan yang menyumbang kepada peningkatan ketara pada tahun 2009 adalah terimaan keuntungan pelaburan saham Petronas Dagangan dan Malaysia Airports Berhad berjumlah RM1.24 juta. Manakala perbelanjaan yang menyumbang kepada peningkatan ketara pada tahun 2009 ialah perbelanjaan perayaan sambutan 100 tahun *Kedah Civil Service* (KCS) berjumlah RM0.18 juta.

**iii) Menteri Besar Incorporated (Tabung Amanah Kebajikan Pejabat Menteri Besar)**

Menteri Besar *Incorporated* (MBI) atau dikenali sebagai Tabung Amanah Kebajikan Pejabat Menteri Besar ditubuhkan pada tahun 2004 bertujuan mengurus serta memperakaunkan segala terimaan dan perbelanjaan bagi akaun ini. Pegawai Pengawal akaun ini ialah Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah. Akaun ini boleh menerima peruntukan Kerajaan Negeri dan Persekutuan serta sumbangan daripada pihak perseorangan, badan korporat dan swasta. Manakala perbelanjaan akaun ini adalah untuk perbelanjaan yang diarahkan oleh Y.A.B Menteri Besar atau wakilnya,

perbelanjaan luar jangka, bayaran utiliti dan bekalan pejabat, perbelanjaan bagi program yang diluluskan oleh Jawatankuasa Akaun dan pemberian bantuan kemanusiaan.

Pada tahun 2009, baki akaun ini mengalami penurunan sejumlah RM0.34 juta atau 73.9% kepada RM0.12 juta berbanding RM0.46 juta pada tahun 2008. Jumlah terimaan pada tahun 2009 berjumlah RM6.97 juta manakala perbelanjaan berjumlah RM7.30 juta. Perbelanjaan ketara pada tahun 2009 melibatkan sumbangan MBI kepada Persatuan Bola Sepak Kedah (KFA) berjumlah RM5.0 juta. Urusan bayaran sumbangan kepada KFA diuruskan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) melalui pengeluaran dua baucar masing-masing berjumlah RM3.98 juta pada 19 Julai 2009 dan RM1.02 juta pada 27 Ogos 2009. Pembayaran telah dibuat oleh SUK berdasarkan senarai tuntutan KFA sahaja kerana bil sebenar perlu disimpan oleh KFA bagi tujuan pembayaran. Semakan lanjut telah dibuat ke atas bil sebenar dan mendapati hanya sejumlah RM3.19 juta sahaja daripada sejumlah RM5.0 juta bagi baucar bayaran hutang kepada agensi berkanun telah dibayar oleh KFA kepada pembiutangnya. Manakala baki sejumlah RM1.40 juta belum dibayar walaupun SUK telah membuat pembayaran penuh kepada KFA. Selain itu, baki hutang berjumlah RM0.41 juta bagi lapan bil pula tidak dapat disahkan status pembayarannya kerana bil tersebut tidak dikemukakan untuk pengesahan pihak audit. Sehingga 31 Mei 2010 status pembayaran ini masih tidak berubah. SUK sepatutnya memantau status pembayaran ini kerana kelulusan sumbangan MBI ini adalah khusus untuk hutang berkenaan. Selain itu jumlah sumbangan juga adalah tinggi dan melibatkan penggunaan sumber daripada sumbangan orang awam kepada Kerajaan Negeri.

#### **iv) Akaun Amanah Pengurusan Sekretariat SUKMA XI 2006**

Akaun Amanah Pengurusan Sekretariat SUKMA XI 2006 ditubuhkan pada tahun 2005 dengan tujuan mengurus dan mengakaunkan segala terimaan dan bayaran bagi Sukan Malaysia Ke 11 (SUKMA XI) yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri Kedah pada tahun 2006. Pegawai Pengawal akaun ini ialah Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah.

Pada tahun 2009, baki akaun ini mengalami penurunan sejumlah RM0.43 juta atau 59.7% kepada RM0.72 juta berbanding RM1.15 juta pada tahun 2008. Tiada terimaan pada tahun 2009 manakala perbelanjaan pula berjumlah RM0.43 juta. Perbelanjaan ini merupakan bil-bil bagi tahun 2009 yang diuruskan oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN). Laporan kewangan amanah pula menunjukkan enam bil bagi tahun 2006 berjumlah RM0.52 juta masih belum dibayar. Bil-bil ini terdiri daripada bayaran merekabentuk, membekal dan memasang Billboard Arca Huruf SUKMA 2006 di Bukit Jenun, Pendang dan mercu tanda SUKMA XI - Kedah 2006 oleh pembekal yang sama berjumlah RM0.31 juta, menaiktaraf Jejantas Alor Merah dan Simpang Kuala di Alor Setar oleh pembekal yang sama berjumlah RM0.10 juta, memasang lapan lampu hiasan di Stadium Darul Aman berjumlah RM0.07 juta dan kerja-kerja elektrik berjumlah RM0.04 juta. Ini menyebabkan akaun amanah yang telah mencapai maksud ini tidak dapat ditutup.

#### v) Dana Pusingan Projek-projek Pembangunan

Akaun Amanah Dana Pusingan Projek-projek Pembangunan ditubuhkan pada tahun 1998 di bawah Seksyen 10 (4)(b) Akta Acara Kewangan 1957 melalui resolusi dewan dengan had peruntukan berjumlah RM10 juta. Penubuhan akaun ini adalah bertujuan untuk menerima dan memperakaunkan hasil caruman daripada peruntukan pembangunan dan membuat bayaran kepada pemberong yang melaksanakan projek pembangunan Kerajaan Negeri atau kepada mana-mana pihak dengan kebenaran Pegawai Kewangan Negeri. Jumlah pembayaran yang telah dibuat akan dipelaraskan sebaik sahaja pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan diterima. Mengikut arahan amanah, Pegawai Pengawal bagi akaun ini ialah Pegawai Kewangan Negeri Kedah manakala Bendahari Negeri bertanggungjawab menyelenggara dana ini dengan sempurna.

Pada tahun 2009, akaun ini berbaki defisit berjumlah RM4.95 juta. Baki defisit ini tidak berubah sejak tahun 2008. *Maklum balas yang diterima bagi akaun tahun 2008 adalah disebabkan Jabatan Bekalan Air belum membuat pelarasian menyebabkan baki akaun terlebih dikeluarkan.* Amaun ini bagaimanapun masih tidak berubah pada tahun 2009. Semakan lanjut ke atas Penyata Penyesuaian bulan Disember 2009 yang disediakan oleh Jabatan Bekalan Air pada 20 April 2010 mendapati wujud perbezaan antara rekod Perpendaharaan Negeri dan rekod Jabatan Bekalan Air sejumlah RM14.95 juta. Rekod Perpendaharaan Negeri berbaki defisit RM4.95 juta manakala rekod Jabatan Bekalan Air berbaki kredit RM10 juta. Perbezaan ini bagaimanapun tidak dapat disahkan kerana tidak disokong dengan dokumen.

Selain itu, akaun yang ditubuhkan di bawah Seksyen 10 (4)(b) Akta Acara Kewangan 1957 melalui resolusi Dewan ini telah ditunjukkan di Penyata Kewangan sebagai akaun amanah awam. Ini bertentangan dengan kehendak Piawaian Perakaunan Kerajaan Bil. 1 yang berkuatkuasa mulai tahun kewangan 2005, peraturan ini menghendaki baki akaun ini ditunjukkan di bawah Kumpulan Amanah Kerajaan.

#### 4.6.3 Akaun Wang Deposit

Akaun Wang Deposit merupakan wang yang diterima bagi sesuatu maksud di bawah undang-undang tertentu atau mengikut perjanjian dan perlu dibayar balik apabila maksud tersebut telah dicapai atau selesai. Pada akhir tahun 2009, Kerajaan Negeri mempunyai 56 akaun deposit berbaki RM226.13 juta yang diselenggarakan oleh 26 Jabatan.

Analisis Audit menunjukkan baki deposit telah meningkat sejumlah RM17.09 juta atau 8.2% pada tahun 2009 berbanding tahun 2008 berjumlah RM209.04 juta. Peningkatan deposit paling ketara adalah Deposit di Pejabat Daerah dan Tanah Langkawi meningkat sejumlah RM8.43 juta atau 146.9% menjadi RM14.17 juta pada tahun 2009 berbanding RM5.74 juta pada tahun 2008.

Semakan Audit juga mendapati sebanyak 16 akaun wang deposit yang melibatkan 10 Jabatan berjumlah RM25.95 juta tidak dapat disahkan kerana senarai lengkap deposit tidak dikemukakan untuk pengesahan. Selain itu, penyesuaian bagi perbezaan antara rekod

Jabatan dan Perbendaharaan Negeri melibatkan enam akaun wang deposit bagi empat Jabatan berjumlah RM47.55 juta tidak disediakan. Rekod bagi empat Jabatan ini berjumlah RM36.62 juta manakala rekod Perbendaharaan Negeri berjumlah RM84.17 juta.


Baki akaun wang deposit juga terlebih dinyatakan kerana termasuk dalam baki wang akaun deposit pada tahun 2009 adalah hasil cukai tanah berjumlah RM9.11 juta. Hasil cukai ini merupakan cukai yang dibenarkan dibayar secara ansuran. Hasil cukai ini telah diterima semenjak tahun 2002 hingga tahun 2009 iaitu sebelum Sistem Urusan Kutipan Hasil Tanah (SUKHAT) diperkenalkan dan belum diperlaraskan ke hasil. Akaun Wang Deposit bagi tahun 2005 hingga 2009 adalah seperti di **Jadual 4.37** dan **Carta 4.6**. Kedudukan Akaun Wang Deposit tahun 2009 meningkat berbanding tahun 2007 dan 2008.

**Jadual 4.37**  
**Akaun Wang Deposit Bagi Tahun 2005 Hingga 2009**

Butiran	Tahun				
	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)
Baki Pada 1 Januari	207.91	177.05	244.53	189.75	209.04
Terimaan	36.02	196.86	108.92	57.98	46.21
Bayaran	66.88	129.38	163.70	38.69	29.12
<b>Baki Pada 31 Disember</b>	<b>177.05</b>	<b>244.53</b>	<b>189.75</b>	<b>209.04</b>	<b>226.13</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah

**Carta 4.6**  
**Akaun Wang Deposit Bagi Tahun 2005 Hingga 2009**



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah

## 4.7 PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI

**4.7.1** Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai disediakan selaras dengan Piawaian Perakaunan Kerajaan yang berkuatkuasa mulai tahun kewangan 2005. Penyata ini menunjukkan aliran masuk dan aliran keluar wang tunai serta kesetaraan tunai. Kesetaraan tunai merupakan pelaburan untuk tempoh tidak melebihi tiga bulan yang mudah ditukar kepada wang tunai. Aliran masuk wang tunai terdiri daripada terimaan hasil, terimaan pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan dan terimaan modal. Manakala aliran keluar pula

terdiri daripada bayaran perbelanjaan mengurus dan pembangunan, perbelanjaan modal dan bayaran balik pinjaman. Pada tahun 2009, Kerajaan Negeri telah mengalami peningkatan wang tunai sejumlah RM11.77 juta berikut jumlah terimaan melebihi jumlah bayaran.

**4.7.2** Terimaan Kerajaan Negeri pada tahun 2009 adalah berjumlah RM3.24 bilion. Komponen terbesar daripada jumlah terimaan ini adalah terimaan modal yang berjumlah RM2.72 bilion atau 83.9%. Komponen lain iaitu terimaan hasil berjumlah RM368.27 juta atau 11.4% dan terimaan pinjaman berjumlah RM149.46 juta atau 4.6%. Terimaan hasil meningkat sejumlah RM10.32 juta atau 2.9% menjadi RM368.27 juta pada tahun 2009 berbanding RM357.95 juta pada tahun 2008. Terimaan daripada wang pinjaman Kerajaan Persekutuan pula menurun sejumlah RM15.67 juta atau 9.5% menjadi RM149.46 juta pada tahun 2009 berbanding RM165.13 juta pada tahun 2008. Terimaan modal bagaimanapun telah meningkat sejumlah RM576.67 juta atau 26.9% kepada RM2.72 bilion pada tahun 2009 berbanding RM2.14 bilion pada tahun 2008.

**4.7.3** Bayaran Kerajaan Negeri pada tahun 2009 pula adalah sejumlah RM3.23 bilion. Komponen terbesar daripada jumlah bayaran ini adalah bayaran amanah dan perbelanjaan pembangunan masing-masing berjumlah RM2.24 bilion atau 69.3% dan RM537.75 juta atau 16.7%. Selain itu, bayaran bagi perbelanjaan mengurus pula berjumlah RM431.17 juta atau 13.4%. Bayaran amanah telah meningkat sejumlah RM535.10 juta atau 31.3% menjadi RM2.24 bilion pada tahun 2009 berbanding RM1.71 bilion pada tahun 2008. Perbelanjaan pembangunan pula menurun sejumlah RM15.07 juta atau 2.7% menjadi RM537.75 juta pada tahun 2009 berbanding RM552.82 juta pada tahun 2008. Bayaran untuk perbelanjaan mengurus telah meningkat sejumlah RM3.41 juta atau 0.8% menjadi RM431.17 juta pada tahun 2009 berbanding RM427.76 juta pada tahun 2008. Perbelanjaan modal dan bayaran balik pinjaman pada tahun 2009 masing-masing berjumlah RM4.0 juta dan RM8.39 juta berbanding tiada bayaran bagi tahun 2008.

**4.7.4** Penerimaan dan pembayaran wang tunai pada tahun 2009 berbanding tahun 2008 adalah seperti di **Jadual 4.38**.

**Jadual 4.38**  
**Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai Pada Tahun 2009 Berbanding 2008**

Bil.	Butiran	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
		2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	<b>Terimaan:</b>	<b>2,665.65</b>	<b>3,236.97</b>	<b>571.32</b>	<b>21.4</b>
	Hasil	357.95	368.27	10.32	2.9
	Pinjaman	165.13	149.46	(15.67)	(9.5)
	Terimaan Modal	2,142.57	2,719.24	576.67	26.9
2.	<b>Bayaran:</b>	<b>2,689.37</b>	<b>3,225.20</b>	<b>535.83</b>	<b>19.9</b>
	Perbelanjaan Mengurus	427.76	431.17	3.41	0.8
	Perbelanjaan Pembangunan*	552.82	537.75	(15.07)	(2.7)
	Perbelanjaan Modal	-	4.00	4.00	100.0
	Bayaran Balik Pinjaman	-	8.39	8.39	100.0
	Bayaran Amanah	1,708.79	2,243.89	535.10	31.3
<b>Tambahan/(Kurangan) Wang Tunai</b>		<b>(23.72)</b>	<b>11.77</b>	<b>35.49</b>	<b>149.6</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah

Nota: \* Termasuk Perbelanjaan Pembangunan Bekalan Air

## 4.8 AKAUN MEMORANDUM

Akaun memorandum adalah akaun yang menunjukkan aset dan tanggungan Kerajaan Negeri yang tidak dilaporkan dalam Lembaran Imbangan. Aset dan tanggungan ini boleh dilupuskan atau perlu dilunaskan pada masa akan datang.

### 4.8.1 Pinjaman Boleh Dituntut

Pinjaman Boleh Dituntut merupakan pinjaman yang diberi oleh Kerajaan Negeri kepada Badan-badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan. Sumber pinjaman ini diperolehi oleh Kerajaan Negeri menerusi pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan. Sehingga tahun 2009, Agensi Kerajaan Negeri yang menerima pinjaman daripada Kerajaan Negeri adalah Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah (PKNK) dan Majlis Bandaraya Alor Star (MBAS). Baki Pinjaman Boleh Dituntut kedua-dua Agensi ini sehingga akhir tahun 2009 berjumlah RM253.38 juta berbanding RM254.77 juta pada tahun 2008. Penurunan ini disebabkan bayaran balik pinjaman berjumlah RM8.39 juta melebihi jumlah pinjaman diberi pada tahun 2009 sejumlah RM7.0 juta. Pinjaman Boleh Dituntut Kerajaan Negeri bagi tahun 2009 berbanding tahun 2008 adalah seperti di **Jadual 4.39**.

**Jadual 4.39**  
**Pinjaman Boleh Dituntut Kerajaan Negeri Pada Tahun 2009 Berbanding 2008**

Bil.	Agensi	Tahun		Penurunan	
		2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah	253.99	252.60	(1.39)	(0.5)
2.	Majlis Bandaraya Alor Star	0.78	0.78	0.00	0.0
<b>Jumlah</b>		<b>254.77</b>	<b>253.38</b>	<b>(1.39)</b>	<b>(0.5)</b>

Sumber: *Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah*

Perbandingan antara baki pinjaman mengikut rekod PKNK dan Perbendaharaan Negeri menunjukkan perbezaan sejumlah RM7.04 juta iaitu masing-masing berjumlah RM245.56 juta dan RM252.60 juta. Perbezaan ini melibatkan pinjaman PKNK bagi tiga projek yang belum diambilkira dalam rekod PKNK. Baki pinjaman mengikut rekod MBAS dan Perbendaharaan Negeri juga berbeza sejumlah RM0.22 juta iaitu masing-masing berjumlah RM0.56 juta dan RM0.78 juta. Hanya perbezaan bagi pinjaman PKNK dapat disahkan, manakala pinjaman MBAS tidak dapat disahkan kerana tiada penyesuaian diterima bagi menyokong perbezaan ini. Baki pinjaman boleh dituntut bagi tahun 2005 hingga 2009 adalah seperti di **Jadual 4.40**. Kedudukan baki pinjaman boleh dituntut pada tahun 2009 berkurangan berbanding tahun 2006, 2007 dan 2008.

**Jadual 4.40**  
**Baki Pinjaman Boleh Dituntut Bagi Tahun 2005 Hingga 2009**

Bil.	Agensi	Tahun				
		2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah	206.13	261.10	263.12	253.99	252.60
2.	Majlis Bandaraya Alor Star	0.78	0.78	0.78	0.78	0.78
<b>Baki Pinjaman Boleh Dituntut Pada 31 Disember</b>		<b>206.91</b>	<b>261.88</b>	<b>263.90</b>	<b>254.77</b>	<b>253.38</b>

Sumber: *Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah*

### a) Bayaran Balik Pinjaman Oleh Agensi

Tunggakan bayaran balik terkumpul yang perlu dijelaskan oleh PKNK dan MBAS sehingga 31 Disember 2009 berjumlah RM153.92 juta. Bagaimanapun, tunggakan bayaran balik pinjaman oleh agensi pada tahun 2009 hanya berjumlah RM143.90 juta berbanding RM146.71 juta pada akhir tahun 2008 iaitu berkurangan sejumlah RM2.81 juta atau 1.9%. Kedudukan tunggakan ansuran bayaran balik pinjaman oleh Agensi kepada Kerajaan Negeri adalah seperti di **Jadual 4.41**.

**Jadual 4.41**  
**Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Pada Tahun 2009**

Bil.	Agensi	Bil.	Baki Pada 1 Januari 2009 (RM Juta)	Anuiti 2009 (RM Juta)	Jumlah Bayaran Balik Sepatutnya (RM Juta)	Bayaran Diterima (RM Juta)	Baki Pada 31 Disember 2009 (RM Juta)
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah	13	145.93	7.21	153.14	10.02	143.12
2.	Majlis Bandaraya Alor Star	1	0.78	0.00	0.78	0.00	0.78
<b>Jumlah</b>		<b>14</b>	<b>146.71</b>	<b>7.21</b>	<b>153.92</b>	<b>10.02</b>	<b>143.90</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah

Pada tahun 2009, hanya PKNK telah membuat bayaran balik berjumlah RM10.02 juta yang terdiri daripada bayaran pokok dan faedah masing-masing berjumlah RM8.39 juta dan RM1.63 juta berbanding sejumlah RM11.38 juta pada tahun 2008 iaitu bayaran pokok berjumlah RM9.13 juta dan faedah sejumlah RM2.25 juta.

### 4.8.2 Pelaburan

Pada akhir tahun 2009, pelaburan berjumlah RM29 juta terdiri daripada pelaburan di Syarikat Samak Aquaculture Sdn. Bhd. berjumlah RM26 juta, Permodalan Kedah Berhad berjumlah RM2.50 juta dan Institut Pengurusan Kedah berjumlah RM0.50 juta. Tiada dividen dan pulangan diterima pada tahun 2009. Analisis Audit menunjukkan pelaburan ini tidak berubah sejak tahun 2002.

### 4.8.3 Tunggakan Hasil

Pada akhir tahun 2009, tunggakan hasil negeri berjumlah RM199.83 juta iaitu meningkat sejumlah RM5.36 juta atau 2.8% berbanding tunggakan pada tahun 2008 yang berjumlah RM194.47 juta. Peningkatan ketara ini adalah disebabkan tunggakan hasil air meningkat sejumlah RM9.49 juta atau 12.8% daripada RM74.18 juta pada tahun 2008 kepada RM83.67 juta pada tahun 2009. Peningkatan ini antaranya disebabkan oleh peningkatan tunggakan hutang tahun semasa berjumlah RM8.90 juta dan tunggakan melebihi 12 bulan berjumlah RM0.27 juta. Tunggakan hasil mengikut butiran hasil pada tahun 2009 berbanding tahun 2008 adalah seperti di **Jadual 4.42**.

**Jadual 4.42**  
**Tunggakan Hasil Pada Tahun 2009 Berbanding 2008**

Bil.	Jenis Hasil	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
		2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Air	74.18	83.67	9.49	12.8
2.	Cukai Tanah	98.29	91.99	(6.30)	(6.4)
3.	Perumahan	22.00	24.17	2.17	9.9
<b>Jumlah</b>		<b>194.47</b>	<b>199.83</b>	<b>5.36</b>	<b>2.8</b>

Sumber: Penyata Tunggakan Hasil Jabatan Negeri

Perbezaan tunggakan hasil mengikut jenis hasil pada tahun 2009 adalah seperti di **Jadual 4.43**.

**Jadual 4.43**  
**Perbezaan Rekod Tunggakan Hasil Pada Tahun 2009**

Bil.	Jenis Hasil	Akaun Memorandum (RM Juta)	Ringkasan Kutipan Hasil (RM Juta)	Perbezaan (RM Juta)
1.	Air	83.67	83.67	0.00
2.	Cukai Tanah	91.99	120.75	28.76
3.	Perumahan	24.17	36.59	12.42
<b>Jumlah</b>		<b>199.83</b>	<b>241.01</b>	<b>41.18</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah, Ringkasan Kutipan Hasil Dan Penyata ABT

Tunggakan hasil Negeri Kedah bagi tempoh lima tahun adalah seperti di **Jadual 4.44**. Kedudukan tunggakan hasil negeri pada tahun 2009 terus meningkat berbanding lima tahun kebelakangan.

**Jadual 4.44**  
**Tunggakan Hasil Bagi Tahun 2005 Hingga 2009**

Tahun	Air (RM Juta)	Cukai Tanah (RM Juta)	Perumahan (RM Juta)	Jumlah (RM Juta)
2005	60.02	35.29	18.22	<b>113.53</b>
2006	80.04	82.93	18.23	<b>181.20</b>
2007	67.67	95.71	19.34	<b>182.72</b>
2008	74.18	98.29	22.00	<b>194.47</b>
2009	83.67	91.99	24.17	<b>199.83</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah

#### 4.8.4 Hutang Awam

Kerajaan Negeri dari semasa ke semasa menerima pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan bagi membiayai projek pembangunannya. Kedudukan Hutang Awam Kerajaan Negeri pada akhir tahun 2009 berbanding tahun 2008 adalah seperti di **Jadual 4.45**.

**Jadual 4.45**  
**Kedudukan Baki Hutang Awam Kerajaan Negeri**  
**Pada Tahun 2009 Berbanding 2008**

Bil.	Pinjaman	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
		2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Rancangan Bekalan Air	1,663.07	1,805.52	142.45	8.6
2.	Perumahan Awam Kos Rendah	152.75	152.75	0.00	0.0
3.	Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah	263.13	261.74	(1.39)	(0.5)
4.	Pelbagai	174.54	162.56	(11.98)	(6.9)
<b>Jumlah</b>		<b>2,253.49</b>	<b>2,382.57</b>	<b>129.08</b>	<b>5.7</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah

Pada akhir tahun 2009, baki hutang awam berjumlah RM2.38 bilion berbanding RM2.25 bilion pada tahun 2008 iaitu meningkat sejumlah RM129.08 juta atau 5.7%. Peningkatan ini disebabkan Kerajaan Negeri menerima sembilan pinjaman berjumlah RM149.45 juta melebihi bayaran balik kepada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM20.37 juta. Pinjaman yang diterima pada tahun 2009 adalah untuk dua projek pembangunan iaitu Rancangan Bekalan Air dan PKNK. Analisis baki hutang Awam Kerajaan Negeri pada tahun 2009 berbanding tahun 2008 adalah seperti di **Jadual 4.46**.

**Jadual 4.46**  
**Baki Hutang Awam Kerajaan Negeri Pada Tahun 2009 Berbanding 2008**

Bil.	Pinjaman	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)		Punca Peningkatan/ Penurunan
		2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)	
1.	Rancangan Bekalan Air	1,663.07	1,805.52	142.45	8.6	Pinjaman diterima berjumlah RM142.45 juta.
2.	Perumahan Awam Kos Rendah	152.75	152.75	-	-	-
3.	Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah	263.13	261.74	(1.39)	(0.5)	Pinjaman diterima berjumlah RM7.0 juta dan bayaran balik pinjaman pokok berjumlah RM8.39 juta.
4.	Pelbagai	174.54	162.56	(11.98)	(6.9)	Hapus kira pinjaman Projek Pembinaan Dewan Undangan Negeri tahun 1989 dan 1993 berjumlah RM11.98 juta.
<b>Jumlah</b>		<b>2,253.49</b>	<b>2,382.57</b>	<b>129.08</b>	<b>5.7</b>	

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah

#### a) Hutang Awam Kerajaan Negeri Bagi Tempoh Lima Tahun

Hutang Awam Kerajaan Negeri bagi tempoh lima tahun iaitu bagi tahun 2005 hingga 2009 adalah seperti di **Jadual 4.47**. Kedudukan Hutang Awam Kerajaan Negeri pada tahun 2009 adalah paling tinggi berbanding lima tahun kebelakangan.

**Jadual 4.47**  
**Hutang Awam Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2005 Hingga 2009**

Bil.	Pinjaman	Tahun				
		2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)
1.	Rancangan Bekalan Air	1,321.52	1,416.30	1,548.68	1,663.07	1,805.52
2.	Perumahan Awam Kos Rendah	152.75	152.75	152.75	152.75	152.75
3.	Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah	206.13	261.11	263.13	263.13	261.74
4.	Pelbagai	116.82	110.99	131.00	174.54	162.56
<b>Jumlah</b>		<b>1,797.22</b>	<b>1,941.15</b>	<b>2,095.56</b>	<b>2,253.49</b>	<b>2,382.57</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah

#### b) Bayaran Balik Pinjaman Oleh Kerajaan Negeri

Tuggakan bayaran balik terkumpul yang perlu dijelaskan sehingga 31 Disember 2009 berjumlah RM579.29 juta. Bayaran balik pinjaman oleh Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan pada tahun 2009 berjumlah RM8.39 juta. Amaun ini merupakan bayaran balik PKNK kepada Kerajaan Negeri pada tahun 2009 bagi dua projek yang dijadual semula pinjamannya.

Selain itu pada tahun 2009, dua pinjaman melibatkan Projek Bekalan Air Luar Bandar bagi tahun 1996 dan Projek Pembinaan Dewan Undangan Negeri bagi tahun 1993 masing-masing berjumlah RM4.90 juta dan RM7.08 juta telah dihapus kira secara pemberian geran. Bagaimanapun, hapuskira bagi Projek Bekalan Air Luar Bandar tersebut telah tersilap ditunjukkan di bawah Pinjaman Pelbagai. Kedudukan bayaran balik dan hapus kira pinjaman serta baki tuggakan hutang awam mengikut pinjaman adalah seperti di **Jadual 4.48**.

**Jadual 4.48**  
**Hapus Kira Pinjaman Dan Tuggakan Hutang Awam Pada Tahun 2009**

Bil.	Pinjaman	Bayaran Balik Pinjaman (RM Juta)	Hapus Kira Pinjaman (RM Juta)	Tuggakan Hutang Awam (RM Juta)
1.	Rancangan Bekalan Air	0.00	0.00	32.23
2.	Perumahan Awam Kos Rendah	0.00	0.00	349.37
3.	Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah	8.39	0.00	154.51
4.	Pelbagai	0.00	11.98	43.18
<b>Jumlah</b>		<b>8.39</b>	<b>11.98</b>	<b>579.29</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah

### 4.9 RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

**4.9.1** Analisis Audit terhadap kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Kedah pada tahun 2009 mendapati secara keseluruhannya adalah memuaskan. Peningkatan hasil sejumlah RM10.32 juta atau 2.9% pada tahun 2009 berbanding peningkatan perbelanjaan mengurus sejumlah RM3.4 juta atau 0.8%. Ini menyebabkan defisit tahun 2009 adalah berjumlah RM62.89 juta berkurangan berbanding defisit tahun 2008 berjumlah RM69.81 juta iaitu sejumlah RM6.92 juta atau 9.9%. Walaupun defisit tahun semasa berkurangan, baki defisit Akaun Hasil Disatukan bertambah disebabkan baki defisit tahun 2008 berjumlah RM257.84

juta menjadi RM320.73 juta pada tahun 2009. Kerajaan Negeri telah melaksanakan berbagai usaha bagi mengurangkan defisit tahun semasa yang secara tidak langsung akan mengurangkan defisit Akaun Hasil Disatukan. Antaranya adalah mengurangkan kenaikan perbelanjaan mengurus iaitu hanya meningkat sejumlah RM3.4 juta atau 0.8%, mengimbangkan pendapatan dan perbelanjaan dengan cara meningkatkan hasil Kerajaan Negeri seperti menetapkan dasar tender terbuka bagi hasil perhutanan menyebabkan Kerajaan Negeri telah mencatat pendapatan yang tinggi selama dua tahun berturut-turut, meningkatkan kutipan dari hasil lain seperti royalti bahan batuan, terimaan dari perkhidmatan dan cukai hiburan hasil daripada aktiviti pelancongan. Selain itu, Kerajaan Negeri juga menerima sumbangan yang tinggi daripada anak syarikat Kerajaan Negeri pada tahun 2009.

**4.9.2** Perancangan dan pelaksanaan perbelanjaan berhemat adalah penting agar setiap perbelanjaan Kerajaan Negeri adalah setara dengan nilai yang diperolehi. Tindakan yang lebih berkesan perlu diambil untuk mengutip tunggakan hasil kerana jumlah tunggakan hasil pada tahun 2009 berjumlah RM199.83 juta meningkat RM5.36 juta atau 2.8% berbanding RM194.47 juta pada tahun 2008.



## **BAHAGIAN III**

### **RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI**



### **BAHAGIAN III** **RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI**

#### **5. PENCAPAIAN PELAKSANAAN PROJEK PEMBANGUNAN RANCANGAN MALAYSIA KESEMBILAN (RMKe-9)**

**5.1** Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) Negeri Kedah untuk tempoh lima tahun bermula pada tahun 2006. Rancangan ini digubal bagi menjelaskan strategi, program dan projek yang akan diperkenal dan dilaksanakan untuk mencapai objektif pembangunan Kedah. Ia adalah kesinambungan perancangan Kerajaan bagi membentuk sebuah negara yang maju dari segi ekonominya selain mempunyai pembangunan sosial yang seimbang, warga yang bersatu padu, berbudaya, berpekerti mulia, berkemahiran, berfikiran maju dan berpandangan jauh. Bagi menjayakan RMKe-9 ini, siling peruntukan asal yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri berjumlah RM3.47 bilion.

**5.2** Bagaimanapun pada tahun 2009, siling peruntukan RMKe-9 disemak semula menjadikan ianya berjumlah RM3.14 bilion. Manakala peruntukan yang telah diluluskan sehingga tahun 2009 berjumlah RM1.73 bilion iaitu 55.1% daripada jumlah siling disemak berjumlah RM3.14 bilion. Peruntukan ini melibatkan agihan kepada Sembilan Jabatan/Pejabat. Pada tahun 2009, jumlah peruntukan semasa yang diluluskan adalah RM580.63 juta. Tiga daripada Sembilan Jabatan/Pejabat yang menerima peruntukan tertinggi pada tahun 2009 adalah Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri berjumlah RM283.34 juta, Jabatan Bekalan Air berjumlah RM152.14 juta dan Jabatan Kerja Raya berjumlah RM72.40 juta. Sembilan Jabatan/Pejabat ini telah membelanjakan sejumlah RM360.33 juta atau 62.1% daripada RM580.63 juta anggaran perbelanjaan yang telah diluluskan pada tahun 2009.

**5.3** Secara keseluruhannya berdasarkan peruntukan RMKe-9 yang disemak sehingga akhir tahun 2009, hanya dua Pejabat telah mencapai prestasi perbelanjaan melebihi 50% iaitu Jabatan Bekalan Air (66.4%) dan Pejabat Setiausaha Kerajaan (57.6%). Manakala enam Jabatan/Pejabat lagi telah membelanjakan antara 22.4% hingga 47.6% daripada keseluruhan peruntukan. Pejabat Pengarah Tanah dan Galian tiada melakukan perbelanjaan pada tahun 2009. Perbelanjaan bagi Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri hanya mencapai 24.6% kerana perbelanjaan Pejabat ini hanya melibatkan perbelanjaan luar jangka dan caruman bayaran balik hutang. Sejumlah RM1.40 bilion atau 44.6% daripada RM3.14 bilion telah dibelanjakan oleh lapan Jabatan/Pejabat setakat 31 Disember 2009. Prestasi perbelanjaan pembangunan di bawah RMKe-9 adalah seperti di **Jadual 5.1**.


**Jadual 5.1**  
**Prestasi Perbelanjaan Pembangunan Di Bawah RMKe-9 Sehingga 31 Disember 2009**

Bil.	Jabatan/Pejabat	Peruntukan RMKe-9 Yang Diluluskan (Disemak) (RM Juta)	Perbelanjaan Sehingga 31 Disember 2009 (RM Juta)	Pencapaian (%)
1.	Pejabat Setiausaha Kerajaan	852.0	490.82	57.6
2.	Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri	150.0	36.85	24.6
3.	Jabatan Kerja Raya	1,070.40	253.82	23.7
4.	Jabatan Pertanian	76.50	36.44	47.6
5.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	54.83	12.28	22.4
6.	Jabatan Pengairan Dan Saliran	99.53	46.65	46.9
7.	Jabatan Perhutanan	81.30	24.51	30.1
8.	Jabatan Bekalan Air	753.90	500.37	66.4
9.	Pengarah Tanah Dan Galian	5.0	0.0	0.0
<b>Jumlah</b>		<b>3,143.46</b>	<b>1,401.74</b>	<b>44.6</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah

**5.4** Di bawah RMKe-9, sebanyak 233 projek telah dirancang sehingga tahun 2009 untuk dilaksanakan oleh tujuh Jabatan/Pejabat. Mengikut Laporan Kemajuan Projek Dan Program yang dikemukakan oleh 7 Jabatan, sebanyak 159 projek telah siap dilaksanakan, 13 projek sedang dilaksana dan 61 projek belum dimulakan manakala tiada projek yang lewat dan mendahului jadual. Daripada 61 projek yang belum dimulakan, sebanyak tiga projek telah ditangguhkan. Status pencapaian pelaksanaan projek sehingga akhir tahun 2009 adalah seperti di **Carta 5.1**.

**Carta 5.1**  
**Status Pencapaian Pelaksanaan Projek RMKe-9 Setakat 31 Disember 2009**



Sumber: Laporan Kemajuan Projek Dan Program Jabatan/Pejabat Negeri

## 5.5 RUMUSAN

Pada keseluruhannya, prestasi pencapaian pelaksanaan RMKe-9 belum dapat dinilai kerana tahun 2009 adalah tahun keempat di bawah RMKe-9. Bagaimanapun sehingga 31 Disember 2009, sejumlah RM1.4 bilion atau 44.6% daripada RM3.14 bilion telah dibelanjakan. Sebanyak 159 projek atau 68.2% daripada 233 projek telah siap. Manakala 13 projek atau 5.6% projek lagi sedang dilaksanakan, 58 projek atau 24.9% masih belum bermula dan tiga projek atau 1.3% ditangguh. Pelaksanaan projek pembangunan yang lancar dapat mempertingkatkan lagi taraf hidup rakyat.



## **BAHAGIAN IV**

### **PENCAPAIAN PENGURUSAN KEWANGAN**

### **JABATAN/AGENSI NEGERI**



## **BAHAGIAN IV**

### **PENCAPAIAN PENGURUSAN KEWANGAN**

### **JABATAN/AGENSI NEGERI**

#### **6. PELAKSANAAN INDEKS AKAUNTABILITI (AI)**

**6.1** Seksyen 15A, Akta Prosedur Kewangan 1957 dan Arahan Perbendaharaan (AP) telah menetapkan tugas dan tanggungjawab Ketua Jabatan sebagai Pegawai Pengawal di sesebuah Jabatan bagi menjamin wujudnya akauntabiliti pengurusan kewangan Kerajaan. Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab untuk menentukan bahawa peruntukan kewangan yang secukupnya diperolehi dan digunakan secara optimum serta diperakaunkan mengikut peraturan kewangan.

**6.2** Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara menjalankan pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri serta aktiviti Jabatan/Agensi Negeri dan mengemukakan laporan mengenainya untuk dibentangkan di Parlimen dan Dewan Undangan Negeri.

**6.3** Bagi memenuhi kehendak undang-undang di atas, setiap tahun Jabatan Audit Negara akan menjalankan pengauditan terhadap pengurusan kewangan di Jabatan/Agensi Negeri bagi menentukan tahap pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang berkaitan. Berdasarkan kepada pengauditan tersebut, didapati masih ada Jabatan/Agensi Negeri yang tidak serius dalam meningkatkan prestasi pengurusan kewangan walaupun telah diberi teguran oleh Jabatan Audit Negara berulang kali. Ini dapat diperhatikan daripada kelemahan yang dibangkitkan setiap tahun yang mana ia adalah berkisar kepada isu yang sama.

**6.4** Sebagai satu usaha untuk meningkatkan tahap motivasi Jabatan/Agensi Negeri agar lebih gigih memperbaiki, mempertingkat dan memperkasakan pencapaian pengurusan kewangan pada masa akan datang, Jabatan Audit Negara telah memutuskan untuk **melaksanakan sistem penarafan berdasarkan Indeks Akauntabiliti (AI)** mulai tahun 2007. Jabatan/Agensi Negeri yang diberi tahap penarafan yang sangat baik boleh dijadikan sebagai tanda aras kepada Jabatan/Agensi Negeri yang lain.

**6.5** Melalui pelaksanaan sistem penarafan ini, setiap pematuhan terhadap peraturan kewangan bagi enam aspek kawalan utama akan diberikan markah. Aspek tersebut ialah kawalan pengurusan, kawalan bajet, kawalan terimaan, kawalan perbelanjaan, pengurusan kumpulan wang amanah/akaun amanah dan deposit serta pengurusan aset, inventori dan stor. Bagi Jabatan/Agensi Negeri, kawalan tambahan adalah pengurusan pelaburan, pengurusan pinjaman dan pengurusan penyata kewangan. Secara umumnya, sesuatu Jabatan/Agensi Negeri diberi tahap pencapaian pengurusan kewangan berdasarkan markah keseluruhan seperti di **Jadual 6.1**.

**Jadual 6.1**  
**Tahap Pencapaian Pengurusan Kewangan**

Markah Keseluruhan (%)	Tahap	Penarafan
90 – 100	Sangat Baik	
70 – 89	Baik	
50 – 69	Memuaskan	
49 ke bawah	Tidak Memuaskan	

## 6.6 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Bagi membolehkan penarafan diberi kepada tahap Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri, pengauditan telah dijalankan untuk menentukan sama ada:

- a) Wujudnya struktur dan sistem pengurusan kewangan yang berkesan.
- b) Wujudnya sistem kawalan dalaman yang berkesan terhadap pungutan hasil, perbelanjaan serta pengurusan akaun amanah, aset dan inventori, pelaburan serta pinjaman.
- c) Pengurusan kewangan mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan.
- d) Semua rekod berkaitan adalah diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

## 6.7 SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

**6.7.1** Pengauditan telah dijalankan di 19 Jabatan/Agensi iaitu Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah, Jabatan Kerja Raya Negeri Kedah, Jabatan Mufti Negeri Kedah, Jabatan Perhutanan Negeri Kedah, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kedah, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Kedah, Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Kedah, Jabatan Kerja Raya Kejuruteraan Mekanikal, Pejabat Daerah Baling, Pejabat Daerah Kuala Muda, Pejabat Daerah Kota Setar, Pejabat Daerah Kubang Pasu, Pejabat Tanah Baling, Pejabat Daerah dan Tanah Sik, Pejabat Tanah Kota Setar, Pejabat Tanah Kuala Muda, Pejabat Tanah Kubang Pasu, Pejabat Daerah dan Tanah Pokok Sena, 10 di Badan Berkanun Negeri iaitu Lembaga Biasiswa Negeri Kedah, Lembaga Maktab Mahmud Negeri Kedah, Lembaga Tabung Pegawai Masjid Negeri Kedah, Majlis Sukan Negeri Kedah, Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah, Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Kedah, Perbadanan Stadium Negeri Kedah, Yayasan Islam Negeri Kedah, Majlis Agama Islam Negeri Kedah, Jawatankuasa Zakat Negeri Kedah dan tujuh di Pihak Berkuasa Tempatan iaitu Majlis Daerah Kubang Pasu, Majlis Daerah Padang Terap, Majlis Daerah Pendang, Majlis Daerah Sik, Majlis Daerah Yan, Majlis Perbandaran Langkawi dan Majlis Perbandaran Sungai Petani.

**6.7.2** Pengauditan telah dijalankan dengan memberi tumpuan terhadap enam aspek kawalan utama iaitu kawalan pengurusan, kawalan bajet, kawalan terimaan, kawalan perbelanjaan, pengurusan kumpulan wang amanah/akaun amanah dan deposit serta pengurusan aset, inventori dan stor. Bagi Agensi Negeri, kawalan tambahan yang disemak adalah pengurusan pelaburan, pengurusan pinjaman dan pengurusan Penyata Kewangan.

**6.7.3** Untuk menilai tahap kawalan yang telah diwujudkan bagi setiap aspek kawalan utama berkenaan, pengauditan telah dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen kewangan tahun 2009 di peringkat Ibu Pejabat Jabatan/Agensi Negeri. Selain itu, semakan Audit juga dibuat terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2009 dan Penyata Kewangan Agensi Negeri Tahun 2008/2009 bagi menentukan kedudukan prestasi pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri secara menyeluruh.

## **6.8 JENIS KAWALAN**

Pelaksanaan sistem penarafan bagi 19 Jabatan Negeri, 10 Agensi Badan Berkanun Negeri dan tujuh Pihak Berkuasa Tempatan adalah berdasarkan tahap prestasi kewangan mengikut enam jenis kawalan seperti berikut:

### **6.8.1 Kawalan Pengurusan**

Bagi menentukan sama ada struktur pengurusan kewangan yang berkesan telah diwujudkan, semakan Audit telah dijalankan terhadap empat aspek utama kawalan pengurusan iaitu struktur organisasi, sistem dan prosedur, keberkesanan Unit Audit Dalam dan Jawatankuasa yang diwujudkan serta pengurusan sumber manusia seperti berikut:

#### **a) Struktur Organisasi**

Bagi mewujudkan suatu struktur organisasi yang berkesan, Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- i) Carta organisasi disediakan dengan lengkap dan kemas kini seperempena yang ditetapkan di dalam Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991.
- ii) Surat penurunan kuasa disediakan dengan lengkap dan sentiasa dikemaskinikan. Had kuasa dan tugas pegawai yang menjalankan tanggungjawab perlu dinyatakan dengan jelas. Seksyen 15A (2) Akta Prosedur Kewangan, AP 11, AP 69 dan AP 101 adalah berkaitan.
- iii) Kehendak Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991 dipatuhi. Pekeliling tersebut menetapkan senarai tugas bagi setiap pegawai perlu disediakan dengan lengkap dan jelas menunjukkan hubung kait antara penyelia dengan pegawai bawahan serta rakan sejawat dalam organisasi yang sama. Senarai tugas ini juga perlu sentiasa dikemaskinikan.
- iv) Kehendak Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 2007 dipatuhi. Selaras dengan pekeliling tersebut, perancangan dan pelaksanaan pusingan kerja mengikut tempoh yang sesuai dalam pelbagai bidang tugas perlu dilaksanakan bagi membangunkan sumber manusia berpotensi serta berupaya menyumbang kepada kecemerlangan organisasi.

**b) Sistem Dan Prosedur**

Bagi memastikan sistem dan prosedur yang teratur telah diwujudkan, Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- i) Manual Prosedur Kerja disediakan dengan lengkap, kemas kini dan dikaji semula secara berterusan. Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991 adalah berkaitan.
- ii) Fail Meja bagi setiap jawatan disediakan dengan lengkap, kemas kini dan mengandungi semua 14 perkara asas yang ditetapkan. Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991 adalah berkaitan.
- iii) Pemeriksaan Mengejut (AP 309) dijalankan secara berkala (tidak kurang dari sekali dalam tempoh enam bulan) terhadap peti besi, peti wang tunai, laci atau bekas lain yang diguna untuk menyimpan wang, setem atau barang lain yang berharga. Hasil pemeriksaan itu hendaklah direkodkan dengan lengkap untuk memudahkan rujukan.

**c) Jawatankuasa Kewangan Dan Unit Audit Dalam**

Kerajaan menetapkan pelbagai jawatankuasa berkaitan hal kewangan ditubuhkan di peringkat Jabatan/Agensi Negeri. Fungsi dan tanggungjawab jawatankuasa tersebut telah ditetapkan melalui surat pekeliling, arahan, garis panduan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa. Bagi memastikan jawatankuasa yang telah diwujudkan berfungsi dengan berkesan, Kerajaan telah mengeluarkan Panduan Pengurusan Mesyuarat Dan Urusan Jawatankuasa-jawatankuasa Kerajaan melalui Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 2 Tahun 1991. Panduan ini menetapkan dengan jelas peranan Pengerusi dan Urus Setia dalam sesuatu mesyuarat bagi memastikan keberkesanannya jawatankuasa yang telah diwujudkan. Antara Jawatankuasa/unit yang perlu diwujudkan bagi memantapkan tahap pengurusan kewangan adalah:

**i) Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun**

Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun (JPKA) ditubuhkan di setiap pusat tanggungjawab supaya dapat memantapkan lagi pengurusan kewangan dan akaun Agensi Kerajaan Negeri. Sepertimana yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 10 Tahun 2008, Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan seorang Pengerusi dan ahli jawatankuasa dilantik, bermesyuarat setiap tiga bulan, membincangkan perkara yang telah ditetapkan dan mengemukakan Laporan Suku Tahun dengan lengkap kepada pihak berkuasa berkenaan dalam tempoh yang ditetapkan.

**ii) Unit Audit Dalam**

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 2004 yang juga diguna pakai oleh Kerajaan Negeri menghendaki Unit Audit Dalam (UAD) ditubuhkan di Jabatan/Agensi Negeri untuk membantu Ketua Jabatan memantapkan pencapaian pengurusan dan memastikan pencapaian objektif organisasi secara cekap dan berhemat. Bagi melaksanakan fungsinya, UAD adalah bertanggungjawab menyediakan dan mengemukakan Rancangan Tahunan Audit Dalam yang telah diluluskan oleh Ketua

Eksekutif kepada Perbendaharaan Malaysia selewat-lewatnya pada 31 Januari, membentangkan Laporan Audit Dalam di Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun serta mengemukakan Laporan Tahunan Audit Dalam yang telah diluluskan oleh Ketua Eksekutif kepada Perbendaharaan Malaysia selewat-lewatnya pada 31 Mac tahun berikutnya. Manakala tanggungjawab Ketua Jabatan adalah mengkaji dan meluluskan Rancangan Tahunan dan Laporan Tahunan Audit Dalam, memastikan tindakan susulan diambil terhadap pemerhatian/Laporan Audit Dalam dan memastikan anggota UAD mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk melaksanakan tanggungjawab mereka secara berkesan.

**iii) Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan**

Selaras dengan Arahan Y.A.B. Perdana Menteri No. 1 Tahun 1998 dan Siri 2 No. 1 Tahun 2000, Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan (JKP) hendaklah ditubuhkan di peringkat Kerajaan/Jabatan/Agensi Negeri bagi tujuan mewujudkan pentadbiran Kerajaan/Jabatan/Agensi Negeri dan perkhidmatan awam yang cekap, berdisiplin serta berintegriti. Antara lainnya, Menteri Besar/Ketua Menteri/Ketua Jabatan hendaklah melantik ahli jawatankuasa dan mempengerusikan mesyuarat berkenaan, bermesyuarat setiap tiga bulan, membincangkan perkara yang telah ditetapkan dan menyediakan Laporan Suku Tahun dengan lengkap untuk dikemukakan kepada pihak berkuasa berkenaan dalam tempoh yang ditetapkan.

**iv) Pengurusan Sumber Manusia**

Bagi memastikan pengurusan kewangan dikendalikan dengan baik, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah menguruskan sumber manusianya dengan cekap seperti menentukan bilangan jawatan dan gred yang sesuai, jawatan diisi sepenuhnya dan latihan dalam bidang kewangan diberi kepada mereka yang terlibat. Jabatan/Agensi Negeri juga dikehendaki memberi pengiktirafan kepada kakitangan yang cemerlang dan sebaliknya mengambil tindakan tatatertib/surcaj terhadap mereka yang didapati gagal/cuai melaksanakan tanggungjawab yang telah ditetapkan.

### **6.8.2 Kawalan Bajet**

Bagi menentukan sama ada Jabatan/Agensi Negeri telah menguruskan bajet dan peruntukannya dengan cekap, berhemat dan mengikut peraturan, semakan Audit telah dijalankan terhadap lima aspek utama kawalan bajet iaitu penyediaan bajet, pengagihan peruntukan, kelulusan pindah/tambah peruntukan, pemantauan kemajuan/prestasi bajet dan pelaporan seperti berikut :

**a) Penyediaan Bajet**

Peraturan kewangan mengenai penyediaan bajet oleh setiap Jabatan/Agensi Negeri dikeluarkan melalui Pekeliling Perbendaharaan Bil. 14 Tahun 1994 (Garis Panduan Bagi Penyediaan Cadangan Perbelanjaan Dan Pengesanan Prestasi Perbelanjaan Tahunan Kerajaan Persekutuan) serta Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 2007 (Garis Panduan Bagi Penyediaan Cadangan Perbelanjaan Tahun 2008-2009). Selain itu, AP 29

hingga 46 juga menetapkan peraturan penyediaan anggaran hasil dan perbelanjaan. Antara lainnya, peraturan kewangan mengenai penyediaan bajet menetapkan keperluan mempunyai justifikasi yang jelas setiap anggaran yang disediakan, ketepatan anggaran yang disediakan, prosedur kelulusan bajet di peringkat Jabatan/Agensi Negeri, pematuhan tempoh yang ditetapkan untuk mengemukakan bajet dan Perjanjian Program kepada Pegawai Kewangan Negeri.

**b) Pengagihan Peruntukan**

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 1 Tahun 2007 antara lainnya menetapkan bahawa Pegawai Pengawal perlu mengagihkan peruntukan kepada pemegang waran tertentu sebaik sahaja Waran Am diterima. Mengikut AP 94 pula, pemegang waran peruntukan tersebut boleh mengagihkan waran peruntukan/waran peruntukan kecil kepada pegawai yang berkenaan di mana perlu. Pengagihan waran ini perlu direkodkan dengan lengkap dan kemas kini.

**c) Kelulusan Pindah/Tambahan Peruntukan**

Peraturan kewangan mengenai pindah/tambah peruntukan antaranya menetapkan Waran Pindah Peruntukan hendaklah ditandatangani oleh Pegawai Pengawal sendiri atau pegawai bawahannya yang diberi kuasa secara bertulis. Semua pindah peruntukan hendaklah dibuat dalam tahun kewangan berkenaan dan semua Waran Pindah Peruntukan yang dikeluarkan hendaklah disampaikan kepada Perbendaharaan/Bendahari Negeri atau wakilnya tidak lewat dari 31 Disember bagi tahun kewangan berkenaan. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlulah sentiasa mengawasi dan mengemas kini akaun serta memastikan pindah peruntukan dikemaskinikan dalam Buku Vot supaya kawalan perbelanjaan dapat diuruskan dengan berkesan. Peraturan juga menetapkan pindahan kepada butiran yang telah dikurangkan melalui pindah peruntukan atau pengurangan kepada butiran yang telah ditambah melalui pindah peruntukan adalah tidak dibenarkan kecuali mendapat kelulusan daripada Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu.

**d) Pemantauan Kemajuan/Prestasi Bajet**

Peraturan kewangan menghendaki Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan memantau pelaksanaan projek pembangunan dengan rapi bagi memastikan ia dilaksanakan mengikut jadual. Bagi tujuan ini, Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan hendaklah memastikan data mengenai peruntukan dan perbelanjaan projek bagi setiap tahun diisi dan sentiasa dikemas kini dalam Sistem Pemantauan Projek II serta kaedah lain yang diterima pakai, impak setiap aktiviti dinilai sekurang-kurangnya sekali dalam masa lima tahun dan memastikan perbelanjaan tidak melebihi peruntukan yang telah diluluskan.

**e) Pelaporan**

Pegawai Pengawal dikehendaki menyediakan beberapa laporan seperti Laporan Perbelanjaan Dan Tanggungan serta laporan untuk Buku Anggaran Belanjawan Program Dan Prestasi. Laporan ini perlu dikemukakan kepada Pegawai Kewangan Negeri, Bendahari Negeri dan Akauntan Negeri dalam tempoh yang ditetapkan. Pegawai Pengawal juga dikehendaki mengemukakan laporan mengenai keperluan aliran wang

tunai yang disahkan olehnya kepada Pegawai Kewangan Negeri/Bendahari Negeri/Akauntan Negeri. Bagi Ketua Jabatan yang bukan Pegawai Pengawal, laporan berkenaan akan dikemukakan kepada Pegawai Pengawal berkenaan untuk disatukan.

### **6.8.3 Kawalan Terimaan**

Bagi menentukan sama ada segala terimaan telah dikendalikan mengikut peraturan dan diakaunkan dengan sempurna. Semakan Audit telah dijalankan terhadap lima aspek utama iaitu kawalan borang hasil, penerimaan wang, kemasukan pungutan ke bank, kawalan perakaunan terimaan/hasil dan penyediaan Akaun Belum Terima seperti berikut:

#### **a) Kawalan Borang Hasil**

Kawalan terhadap borang hasil seperti buku resit adalah penting untuk memastikan ia tidak disalahgunakan.

#### **b) Penerimaan Wang**

Setiap Jabatan/Agenzi Negeri perlu memastikan pegawai yang dipertanggungjawabkan dengan urusan penerimaan wang mematuhi peraturan kewangan yang berkaitan. Semakan Audit telah dijalankan terhadap empat aspek kawalan dalaman yang ditetapkan oleh AP bagi penerimaan wang iaitu dari segi kebenaran/kelulusan menerima wang, keselamatan semasa menerima kutipan, kawalan penerimaan melalui mel dan penerimaan wang di kaunter.

#### **c) Kemasukan Pungutan Ke Bank**

AP telah menetapkan beberapa peraturan mengenai kemasukan wang pungutan ke bank bagi memastikan ketepatan dan keselamatan wang berkenaan. Antaranya adalah mengenai penetapan tempoh memasukkan wang ke bank, kawalan keselamatan penghantaran wang dan penyelenggaraan rekod mengenainya, semakan oleh pegawai bertanggungjawab terhadap slip kemasukan wang ke bank dan keselamatan wang yang tidak sempat dibankkan.

#### **d) Kawalan Perakaunan Terimaan/Hasil**

Bagi memastikan peraturan mengenai perakaunan terimaan/hasil yang ditetapkan dalam AP dipatuhi, semakan Audit telah dijalankan terhadap penyerahan Akaun Tunai Bulanan kepada Perbendaharaan Negeri, ketepatan penyediaan Penyata Penyesuaian Hasil Bulanan dan ketepatan Buku Tunai.

#### **e) Akaun Belum Terima**

Dasar dan tatacara bagi menyelenggara dan melaporkan Akaun Belum Terima (ABT) ditetapkan oleh Kerajaan melalui Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 2008 dan beberapa AP. Antara peraturan yang ditetapkan mengenai pengurusan ABT adalah penyediaan Penyata Tunggakan Hasil atau Penyata Akaun Belum Terima yang lengkap dan kemas kini, penyerahan Penyata Akaun Belum Terima kepada Perbendaharaan Negeri dalam tempoh ditetapkan dan tindakan susulan diambil terhadap jumlah terimaan/hasil yang tertunggak.

#### **6.8.4 Kawalan Perbelanjaan**

Bagi menentukan sama ada semua perbelanjaan mengurus dan pembangunan telah dibuat mengikut peraturan yang ditetapkan dan diperakaunkan dengan tepat, semakan Audit telah dijalankan terhadap tiga aspek utama kawalan perbelanjaan iaitu perakaunan, pengurusan perolehan dan pengurusan bayaran seperti berikut:

##### **a) Perakaunan**

Semakan Audit telah dibuat untuk menentukan sejauh mana Buku Vot dan Penyata Penyesuaian Perbelanjaan diselenggarakan oleh Jabatan/Agensi mengikut peraturan yang ditetapkan di dalam pekeliling dan AP yang berkaitan.

##### **b) Pengurusan Perolehan**

Setiap tahun, Jabatan/Agensi membelanjakan jutaan ringgit untuk mendapatkan bekalan, perkhidmatan dan kerja. Bagi menentukan sejauh mana pengurusan perolehan Jabatan/Agensi telah mematuhi peraturan yang berkaitan, semakan Audit telah dibuat terhadap pengurusan pembelian terus, sebut harga, tender, kontrak dan kontrak pusat.

##### **c) Pengurusan Bayaran**

Semakan Audit telah dijalankan terhadap kawalan dalaman bagi proses bayaran, kesempurnaan bayaran yang memerlukan kelulusan khas, penyediaan dan penyimpanan daftar/rekod pembayaran dan daftar bil, bayaran pukal serta panjar wang runcit.

#### **6.8.5 Pengurusan Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah Dan Deposit**

Pengurusan dan kawalan terhadap Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah dan Deposit adalah penting untuk menentukan ia diurus dengan teratur, mengikut pekeliling dan arahan amanah yang ditetapkan serta diakaunkan dengan betul dan kemas kini. Semakan Audit telah dijalankan terhadap pengurusan seperti berikut:

##### **a) Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah**

Tatacara pengurusan Akaun Amanah ditetapkan melalui Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 18 Tahun 2001. Semakan Audit telah dijalankan terhadap pengendalian Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah di Jabatan/Agensi Negeri dari segi penyediaan dan penyerahan Penyata Tahunan untuk diaudit serta kesempurnaan rekod perakaunan/penyata penyesuaian akaun/transaksi akaun.

##### **b) Pengurusan Kumpulan Wang Pinjaman**

Jabatan/Agensi Negeri perlu menguruskan kumpulan wang pinjaman dan pendahuluan diri/pelbagai mengikut Pekeliling/Surat Pekeliling Perbendaharaan yang berkaitan seperti berikut:

- i) Pinjaman kenderaan hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 dan 8 Tahun 1993 serta Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 2008.

- ii) Pinjaman komputer hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 1992, Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 dan Bil. 14 Tahun 1993.
- iii) Pendahuluan diri hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan dalam Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1993 dan Bil. 6 Tahun 1994.
- iv) Pendahuluan pelbagai hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 13 Tahun 1990.

**c) Pengurusan Akaun Deposit**

Tatacara dan pengurusan Akaun Deposit ditetapkan melalui AP 156 hingga 163.

**6.8.6 Pengurusan Aset Dan Stor**

Aset dan inventori yang diperolehi untuk kegunaan pejabat perlu direkod, dikawal dan dipantau dengan sempurna bagi mengelakkan dari berlakunya pembaziran dan juga penyalahgunaan. Semakan Audit telah dijalankan untuk menilai tahap pematuhan Jabatan/Agensi Negeri kepada peraturan yang ditetapkan dalam Pekeliling/Surat Pekeliling Perbendaharaan yang berkenaan dan Tatacara Pengurusan Stor berhubung dengan perkara berikut:

**a) Kawalan Umum**

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007, Pegawai Pengawal hendaklah mewujudkan Unit Pengurusan Aset yang antaranya bertanggungjawab untuk mengurus pelantikan Pegawai Pemeriksa, Lembaga Pemeriksa dan Jawatankuasa Penyiasat. Unit tersebut juga diberi tanggungjawab menjadi Urus Setia kepada Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan yang diwujudkan, menguruskan pelupusan, kehilangan dan hapus kira aset serta menyelaras penyediaan laporan mengenainya. Selain itu, Pegawai Pengawal juga hendaklah melantik seorang Pegawai Aset secara bertulis bagi setiap pusat tanggungjawab di bawahnya dan memastikan Pegawai Aset di peringkat Ibu Pejabat diberi tanggungjawab sebagai Setiausaha Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan.

**b) Penerimaan**

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007, seorang Pegawai Penerima hendaklah diberi kuasa untuk menerima dan mengesahkan aset yang diperolehi. Antara lainnya, tanggungjawab seseorang Pegawai Penerima adalah memastikan aset/bekalan pejabat diterima menepati spesifikasi, kualiti dan kuantiti yang telah ditetapkan sebelum pengesahan penerimaannya. Bagi membolehkan Pegawai Penerima membuat rujukan, sesalinan dokumen kontrak hendaklah disimpan oleh pegawai ini. Bagi penerimaan bekalan pejabat pula, Borang Terima Barang perlu disahkan dan direkodkan dalam Kad Kawalan Stok dan Kad Petak. Borang Laporan Penerimaan Aset Alih Kerajaan hendaklah disedia, disahkan dan dihantar dengan serta merta kepada agen penghantaran atau syarikat pembekal. Aset hendaklah diterima berserta surat jaminan dan manual penggunaan/penyenggaraannya.

**c) Pendaftaran**

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 menetapkan aset perlu didaftarkan dalam tempoh dua minggu dari tarikh pengesahan penerimaan. Aset tersebut juga perlu dilabelkan dengan tanda Hak Milik Kerajaan dan diberi nombor siri pendaftaran.

**d) Penggunaan, Penyimpanan Dan Pemeriksaan Aset**

Bagi memastikan penggunaan, penyimpanan dan pemeriksaan aset diurus dengan baik, setiap Jabatan/Agenzi Negeri hendaklah memastikan peraturan yang ditetapkan dalam pekeliling adalah dipatuhi:

- i) Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 menetapkan aset diguna hanya bagi tujuan rasmi sahaja dan mengikut tujuan asal perolehannya. Setiap aset hendaklah dikendalikan oleh pegawai yang mahir dan berkelayakan, pengeluaran/penggunaannya direkodkan dengan teratur serta kerosakan aset dilaporkan dengan menggunakan borang yang ditetapkan. Aset juga perlu disimpan di tempat yang selamat dan sesuai serta sentiasa di bawah kawalan pegawai yang bertanggungjawab.
- ii) Pekeliling tersebut juga menghendaki sekurang-kurangnya dua Pegawai Pemeriksa/Lembaga Verifikasi Stok dilantik secara bertulis. Pemeriksaan aset dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali setahun dan verifikasi stok dilaksanakan mengikut tempoh yang ditetapkan. Laporan Pemeriksaan Harta Modal dan Laporan Pemeriksaan Inventori disediakan dengan lengkap dan dikemukakan kepada Ketua Jabatan dan seterusnya kepada Perbendaharaan Negeri di mana berkenaan.
- iii) Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1980 menetapkan penggunaan kenderaan Jabatan dikawal dengan melantik seorang Pegawai Pengangkutan yang bertanggungjawab meluluskan kegunaan kenderaan dan menyediakan fail sejarah bagi setiap kenderaan, menyelenggarakan Buku Log dengan lengkap dan kemas kini serta menyediakan Cerakinan Bulanan Penggunaan Bahan Api setiap bulan bagi mengawal kegunaan bahan api.
- iv) Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1996 pula menetapkan penggunaan kenderaan pegawai Gred JUSA dikawal dengan teratur di mana pembelian minyak setahun tidak melebihi had yang ditetapkan/diluluskan.
- v) Selaras dengan kehendak Pekeliling Perbendaharaan Bil. 6 Tahun 1999, Kad Inden Minyak perlu dikawal dengan teratur melalui penyelenggaraan Buku Rekod Pergerakan Kad Inden yang lengkap dan kemas kini. Penyata pembelian atau penyata kad perlu disemak sebelum bayaran dilakukan.
- vi) Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 1999 menetapkan kad elektronik bagi pembayaran tol dikawal dengan teratur dan rekod berhubung dengan penggunaannya diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

**e) Penyenggaraan Aset**

Bagi memastikan aset disenggarakan dengan baik, setiap Jabatan/Agenzi Negeri hendaklah memastikan:

- i) Senarai aset yang memerlukan penyenggaraan disediakan dengan lengkap dan kemas kini, jadual penyenggaraan disedia dan dilaksanakan seperti dirancang, penyenggaraan direkodkan dengan betul dan lengkap, program penyenggaraan dinilai dan penyenggaraan aset oleh pihak swasta diselia serta dipantau bagi memastikan syarat yang ditetapkan dalam perjanjian dipatuhi. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 adalah berkaitan.
- ii) Memastikan kehendak Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1980 dipatuhi. Pekeliling ini menetapkan kenderaan perlu disenggarakan secara berjadual manakala kos penyenggaraan dan pemberian perlu direkodkan dalam fail kenderaan dan Daftar Harta Modal. Kenderaan juga hendaklah disimpan dengan selamat.

**f) Pelupusan**

Bagi memastikan pelupusan aset diuruskan dengan teratur dan selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- i) Lembaga Pemeriksa dilantik untuk tempoh tidak melebihi dua tahun. Lembaga Pemeriksa perlu menyediakan jadual pemeriksaan dan ia perlu dilaksanakan dalam tempoh satu bulan dari tarikh arahan dikeluarkan. Laporan Lembaga Pemeriksa hendaklah disediakan dan ditandatangani. Lembaga Pemeriksa juga perlu mengesyorkan kaedah pelupusan yang sesuai.
- ii) Perakuan pelupusan aset mekanikal, teknikal, elektrikal dan elektronik disediakan oleh Jabatan/Pegawai Teknikal berkaitan. Manakala perakuan pelupusan aset itu disahkan oleh dua pegawai yang mempunyai tiga tahun pengalaman dan tidak terlibat dengan pengurusan aset berkenaan.
- iii) Kaedah pelupusan aset dibuat dengan teratur dan ia dilaksanakan dalam tempoh tiga bulan dari tarikh surat kelulusan dikeluarkan. Sijil Penyaksian Pemusnahan Aset Alih Kerajaan dan Sijil Pelupusan Aset disedia dan dikemukakan kepada pihak yang meluluskannya. Seterusnya, rekod aset yang telah diluluskan pelupusan itu perlu dikemaskinikan.

**g) Kehilangan Dan Hapus Kira**

Bagi memastikan kehilangan dan hapus kira aset diuruskan dengan teratur dan selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- i) Kehilangan aset dilaporkan kepada Ketua Jabatan dengan serta merta dan laporan polis dibuat dalam tempoh 24 jam dari waktu kehilangan. Laporan Awal disediakan oleh pegawai yang bertanggungjawab dan dikemukakan kepada Pegawai Pengawal dan Pegawai Kewangan Negeri dalam tempoh dua hari bekerja. Sesalinan Laporan Awal dikemukakan kepada Pegawai Pengawal, Pegawai Kewangan Negeri dan Ketua Audit Negara atau wakil tempatan Ketua Audit Negara.
- ii) Jawatankuasa Penyiasat dilantik secara bertulis oleh Pegawai Pengawal dalam tempoh dua minggu dari tarikh Laporan Awal disediakan. Laporan Akhir disediakan dalam tempoh dua bulan dari tarikh lantikan jawatankuasa tersebut walaupun

Laporan Hasil Penyiasatan Polis belum diperoleh. Laporan Akhir yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada pihak yang menerima Laporan Awal. Laporan ini perlu dikemukakan dalam tempoh empat bulan dari tarikh Laporan Awal dihantar.

#### **6.8.7 Pengurusan Pelaburan**

Pelaburan merupakan tindakan melabur dana bagi suatu tempoh untuk memperoleh kadar pulangan yang dikehendaki dengan menyedari sepenuhnya risiko yang terabit. Pelaburan yang dibuat hendaklah mengikut peraturan yang berkaitan. Rekod perlu diselenggara dengan lengkap dan kemas kini bagi memudahkan kawalan dan pemantauan. Antara elemen kawalan yang perlu diwujudkan adalah penubuhan Jawatankuasa Pelaburan yang berfungsi menguruskan pelaburan Agensi. Antara perkara yang perlu diberi perhatian adalah kuasa melabur, had pelaburan, sasaran pelaburan dan pemantauan pelaburan.

#### **6.8.8 Pengurusan Pinjaman**

Pinjaman dibuat bagi membiayai pelbagai projek untuk pembangunan ekonomi negeri, menampung perbelanjaan dan meningkatkan taraf pembangunan serta kemajuan penduduk. Pinjaman tersebut hendaklah digunakan mengikut maksud pinjaman dimohon. Antara perkara yang perlu diberi perhatian adalah kuasa untuk meminjam, penyelenggaraan rekod pinjaman yang lengkap dan kemas kini, perjanjian pinjaman dan mekanisme kawalan serta pemantauan pinjaman.


#### **6.8.9 Penyata Kewangan**

Kerajaan Negeri Kedah telah mengarahkan supaya Penyata Kewangan Tahunan Agensi Negeri disediakan dan dikemukakan kepada Ketua Audit Negara pada atau sebelum 30 April setiap tahun. Ini membolehkan penyata kewangan dan laporan tahunan Agensi Negeri dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada tahun yang sama dan tidak lewat dari 31 Disember setiap tahun. Di samping itu, pembentangan awal membolehkan *stakeholders* menilai prestasi Agensi Negeri yang lebih jelas, lengkap dan relevan.

### **6.9 TAHAP PENCAPAIAN PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI**


Hasil daripada pengauditan yang telah dijalankan pada tahun 2009 terhadap pengurusan kewangan mendapat Majlis Agama Islam Negeri Kedah, Majlis Perbandaran Sungai Petani, Pejabat Daerah Kubang Pasu dan Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah (PKNK) adalah pada tahap sangat baik, 12 Jabatan Negeri, lima Agensi dan enam Pihak Berkuasa Tempatan berada pada tahap baik. Manakala pencapaian pengurusan kewangan bagi empat Jabatan lain dan empat Agensi adalah pada tahap memuaskan. Berbanding tahun 2008, sebanyak empat Jabatan, dua Agensi dan dua Pihak Berkuasa Tempatan telah mendapat taraf baik manakala tiga Jabatan dan Majlis Bandaraya Alor Star telah mendapat taraf memuaskan. **Oleh itu, tahap pencapaian pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri pada tahun 2009 adalah bertambah baik seperti di Carta 6.1.**

**Carta 6.1**  
**Tahap Pencapaian Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti**  
**Jabatan/Agenzi Negeri Pada Tahun 2009**



Sumber: Rekod Jabatan Audit Negara

Bagi Jabatan/Agensi Negeri yang diaudit setiap tahun iaitu Majlis Agama Islam Negeri Kedah, Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah dan Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri Kedah adalah didapati pencapaian pengurusan kewangan jabatan/agensi negeri yang terlibat telah menunjukkan peningkatan berbanding pencapaian tahun 2008. Pencapaian pengurusan kewangan Majlis Agama Islam meningkat daripada 90.00% kepada 92.08% pada tahun 2009. Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah pula telah menurun pencapaiannya daripada 90.04% pada tahun 2008 kepada 90.03% pada tahun 2009 manakala Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri telah meningkat pencapaiannya daripada 73.08% kepada 85.76% pada tahun 2009. Secara keseluruhannya ketiga-tiga Jabatan/Agensi telah menunjukkan usaha penambahbaikan dalam kawalan pengurusan, kawalan bajet, kawalan terimaan, kawalan perbelanjaan, kawalan aset dan stor, kawalan pelaburan, kawalan pinjaman serta penyata kewangan tahunan. Perbandingan tahap pencapaian pengurusan kewangan bagi ketiga-tiga Jabatan/Agensi tersebut adalah seperti di **Carta 6.2**.



Sumber: Rekod Jabatan Audit Negara

## 6.10 RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pengurusan Kewangan di 36 Jabatan/Agensi Negeri yang diaudit pada tahun 2009 menunjukkan satu Jabatan, dua Agensi dan satu Pihak Berkua Tempatan adalah sangat baik. Manakala pencapaian pengurusan kewangan di 23 Jabatan/ Agensi adalah baik dan sembilan Jabatan/Agensi adalah memuaskan. Secara keseluruhannya pencapaian bagi setiap Jabatan/Agensi masih boleh dipertingkatkan lagi sekiranya Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan mengambil tindakan memperbetulkan kelemahan yang telah dibangkitkan dan juga mengambil tindakan pencegahan bagi memastikan kelemahan yang sama tidak lagi

berulang. Bagi memantapkan lagi pencapaian pengurusan kewangan, Ketua Jabatan perlu memberi perhatian kepada perkara berikut:

- a) Di peringkat Jabatan/Agensi Negeri, Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun (JPKA) antara lainnya telah diberi tanggungjawab untuk membincangkan isu yang dibangkitkan oleh pihak Audit. Bagaimanapun, adalah didapati JPKA tidak berupaya untuk membincangkan isu berkenaan secara mendalam kerana Pekeliling Perbendaharaan Bil. 10 Tahun 2008 telah menetapkan pelbagai perkara yang perlu dibincangkan oleh Jawatankuasa ini. Bagi membolehkan isu yang dibangkitkan oleh pihak Audit dapat dibincangkan dengan lebih fokus, Pegawai Pengawal hendaklah mewujudkan satu Jawatankuasa Audit yang dipertanggungjawabkan untuk memastikan tindakan pembetulan dan pencegahan diambil. Tindakan sedemikian adalah perlu bagi memastikan kelemahan yang dibangkitkan dapat diperbetulkan serta untuk memastikan kelemahan yang sama tidak lagi berulang. Jawatankuasa Audit berkenaan hendaklah melaporkan hasil perbincangannya kepada JPKA.
- b) Pegawai Pengawal hendaklah memastikan Jawatankuasa yang telah diwujudkan berfungsi dengan berkesan dengan mematuhi Panduan Pengurusan Mesyuarat Dan Urusan Jawatankuasa Kerajaan yang dikeluarkan melalui Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 2 Tahun 1991.
- c) Memandangkan pengauditan terhadap pengurusan kewangan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara bagi tujuan memberi penarafan adalah terhad kepada beberapa Pusat Tanggungjawab (PTJ) sahaja, Pegawai Pengawal seharusnya mengarahkan Unit Audit Dalam Jabatan menjalankan pengauditan di PTJ yang lain untuk memastikan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku di pejabat berkenaan.
- d) Pegawai Pengawal perlu memastikan UAD berfungsi dengan cekap dan berkesan. Bagi tujuan ini, Pegawai Pengawal hendaklah memastikan UAD Jabatan mempunyai kakitangan yang mencukupi dari segi bilangan dan gred perjawatan serta kepakaran. Setiap proses kerja pengauditan mesti mempunyai mekanisme yang boleh menjamin kualiti dan integritinya. UAD juga hendaklah diberi kebebasan untuk melaksanakan pengauditan dan melaporkan penemuannya kepada pihak pengurusan tertinggi Jabatan.
- e) Bagi memperbaiki tahap pengurusan kewangan, penglibatan Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlu dipertingkatkan dan pemantauan perlu dilaksanakan.
- f) Mengemas kini surat penurunan kuasa, Manual Prosedur Kerja, Fail Meja dan juga menjalankan pemeriksaan mengejut secara berkala seperti yang ditetapkan oleh AP 309.
- g) Aset hendaklah diuruskan mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007. Tindakan surcay dikenakan terhadap mereka yang gagal memungut hasil/membuat bayaran tidak teratur. Surcay juga patut diambil terhadap Ketua Jabatan/Bahagian yang gagal mengambil tindakan terhadap pegawai bawahan yang gagal melaksanakan tanggungjawab mereka.

## **7. PEMERIKSAAN AUDIT MENGEJUT**

### **7.1 PENDAHULUAN**

Arahan Perbendaharaan 309 (a) dan (b) menetapkan Ketua Jabatan hendaklah memastikan pegawai yang dipertanggungjawabkan telah menyimpan wang awam, setem atau barang berharga yang lain dengan selamat di dalam peti besi, bilik kebal, peti wang tunai, laci atau bekas-bekas lain. Ketua Jabatan juga hendaklah memastikan rekod mengenainya diselenggarakan dengan lengkap, kemas kini dan diperiksa oleh pegawai kanan secara berkala. Untuk menentukan sejauh mana peraturan ini dipatuhi, Jabatan Audit Negara telah menjalankan Pemeriksaan Audit Mengejut di 25 Jabatan/Agensi Negeri iaitu:

- a) Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Kedah**
- b) Pejabat Tanah Kota Setar**
- c) Pejabat Tanah Kuala Muda**
- d) Pejabat Tanah Kulim**
- e) Pejabat Tanah Kubang Pasu**
- f ) Pejabat Tanah Baling**
- g) Pejabat Tanah Padang Terap**
- h) Pejabat Tanah Sik**
- i ) Pejabat Tanah Pendang**
- j ) Pejabat Tanah Langkawi**
- k) Pejabat Tanah Bandar Baharu**
- l ) Pejabat Tanah Yan**
- m) Pejabat Tanah Pokok Sena**
- n) Jabatan Zakat Negeri Kedah**
- o) Pejabat Zakat Daerah Kubang Pasu**
- p) Pejabat Zakat Daerah Padang Terap**
- q) Pejabat Zakat Daerah Yan**
- r) Pejabat Zakat Daerah Pendang**
- s) Pejabat Zakat Daerah Kuala Muda**
- t) Pejabat Zakat Daerah Sik**
- u) Pejabat Zakat Daerah Kulim**
- v) Pejabat Zakat Daerah Bandar Baharu**
- w) Majlis Bandaraya Alor Star**
- x) Jabatan Perhutanan Negeri Kedah**
- y) Pejabat Agama Islam Daerah Sik**

### **7.2 PENEMUAN AUDIT**

Hasil daripada Pemeriksaan Audit Mengejut yang dijalankan mendapati secara keseluruhannya, kelemahan yang diperhatikan adalah seperti berikut:

- a) Pungutan wang ke bank berjumlah RM38.04 juta oleh Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Kedah dan 12 Pejabat Tanah Daerah tidak disokong dengan resit yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan Negeri.**

*Semua pungutan tahun 2009 telah disokong dengan resit Perbendaharaan Negeri secara berperingkat.*

- b) Sejumlah RM141,500.60 kutipan hasil Pejabat Tanah Daerah Pendang belum dibankkan pada tarikh pengauditan iaitu kutipan bagi tahun 2008 berjumlah RM57,126.70 dan tahun 2009 berjumlah RM84,373.90.

*Kutipan Hasil berjumlah RM141,500.60 telah dibankkan pada Februari 2010.*

- c) Kehilangan wang kutipan hasil di Pejabat Tanah Daerah Kota Setar berjumlah RM5,000.

*Pihak Jabatan telah membuat pendahuluan diri atas kehilangan tersebut dan dalam proses siasatan, Laporan polis telah dibuat pada 19 Mei 2009 oleh Ketua Hasil.*

- d) Kelewatan memasukkan wang ke bank di antara 1 hingga 466 hari melibatkan sejumlah RM1.21 juta kutipan hasil secara tunai di Pejabat Tanah Daerah Pendang.

*Pihak Jabatan mengambil serius perkara ini.*

- e) Laporan kehilangan wang kutipan hasil di Pejabat Tanah Daerah Pendang hanya dibuat selepas empat bulan dari tarikh surat pemerhatian Audit dikeluarkan.

*Jabatan sedang membuat siasatan dalaman.*

- f) Pemeriksaan mengejut yang dijalankan oleh Ketua Jabatan atau wakilnya di Pejabat Tanah Daerah Kulim dan Pejabat Tanah Daerah Langkawi dilaksanakan secara tidak menyeluruh di mana hanya membuat pemeriksaan terhadap panjar wang runcit sahaja.

*Pihak Jabatan mengambil maklum mengenai perkara ini.*

- g) Tiada bukti menunjukkan pemeriksaan dibuat terhadap slip bank/penyata pemungut sebelum dan selepas memasukkan wang ke bank di Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Kedah dan tujuh Pejabat Tanah Daerah iaitu Kota Setar, Kuala Muda, Padang Terap, Pendang, Bandar Baharu, Yan dan Pokok Sena.

*Pihak Jabatan mengambil maklum mengenai perkara yang dibangkitkan.*

- h) Penyata penyesuaian hasil tidak disediakan di enam Pejabat Tanah Daerah iaitu Kuala Muda, Kulim, Padang Terap, Bandar Baharu, Yan dan Pokok Sena.

*Pihak Pejabat mengambil tindakan menyediakan penyata penyesuaian hasil.*

- i) Kira-kira Tunai Bulanan lewat dikemukakan kepada Bendahari oleh semua Pejabat Tanah Negeri Kedah kecuali Pejabat Tanah Pokok Sena.

*Jabatan mengambil maklum untuk masa hadapan.*

- j) Kaunter kutipan zakat adalah berkonsepkan terbuka. Kawalan keselamatan adalah tidak memuaskan kerana kaunter tidak dipasang dengan jeriji besi. Kaunter kutipan yang terlibat adalah Pejabat Zakat Daerah Kulim dan Pejabat Zakat Daerah Pendang.

*Pihak Jabatan akan mengambil tindakan sewajarnya terhadap perkara yang dibangkitkan. Insurans takaful telah dilanggan oleh Jabatan untuk melindungi wang kutipan dan kakitangan.*

- k) Penyimpanan wang kutipan zakat di Pejabat Zakat Daerah Kota Setar tidak selamat kerana disimpan dalam laci kaunter sahaja sebelum dibankkan pada penghujung hari. Pemeriksaan Audit pada jam 10.00 pagi mendapati sejumlah RM17,728.50 berada di dalam laci kaunter.

*Pihak Jabatan telah mengeluarkan surat kepada semua Pejabat Zakat Daerah supaya mengambil perhatian dan tindakan sewajarnya. Pemantauan daripada Ibu Pejabat akan dilakukan dari semasa ke semasa bagi memastikan keselamatan wang zakat di tahap yang memuaskan.*

- l) Buku resit zakat fitrah yang belum diedarkan kepada amil di Pejabat Zakat Daerah Kubang Pasu dan Pejabat Zakat Daerah Pendang tidak disimpan dengan sempurna, sebaliknya buku resit berkenaan diletakkan di atas meja pegawai dan lantai pejabat.

*Pihak Jabatan telah mengeluarkan surat arahan kepada semua Pejabat Zakat Daerah supaya mengambil perhatian dan tindakan sewajarnya. Pemantauan dari semasa ke semasa oleh pihak Ibu Pejabat akan dilakukan bagi memastikan keselamatan wang zakat di tahap yang memuaskan.*

- m) Wang kutipan tidak diserah kepada penyelia pada penghujung hari di Pejabat Agama Islam Daerah Sik.

- n) Panjar Wang Runcit tidak diuruskan dengan teratur seperti berikut :

- i) Sebanyak 29 bil bayaran berjumlah RM1,187.95 yang telah dibayar tidak direkod dalam buku panjar di Majlis Bandaraya Alor Star.
- ii) Rekutan panjar lewat dibuat di Pejabat Zakat Daerah Pendang.

- 7.3 Ketua Jabatan/Pejabat yang berkenaan telah dimaklumkan tentang perkara yang diperhatikan dan mereka telah diminta untuk mengambil tindakan pembetulan dengan sewajarnya.



## **BAHAGIAN V**

### **PENYERAHAN, PENGESAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI**



# **BAHAGIAN V**

## **PENYERAHAN, PENGESAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI**

### **8. PENDAHULUAN**

Mengikut Akta Audit 1957, Ketua Audit Negara mempunyai kuasa untuk mengaudit penyata kewangan Agensi Negeri iaitu Badan Berkanun Negeri, Majlis Agama Islam dan Pihak Berkuasa Tempatan. Pengauditan dilaksanakan bagi mengesah dan memastikan penyata kewangan adalah bebas daripada kesalahan dan ketinggalan yang *material* serta memberi pendapat sama ada penyata itu menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama dengan berpandukan Akta dan Piawaian yang diluluskan.

#### **8.1 PENG AUDITAN PENYATA KEWANGAN**

**8.1.1** Selaras dengan Seksyen 5(c) Akta Audit 1957, Jabatan Audit Negara melaksanakan pengauditan terhadap penyata kewangan Agensi Kerajaan Negeri bagi memastikan segala akaun serta rekod kewangan diselenggara dengan teratur dan kemas kini. Sehingga akhir tahun 2009, terdapat 11 Badan Berkanun Negeri, 11 Pihak Berkuasa Tempatan dan satu Majlis Agama Islam di Negeri Kedah tertakluk di bawah pengauditan penyata kewangan oleh Jabatan Audit Negara. Bagaimanapun, penyata kewangan lapan Badan Berkanun Negeri dan 10 Pihak Berkuasa Tempatan diaudit oleh firma audit swasta yang dilantik oleh Ketua Audit Negara. Pelantikan firma audit swasta adalah di bawah kuasa Ketua Audit Negara sebagaimana yang dinyatakan dalam Seksyen 7(3) Akta Audit 1957.

**8.1.2** Bagi penyata kewangan yang diaudit oleh firma audit swasta, Jabatan Audit Negara akan memantau sebelum, semasa dan selepas pengauditan dilaksanakan bagi memastikan ia selaras dengan arahan yang ditetapkan. Sebelum pengauditan dilaksanakan, firma audit swasta dikehendaki menyediakan Memorandum Perancangan Audit dengan menyatakan antaranya pendekatan Audit, tempoh pengauditan dan pasukan Audit yang terlibat. Melalui memorandum ini, Jabatan Audit Negara dapat memastikan firma audit swasta mempunyai pendekatan dan liputan Audit yang mencukupi untuk melaksanakan pengauditan dalam tempoh yang ditetapkan.

**8.1.3** Lawatan ke pejabat Agensi semasa pengauditan dilaksanakan oleh firma audit swasta juga dilakukan bagi memastikan pasukan Audit yang terlibat terdiri daripada pegawai yang berkelayakan sebagaimana yang dinyatakan dalam Memorandum Perancangan Audit. Semasa lawatan, pihak firma audit swasta boleh berbincang dengan pihak Jabatan Audit Negara mengenai perkara berbangkit yang kurang *material* dapat diselesaikan. Pada akhir pengauditan, firma audit swasta dikehendaki mengemukakan penemuan audit beserta fail kerja, laporan terperinci dan laporan juruaudit mengenai penyata kewangan yang diaudit. Fail kerja akan disemak untuk memastikan perkara material dibangkitkan dan bukti audit adalah mencukupi serta memuaskan. Setiap akhir tahun, prestasi semua firma audit swasta akan dinilai dan diambil kira dalam membuat keputusan untuk ditawarkan bagi pengauditan penyata kewangan seterusnya.

## 8.2 KEDUDUKAN PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN

Mengikut undang-undang, semua Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri, Majlis Agama Islam dan Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah diserahkan kepada Jabatan Audit Negara untuk pengauditan mengikut tempoh yang ditetapkan. Bagi tahun 2009, secara keseluruhannya penyerahan Penyata Kewangan Agensi berkenaan adalah tidak memuaskan. Kedudukan penyerahan Penyata Kewangan Agensi Kerajaan Negeri Kedah setakat 31 Mei 2010 mendapat 12 daripada 23 Penyata Kewangan bagi tahun 2009 belum dikemukakan untuk diaudit seperti di **Jadual 8.1**.

**Jadual 8.1**

**Penyerahan Penyata Kewangan Agensi Kerajaan Negeri Kedah Sehingga 31 Mei 2010**

Bil.	Nama Agensi	Tahun Penyata Kewangan			Bilangan Penyata Belum Terima
		Telah Disah	Sedang Diaudit	Belum Terima	
<b>a) Badan Berkanun Negeri</b>					
1.	Lembaga Kesihatan Negeri Kedah	2008	2009	-	-
2.	Lembaga Muzium Negeri Kedah	2008	2009	-	-
3.	Lembaga Biasiswa Negeri Kedah	2008	-	2009	1
4.	Lembaga Maktab Mahmud	2008	-	2009	1
5.	Majlis Sukan Negeri Kedah	2008	-	2009	1
6.	Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah	2008	-	2009	1
7.	Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah	2008	-	2009	1
8.	Yayasan Islam Negeri Kedah	2008	-	2009	1
9.	Jawatankuasa Zakat Negeri Kedah	2008	-	2009	1
10.	Lembaga Tabung Pegawai-Pegawai Masjid Negeri Kedah	2008	-	2009	1
11.	Perbadanan Stadium-Stadium Negeri Kedah	2008	-	2009	1
<b>b) Majlis Agama Islam</b>					
12.	Majlis Agama Islam Negeri Kedah	2008	2009	-	-
<b>c) Pihak Berkuasa Tempatan</b>					
<b>Majlis Bandaraya</b>					
13.	Alor Star	2008	2009	-	-
<b>Majlis Perbandaran</b>					
14.	Sungai Petani	2008	2009	-	-
15.	Kulim	2008	2009	-	-
16.	Langkawi	2008	2009	-	-
<b>Majlis Daerah</b>					
17.	Baling	2008	-	2009	1
18.	Padang Terap	2008	-	2009	1
19.	Sik	2008	-	2009	1
20.	Bandar Baharu	2008	2009	-	-
21.	Kubang Pasu	2008	2009		
22.	Pendang	2008	2009		
23.	Yan	2008	2009	-	-
<b>Jumlah</b>		<b>23</b>	<b>11</b>	<b>12</b>	<b>12</b>

Sumber: Rekod Jabatan Audit Negara

### 8.3 PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN

Pengauditan Penyata Kewangan Agensi Kerajaan Negeri dijalankan untuk memberi pendapat sama ada Penyata Kewangan menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur menurut peraturan kewangan dan kemas kini. Pendapat Audit yang dikeluarkan terhadap Penyata Kewangan adalah dijelaskan melalui persijilan iaitu sama ada Sijil Tanpa Teguran, Sijil Berteguran, Sijil Bertentangan atau Sijil Penafian. Pada tahun 2009, sebanyak 24 Penyata Kewangan Agensi Negeri memperolehi Sijil Tanpa Teguran, manakala lima Agensi Negeri memperolehi Sijil Berteguran. Persijilan ini melibatkan enam Penyata Kewangan Tahun 2007 dan 23 Penyata Kewangan Tahun 2008. Butiran persijilan Penyata Kewangan Agensi Negeri adalah seperti di **Jadual 8.2.**

**Jadual 8.2**  
**Pengesahan Penyata Kewangan Agensi Kerajaan Negeri Kedah**  
**Yang Dikeluarkan Pada Tahun 2009 Sehingga 31 Mei 2010**

Bil.	Agensi	Tahun	Bilangan Penyata	Jenis Sijil
<b>a) Badan Berkanun Negeri</b>				
1.	Lembaga Maktab Mahmud	2007	1	Tanpa Teguran
		2008	1	Tanpa Teguran
2.	Lembaga Biasiswa Negeri Kedah	2007	1	Tanpa Teguran
		2008	1	Tanpa Teguran
3.	Lembaga Kesihatan Negeri Kedah	2007	1	Tanpa Teguran
		2008	1	Tanpa Teguran
4.	Yayasan Islam Negeri Kedah	2007	1	Tanpa Teguran
		2008	1	Tanpa Teguran
5.	Lembaga Tabung Pegawai-Pegawai Masjid Negeri Kedah	2008	1	Tanpa Teguran
6.	Perbadanan Stadium-Stadium Negeri Kedah	2007	1	Berteguran
		2008	1	Tanpa Teguran
7.	Jawatankuasa Zakat Negeri Kedah	2007	1	Tanpa Teguran
		2008	1	Tanpa Teguran
8.	Lembaga Muzium Negeri Kedah	2008	1	Tanpa Teguran
9.	Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah	2008	1	Tanpa Teguran
10.	Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah	2008	1	Tanpa Teguran
11.	Majlis Sukan Negeri Kedah	2008	1	Tanpa Teguran
<b>b) Majlis Agama Islam</b>				
12.	Majlis Agama Islam Negeri Kedah	2008	1	Tanpa Teguran
<b>c) Pihak Berkuasa Tempatan</b>				
13.	Majlis Bandaraya Alor Star	2008	1	Tanpa Teguran
14.	Majlis Perbandaran Sungai Petani	2008	1	Tanpa Teguran
15.	Majlis Perbandaran Kulim	2008	1	Tanpa Teguran
16.	Majlis Perbandaran Langkawi	2008	1	Berteguran
17.	Majlis Daerah Kubang Pasu	2008	1	Berteguran
18.	Majlis Daerah Padang Terap	2008	1	Tanpa Teguran
19.	Majlis Daerah Bandar Baharu	2008	1	Tanpa Teguran
20.	Majlis Daerah Yan	2008	1	Berteguran
21.	Majlis Daerah Baling	2008	1	Tanpa Teguran
22.	Majlis Daerah Sik	2008	1	Tanpa Teguran
23.	Majlis Daerah Pendang	2008	1	Berteguran
<b>Jumlah</b>			<b>29</b>	

Sumber: Rekod Jabatan Audit Negara

## 8.4 PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN

Perkara 107(2) Perlembagaan Persekutuan menghendaki Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Agensi Kerajaan Negeri yang disahkan hendaklah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri. Sehingga 31 Mei 2010, sebanyak 14 Penyata Kewangan Agensi Kerajaan Negeri bagi tahun kewangan 1998 hingga 2008 yang telah disah tetapi belum dibentangkan di Dewan Undangan Negeri. Bagaimanapun, semua Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan bagi tahun 2008 telah disah dan dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada 26 April 2010. Maklumat terkini Penyata Kewangan Agensi Kerajaan Negeri Kedah yang belum dibentangkan adalah seperti di **Jadual 8.3**.

Jadual 8.3 Kedudukan Pembentangan Penyata Kewangan Agensi Kerajaan Negeri Kedah Yang Telah Dikeluarkan Sijil Sehingga 31 Mei 2010				
Bil.	Agensi	Tahun Akhir Penyata Kewangan Dibentang	Penyata Kewangan Belum Dibentang	
			Tahun	Bilangan
<b>Badan Berkanun Negeri</b>				
1.	Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah	1997	1998 - 2006	9
2.	Perbadanan Stadium-Stadium Negeri Kedah	-	2006 - 2008	3
3.	Majlis Sukan Negeri Kedah	2007	2008	1
4.	Majlis Agama Islam Negeri Kedah	2007	2008	1
<b>Jumlah</b>				<b>14</b>

Sumber: Rekod Jabatan Audit Negara

## 8.5 PRESTASI KEWANGAN

Prestasi kewangan Agensi Kerajaan Negeri Kedah bagi tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2008 adalah seperti berikut:

### a) Kedudukan Kewangan Badan Berkanun Negeri Dan Majlis Agama Islam

Analisis terhadap prestasi kewangan Badan Berkanun Negeri dan Majlis Agama Islam bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2008 mendapat sebanyak 10 Agensi mencatatkan surplus manakala dua Agensi mencatatkan defisit. Prestasi kewangan Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah (PKNK) adalah menurun kerana pada akhir tahun 2008, PKNK telah mencatatkan keuntungan selepas cukai berjumlah RM62.76 juta berbanding tahun 2007 yang berjumlah RM154.42 juta, iaitu penurunan sejumrah RM91.66 juta atau 59.4%. Penurunan yang ketara adalah disebabkan oleh kekurangan dalam Pendapatan Kendalian Operasi yang berjumlah RM52.36 juta dan Lain-lain Pendapatan Operasi yang berjumlah RM83.34 juta berbanding tahun 2007 yang masing-masing berjumlah RM61.16 juta dan RM170.87 juta. Analisis Audit juga mendapat aset semasa bersih bagi lapan Agensi telah meningkat pada tahun 2008 berbanding tahun 2007. Manakala empat Agensi mencatatkan penurunan. Perubahan nilai aset semasa bersih Agensi tersebut adalah antara defisit RM3.02 juta hingga surplus RM16.26 juta. Kedudukan terperinci mengenai prestasi kewangan dan aset semasa bersih Agensi adalah seperti di **Jadual 8.4** dan **Jadual 8.5**.

**Jadual 8.4**  
**Prestasi Kewangan Badan Berkanun Negeri Dan Majlis Agama Islam  
Negeri Kedah Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2008**

Bil.	Agensi	Penyata Pendapatan Berakhir 31 Disember 2008			Lembaran Imbangan Pada 31 Disember 2008		
		Pendapatan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Surplus/ (Defisit) (RM Juta)	Aset Semasa (RM Juta)	Liabiliti Semasa (RM Juta)	Aset Semasa Bersih (RM Juta)
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah	135.70	72.94	62.76	380.49	212.46	168.03
2.	Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah	11.64	9.40	2.24	2.87	1.17	1.70
3.	Perbadanan Stadium-Stadium Negeri Kedah	2.00	2.18	(0.18)	1.12	0.54	0.58
4.	Lembaga Maktab Mahmud	36.56	36.15	0.41	4.53	2.03	2.50
5.	Lembaga Muzium Negeri Kedah	3.70	2.94	0.76	6.54	0.14	6.40
6.	Lembaga Tabung Pegawai-Pegawai Masjid Negeri Kedah	0.75	0.60	0.15	2.70	0.02	2.68
7.	Lembaga Biasiswa Negeri Kedah	2.56	1.77	0.79	36.82	0.02	36.80
8.	Lembaga Kesihatan Negeri Kedah	0.57	0.15	0.42	0.87	0.01	0.86
9.	Majlis Sukan Negeri Kedah	5.82	5.69	0.13	0.12	0.51	(0.39)
10.	Jawatankuasa Zakat Negeri Kedah	64.70	39.62	25.08	73.06	1.33	71.73
11.	Majlis Agama Islam Negeri Kedah	5.50	5.35	0.15	30.12	5.91	24.21
12.	Yayasan Islam Negeri Kedah	2.99	3.37	(0.38)	28.59	16.11	12.48

Sumber: Penyata Kewangan Agensi

**Jadual 8.5**  
**Aset Semasa Bersih Badan Berkanun Negeri Dan Majlis Agama Islam Negeri Kedah  
Pada Tahun 2008 Dan 2007**

Bil.	Agensi	Tahun		Perubahan Nilai Aset Semasa Bersih (RM Juta)	Peratus Perubahan (%)
		2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)		
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah	161.92	168.03	6.11	3.8
2.	Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah	(0.03)	1.70	1.73	5,766.7
3.	Perbadanan Stadium-Stadium Negeri Kedah	1.05	0.58	(0.47)	(44.8)
4.	Lembaga Maktab Mahmud	2.32	2.50	0.18	7.8
5.	Lembaga Muzium Negeri Kedah	5.46	6.40	0.94	17.2
6.	Lembaga Tabung Pegawai-Pegawai Masjid Negeri Kedah	2.71	2.68	(0.03)	(1.1)
7.	Lembaga Biasiswa Negeri Kedah	35.97	36.80	0.83	2.3
8.	Lembaga Kesihatan Negeri Kedah	0.44	0.86	0.42	95.5
9.	Majlis Sukan Negeri Kedah	(0.45)	(0.39)	0.06	(13.3)
10.	Jawatankuasa Zakat Negeri Kedah	55.47	71.73	16.26	29.3
11.	Majlis Agama Islam Negeri Kedah	24.83	24.21	(0.62)	(2.5)
12.	Yayasan Islam Negeri Kedah	15.50	12.48	(3.02)	(19.5)

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Dan Rekod Jabatan

**b) Kedudukan Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan**

Analisis terhadap Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi tahun berakhir 31 Disember 2008 mendapati enam PBT mengalami defisit manakala lima PBT lagi mengalami surplus. Majlis Bandaraya/Perbandaran/Daerah mengalami defisit sejumlah RM8.75 juta pada tahun 2008 berbanding defisit sejumlah RM9.78 juta pada tahun 2007. Prestasi kewangan Majlis Perbandaran Kulim adalah tidak memuaskan kerana pada akhir tahun 2008 defisit bagi Majlis tersebut telah meningkat sebanyak RM4.74 juta berbanding dengan tahun 2007 iaitu daripada defisit sejumlah RM1.52 juta pada tahun 2007 meningkat kepada RM6.26 juta pada tahun 2008. Defisit ini adalah disebabkan perbelanjaan bagi Majlis Perbandaran Kulim meningkat sejumlah RM4.63 juta berbanding tahun 2007. Di samping itu, prestasi kewangan Majlis Perbandaran Langkawi, Majlis Daerah Baling, Majlis Daerah Bandar Baharu dan Majlis Daerah Yan juga adalah tidak memuaskan kerana Majlis-majlis tersebut mengalami defisit masing-masing sejumlah RM0.84 juta, RM0.32 juta, RM0.36 juta dan RM0.95 juta pada akhir tahun 2008 berbanding surplus masing-masing sejumlah RM0.17 juta, RM0.45 juta, RM1.31 juta dan RM0.74 juta pada tahun 2007. Ini adalah disebabkan perbelanjaan bagi 3 Majlis kecuali Majlis Daerah Yan masing-masing meningkat sejumlah RM1.63 juta, RM3.95 juta dan RM0.44 juta berbanding tahun 2007. Peningkatan ini adalah disebabkan kenaikan perbelanjaan Bekalan dan Bahan-bahan Lain, perbelanjaan Penyenggaraan dan perbelanjaan Perkhidmatan Ikhtisas dan Hospitaliti. Manakala pendapatan Majlis Daerah Yan pula berkurangan sejumlah RM1.97 juta berbanding dengan tahun 2007. Butir-butir prestasi kewangan PBT adalah seperti di **Jadual 8.6**.

**Jadual 8.6**  
**Prestasi Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2008**

Bil.	Pihak Berkuasa Tempatan	Penyata Pendapatan Berakhir 31 Disember 2008			Lembaran Imbangan Pada 31 Disember 2008		
		Pendapatan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Surplus/ (Defisit) (RM Juta)	Aset Semasa (RM Juta)	Liabiliti Semasa (RM Juta)	Aset Semasa Bersih (RM Juta)
1.	Majlis Bandaraya Alor Setar	52.77	52.79	(0.02)	50.68	39.92	10.76
2.	Majlis Perbandaran Sungai Petani	52.15	45.58	6.57	100.26	28.43	71.83
3.	Majlis Perbandaran Kulim	26.15	32.41	(6.26)	19.04	7.64	11.40
4.	Majlis Perbandaran Langkawi	14.16	15.00	(0.84)	10.40	5.24	5.16
5.	Majlis Daerah Kubang Pasu	14.58	13.42	1.16	27.26	3.50	23.76
6.	Majlis Daerah Padang Terap	4.18	4.10	0.08	2.28	0.62	1.66
7.	Majlis Daerah Bandar Baharu	5.11	5.47	(0.36)	1.95	0.64	1.31
8.	Majlis Daerah Yan	5.53	6.48	(0.95)	4.69	0.48	4.21
9.	Majlis Daerah Baling	13.33	13.65	(0.32)	18.56	1.54	17.02
10.	Majlis Daerah Sik	4.79	4.51	0.28	2.02	0.26	1.76
11.	Majlis Daerah Pendang	6.57	6.53	0.04	9.20	0.32	8.88

Sumber: Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan

Analisis terhadap aset semasa Pihak Berkuasa Tempatan juga menunjukkan penurunan aset semasa bersih pada tahun 2008 bagi tujuh Majlis berjumlah RM19.29 juta berbanding tahun 2007. Kedudukan terperinci mengenai prestasi kewangan dan aset semasa bersih Pihak Berkuasa Tempatan adalah seperti di **Jadual 8.7**.

**Jadual 8.7**  
**Aset Semasa Bersih Pihak Berkuasa Tempatan Pada Tahun 2008 Dan 2007**

Bil.	Pihak Berkuasa Tempatan	Tahun		Perubahan Nilai Aset Semasa Bersih (RM Juta)	Perubahan (%)
		2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)		
1.	Majlis Bandaraya Alor Star	8.37	10.76	2.39	28.5
2.	Majlis Perbandaran Sungai Petani	77.39	71.83	(5.56)	(7.2)
3.	Majlis Perbandaran Kulim	17.37	11.40	(5.97)	(34.4)
4.	Majlis Perbandaran Langkawi	6.03	5.16	(0.87)	(14.4)
5.	Majlis Daerah Kubang Pasu	22.29	23.76	1.47	6.6
6.	Majlis Daerah Padang Terap	1.19	1.66	0.47	39.5
7.	Majlis Daerah Bandar Baharu	1.66	1.31	(0.35)	(21.1)
8.	Majlis Daerah Yan	6.25	4.21	(2.04)	(32.6)
9.	Majlis Daerah Baling	16.84	17.02	0.18	1.1
10.	Majlis Daerah Sik	4.67	1.76	(2.91)	(62.3)
11.	Majlis Daerah Pendang	10.47	8.88	(1.59)	(15.2)

Sumber: Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan

### c) Tunggakan Cukai Taksiran

Tunggakan cukai taksiran bagi semua Majlis kecuali Majlis Daerah Pendang dan Majlis Daerah Bandar Baharu pada tahun 2008 meningkat sejumlah RM4.47 juta atau 6.4% menjadi RM74.05 juta berbanding RM69.58 juta pada tahun 2007. Manakala bagi Majlis Daerah Pendang tunggakan cukai taksiran pada tahun 2008 menurun sejumlah RM0.18 juta atau 23.7% menjadi RM0.58 juta berbanding RM0.76 juta pada tahun 2007. Majlis Daerah Bandar Baharu pula tidak berubah. Peningkatan tunggakan cukai taksiran bagi sembilan Majlis antaranya adalah disebabkan oleh semakan semula kadar cukai taksiran dan pertambahan bilangan premis kosong terutamanya premis kediaman dan rumah kedai. Selain itu, ada juga premis yang dijual tetapi belum ditukar hak milik dan bil cukai taksiran masih dihantar kepada pemilik asal. Bil tersebut hanya akan diselaraskan oleh Majlis setelah pemeriksaan terperinci dibuat. Kedudukan tunggakan cukai taksiran pada tahun 2007 dan 2008 adalah seperti di **Jadual 8.8**.

**Jadual 8.8**  
**Tunggakan Hasil Cukai Taksiran Pada Tahun 2007 Dan 2008**

Bil.	Pihak Berkuasa Tempatan	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan) (RM Juta)
		2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	
1.	Majlis Bandaraya Alor Star	25.23	25.67	0.44
2.	Majlis Perbandaran Sungai Petani	21.25	24.45	3.20
3.	Majlis Perbandaran Kulim	10.08	10.26	0.18
4.	Majlis Perbandaran Langkawi	7.54	7.66	0.12
5.	Majlis Daerah Kubang Pasu	3.01	3.29	0.28
6.	Majlis Daerah Padang Terap	0.33	0.42	0.09

Bil.	Pihak Berkuasa Tempatan	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)
		2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	
7.	Majlis Daerah Bandar Baharu	0.24	0.24	0.00
8.	Majlis Daerah Yan	0.42	0.48	0.06
9.	Majlis Daerah Baling	1.28	1.33	0.05
10.	Majlis Daerah Sik	0.44	0.49	0.05
11.	Majlis Daerah Pendang	0.76	0.58	(0.18)
<b>Jumlah</b>		<b>70.58</b>	<b>74.87</b>	<b>4.29</b>

Sumber: Rekod Jabatan Audit Negara

## 8.6 RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

**8.6.1** Pada keseluruhannya, kedudukan penyerahan Penyata Kewangan bagi Badan Berkanun Negeri, Majlis Agama Islam dan Pihak Berkuasa Tempatan adalah tidak memuaskan. Ini adalah kerana 12 daripada 23 (52.2%) Penyata Kewangan bagi tahun 2009 masih belum dikemukakan sehingga 31 Mei 2010. Dari segi persijilan, sehingga 31 Mei 2010 sebanyak 24 Penyata Kewangan Agensi Negeri memperolehi Sijil Tanpa Teguran, manakala lima Agensi Negeri memperolehi Sijil Berteguran. Prestasi kewangan Badan Berkanun Negeri dan Majlis Agama Islam adalah memuaskan. Daripada 12 Agensi Negeri, 10 Agensi telah mencatatkan surplus manakala dua lagi Agensi Negeri mencatatkan defisit. Prestasi kewangan Pihak Berkuasa Tempatan pula, adalah kurang memuaskan kerana enam daripada 11 Majlis telah mencatat defisit dan lima Majlis mencatatkan surplus pada tahun semasa.

**8.6.2** Bagi penambahbaikan kepada perkara yang dibangkitkan Agensi Negeri disyorkan untuk mengambil langkah berikut:

- a) Menyediakan Penyata Kewangan Tahunan mengikut piawaian perakaunan dan diserahkan kepada Ketua Audit Negara mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan oleh undang-undang.
- b) Penyata Kewangan dan Sijil Ketua Audit Negara bagi Badan Berkanun Negeri hendaklah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri mengikut kehendak undang-undang.
- c) Menyediakan bajet yang lebih realistik selaras dengan aktiviti Agensi Negeri supaya sumber yang sedia ada dapat digunakan secara optimum dan berkesan.
- d) Mengawal dan memantau aliran tunai dengan lebih teliti dengan mengamalkan perbelanjaan berhemat.
- e) Pihak Berkuasa Tempatan perlu memastikan tunggakan cukai taksiran dapat dikurangkan dengan mengambil tindakan lebih tegas terhadap mereka yang gagal membayar cukai taksiran dalam tempoh masa yang ditetapkan seperti mengambil tindakan penguatkuasaan dan undang-undang.



## **BAHAGIAN VI**

### **PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI**



**BAHAGIAN VI**  
**PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA**  
**DAN MESYUARAT JAWATANKUASA**  
**KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI**

**9. PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI**

Mengikut Perkara 107(2) Perlembagaan Persekutuan, Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri hendaklah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri Kedah Tahun 2008 telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada 17 November 2009.

**9.1 MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI**

Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri berperanan memastikan wujudnya akauntabiliti awam di Jabatan dan Agensi Kerajaan Negeri. Selaras dengan peranan ini, Jawatankuasa perlu kerap bermesyuarat bagi membincangkan Laporan Ketua Audit Negara yang terkini, mengkaji isu-isu Laporan Ketua Audit Negara yang belum selesai dan memastikan syor-syor Jawatankuasa diambil tindakan oleh Ketua-ketua Jabatan dan Agensi Kerajaan Negeri. Sehingga 31 Mei 2010, Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri Kedah telah mengadakan empat mesyuarat bagi membincangkan Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri Kedah Tahun 2007 seperti di **Jadual 9.1**.

**Jadual 9.1**  
**Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri Mengenai**  
**Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Pengurusan Kewangan**  
**Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2007**

Bil.	Tarikh	Jabatan/Agensi	Isu/Tajuk Laporan
1.	18 Februari 2010	Majlis Agama Islam Negeri Kedah	<b>Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2007</b> Pengurusan Kewangan i) Kawalan Pengurusan ii) Kawalan Hasil iii) Kawalan Perbelanjaan iv) Pengurusan Pelaburan v) Pengurusan Akaun Deposit vi) Pengurusan Aset Dan Inventori
2.	1 Mac 2010	Pejabat Daerah Yan	<b>Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2007</b> Pengurusan Kewangan i) Kawalan Pengurusan ii) Kawalan Hasil iii) Kawalan Perbelanjaan iv) Pengurusan Pelaburan v) Pengurusan Akaun Deposit vi) Pengurusan Aset Dan Inventori

Bil.	Tarikh	Jabatan/Agensi	Isu/Tajuk Laporan
3.	1 Mac 2010	Jabatan Kerja Raya Pendang/Yan	<p><b>Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2007</b></p> <p>Pengurusan Kewangan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Kawalan Pengurusan</li> <li>ii) Kawalan Hasil</li> <li>iii) Kawalan Perbelanjaan</li> <li>iv) Pengurusan Pelaburan</li> <li>v) Pengurusan Akaun Deposit</li> <li>vi) Pengurusan Aset Dan Inventori</li> </ul>
4.	8 Mac 2010	Jabatan Pengaliran Dan Saliran	<p><b>Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2007</b></p> <p>Pengurusan Kewangan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Kawalan Pengurusan</li> <li>ii) Kawalan Hasil</li> <li>iii) Kawalan Perbelanjaan</li> <li>iv) Pengurusan Pelaburan</li> <li>v) Pengurusan Akaun Deposit</li> <li>vi) Pengurusan Aset Dan Inventori</li> </ul>

Sumber: Rekod Jabatan Audit Negara



# PENUTUP



## PENUTUP

Pelaksanaan Indeks Akauntabiliti Pengurusan Kewangan yang dilaksanakan buat kali ketiga pada tahun 2009 telah menunjukkan pencapaian Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri yang bertambah baik, namun masih terdapat beberapa kelemahan seperti yang dilaporkan.

Kelemahan dalam penyediaan Penyata Kewangan Agensi Negeri dan Pengurusan Kewangan yang dilaporkan dalam Laporan ini menggambarkan bahawa tahap akauntabiliti pengurusan wang awam masih perlu dipertingkatkan. Langkah pembetulan perlu diambil bagi memastikan wujudnya akauntabiliti dan integriti dalam Pengurusan Kewangan.

Antara faktor utama yang menyebabkan wujudnya kelemahan dalam penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri/Agensi Negeri dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri adalah disebabkan ketiadaan penyeliaan yang rapi serta latihan yang bersesuaian tidak diberi kepada penjawat awam. Oleh itu, adalah disyorkan Pegawai Pengawal yang terlibat mematuhi piawaian perakaunan dan prosedur kewangan, menyelia kerja yang dilaksanakan oleh penjawat awam, menyediakan prosedur kerja yang lengkap dan mengadakan program latihan/kursus yang berterusan kepada penjawat awam yang terlibat dalam Pengurusan Kewangan agar mereka dapat meningkatkan pengetahuan dan tahap kompetensi.

Memandangkan pengauditan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara adalah berdasarkan persampelan dan skop tertentu, Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengaturkan supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku di bahagian lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan.

**JABATAN AUDIT NEGARA  
Putrajaya**

**6 Julai 2010**





# LAMPIRAN





**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
KERAJAAN NEGERI KEDAH  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2009**


Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah bagi tahun berakhir 31 Disember 2009 telah diaudit atas arahan saya selaras dengan Akta Audit 1957. Pihak pengurusan Kerajaan Negeri adalah bertanggungjawab terhadap Penyata Kewangan ini dan tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap Penyata Kewangan tersebut. Pengauditan telah dilaksanakan dengan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan.

Pada pendapat saya, Penyata Kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Kedah pada 31 Disember 2009; hasil operasi serta aliran tunainya bagi tahun tersebut berdasarkan piawaian perakaunan yang diluluskan. Rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

  
**(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)**

Ketua Audit Negara  
Malaysia.

Putrajaya  
6 Julai 2010



**Lembaran Imbangan**  
seperti pada 31 Disember 2009

Penyata	Nota	2009	2008
		RM	RM
WANG AWAM			
A WANG TUNAI	8	60,739,440.84	48,974,663.36
B PELABURAN	8	204,783,239.40	203,716,290.25
		265,522,680.24	252,690,953.61
DIPEGANG BAGI:			
KUMPULANWANG DISATUKAN			
C AKAUN HASIL DISATUKAN	9 -11	(320,733,633.87)	(257,837,294.28)
D AKAUN PINJAMAN DISATUKAN	12	34,760,291.14	32,827,699.40
E AKAUN AMANAH DISATUKAN	13 - 17	551,496,022.97	477,700,548.49
		265,522,680.24	252,690,953.61

Lembaran Imbangan ini hendaklah dibaca bersama dengan penyata dan nota yang dilampirkan

HAJI CHE PEE BIN SAMSUDIN, AMK.,BCK.  
Bendahari Negeri  
Kedah Darul Aman

DATO' HAJI MOHD PUAT BIN HAJI MOHD ALI  
DSDK., AMN., AMK., BCK., BPL.  
Pegawai Kewangan Negeri  
Kedah Darul Aman

**Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wangtunai  
seperti pada 31 Disember 2009**

<b>TERIMAAN</b>	<i>RM</i>	<i>RM</i>
Hasil		
Hasil Cukai	188,973,319.83	
Hasil Bukan Cukai	50,422,048.06	
Terimaan Bukan Hasil	<u>128,878,038.77</u>	368,273,406.66
Pinjaman		
Pinjaman Dalam Negeri	149,455,475.00	
Pinjaman Luar Negeri	<u>0.00</u>	149,455,475.00
Terimaan Modal		
Terimaan Balik Pinjaman	8,389,389.08	
Jualan Aset Modal	2,733,050.85	
Pelbagai Terimaan Modal	329,428,459.05	
Lain-lain Terimaan (Amanah)	<u>2,378,689,438.16</u>	2,719,240,337.14
Jumlah Terimaan		<u>3,236,969,218.80</u>
<b>BAYARAN</b>		
Perbelanjaan Mengurus		
Emolumen	157,450,692.38	
Perkhidmatan dan Bekalan	94,616,835.21	
Aset	4,961,977.59	
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	165,615,675.06	
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	<u>8,524,566.16</u>	431,169,746.40
Perbelanjaan Pembangunan		
Langsung	390,226,536.90	
Pinjaman	<u>147,522,883.26</u>	537,749,420.16
Perbelanjaan Modal		
Pembelian Instrumen Kewangan		4,000,000.00
Bayaran Balik Pinjaman		
Pinjaman Dalam Negeri	8,389,389.08	
Pinjaman Luar Negeri	<u>0.00</u>	8,389,389.08
Lain-lain Bayaran		
Bayaran Amanah		<u>2,243,895,885.68</u>
Jumlah Bayaran		<u>3,225,204,441.32</u>
Lebihan / (Kurangan) Wangtunai		11,764,777.48
Wangtunai pada 1 Januari 2009		48,974,663.36
Lebihan / (Kurangan) Wangtunai		<u>11,764,777.48</u>
<b>JUMLAH WANGTUNAI PADA 31 DISEMBER 2009</b>		<b><u>60,739,440.84</u></b>


**Penyata Akaun Memorandum  
seperti pada 31 Disember 2009**

<i>Penyata</i>	<i>Nota</i>	<i>2009</i>	<i>2008</i>
		<i>RM</i>	<i>RM</i>
<b>F ASET</b>			
1 Pinjaman Boleh Dituntut	18	253,383,280.66	254,772,669.74
2 Pelaburan	19	29,000,004.00	29,000,004.00
3 Tunggakan Hasil	20	199,829,688.43	194,469,590.83
<b>G TANGGUNGAN</b>			
I Hutang Awam	21	2,382,570,437.10	2,253,489,307.17

*Penyata Akaun Memorandum ini hendaklah dibaca bersama dengan penyata dan nota yang dilampirkan*



HAJI CHE PEE BIN SAMSUDIN, AMK.,BCK.  
Bendahari Negeri  
Kedah Darul Aman



DATO' HAJI MOHD PUAT BIN HAJI MOHD ALI  
DSDK., AMN., AMK., BCK., BPL.  
Pegawai Kewangan Negeri  
Kedah Darul Aman

**C Penyata Akaun Hasil Disatukan  
seperti tahun berakhir 31 Disember 2009**

Perihal	2009			2008	
	Belanjawan Disemak	Sebenar		Sebenar	
	RM	RM	% Belanjawan	RM	% Belanjawan
<b>BAKI PADA 1 JANUARI</b>		(257,837,294.28)		(188,026,222.12)	
<b>I HASIL</b>					
Hasil Cukai	261,403,530.00	188,973,319.83	72.29	203,985,109.21	69.25
Hasil Bukan Cukai	57,902,310.00	50,422,048.06	87.07	56,990,066.08	95.48
Terimaan Bukan Hasil	168,172,170.00	128,878,038.77	76.63	96,977,566.99	74.19
<i>Jumlah Hasil</i>	487,478,010.00	368,273,406.66	75.55	357,952,742.28	73.81
<b>II PERBELANJAAN MENGURUS</b>					
Emolumen	195,363,384.00	157,450,692.38	80.59	157,369,367.69	76.78
Perkhidmatan dan Bekalan	104,760,340.00	94,616,835.21	90.32	105,375,445.90	106.23
Aset	7,371,909.00	4,961,977.59	67.31	13,435,678.13	73.62
Pemberian Dan Kenaan					
Bayaran Tetap	188,042,720.00	165,615,675.06	88.07	144,788,828.67	86.00
Perbelanjaan-perbelanjaan					
Lain	9,469,404.00	8,524,566.01	83.69	6,794,494.05	55.82
<i>Jumlah Perbelanjaan Mengurus</i>	505,007,757.00	431,169,746.25	85.38	427,763,814.44	85.06
<i>Lebihan/(Defisit) Bagi Tahun (I-II)</i>	(17,529,747.00)	(62,896,339.59)		(69,811,072.16)	
<b>BAKI PADA 31 DISEMBER</b>		(320,733,633.87)		(257,837,294.28)	

Buat Lanjut : Penyata C1 dan C2

**NOTA KEPADA AKAUN  
 PENYATA KEWANGAN NEGERI KEDAH  
 bagi tahun berakhir 31 Disember 2009**

(Nota ini merupakan sebahagian daripada Penyata Kewangan Negeri Kedah dan perlu dibaca bersama dengannya)

**DASAR DAN KAEDAH PERAKAUNAN YANG PENTING**

**1. KERAJAAN NEGERI KEDAH SEBAGAI ENTITI PERAKAUNAN**

Sebagai entiti perakaunan, Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman adalah termasuk semua Jabatan Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman tetapi tidak termasuk Badan-Badan Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan dan Syarikat Milik Kerajaan.

**2. KUMPULANWANG NEGERI DISATUKAN**

Mengikut kehendak Akta Acara Kewangan 1957 (Disemak 1972), tiga akaun berasingan diselenggarakan di bawah Kumpulanwang Negeri Disatukan iaitu:-

- 2.1 Akaun Hasil Disatukan, yang ke dalamnya hasil Kerajaan dibayar dan darinya perbelanjaan mengurus dilakukan;
- 2.2 Akaun Amanah Disatukan, yang di bawahnya segala terimaan dan bayaran Kumpulanwang Amanah Kerajaan dan wang yang diterima oleh Kerajaan untuk maksud tertentu diakaunkan;
- 2.3 Akaun Pinjaman Disatukan, yang mengakaunkan semua penerimaan pinjaman dan pembayaran dibuat termasuk kepada Badan-Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Kerajaan Tempatan serta Syarikat Milik Kerajaan.

**3. AKAUN MEMORANDUM**

Akaun Memorandum mengakaunkan aset dan tanggungan Kerajaan yang bukan merupakan sebahagian dari baki Kumpulanwang Disatukan. Ia tidak disertakan dalam Lembaran Imbangan tetapi disertakan berasingan dalam Penyata Akaun Memorandum. Penyata Akaun Memorandum yang dilaporkan dalam Akaun Awam Negeri Kedah terdiri dari penyata yang berkaitan dengan aset seperti Pinjaman Boleh Dituntut (Penyata F1), Pelaburan (Penyata F2) dan Tunggakan Hasil (Penyata F3) serta penyata yang berkaitan dengan tanggungan Hutang Awam (Penyata G1).

Nota Kepada Akaun Penyata Kewangan Negeri Kedah Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2009

#### **4. KONSEP ASAS**

Dasar Perakaunan Kerajaan Negeri adalah berasaskan kepada dua konsep seperti terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan iaitu:-

- 4.1 Konsep Kumpulanwang Negeri Disatukan yang berpunca dari keperluan bahawa segala hasil dan wang yang didapatkan atau diterima, kecuali zakat, fitrah, baitulmal atau hasil Agama Islam yang seumpamanya dibayar-masuk ke dalam kumpulanwang yang dinamakan Kumpulanwang Negeri Disatukan (Fasal 97); dan
- 4.2 Konsep bahawa tiada wang, kecuali perbelanjaan tanggungan tertentu boleh dikeluarkan dari Kumpulanwang Negeri Disatukan melainkan diperuntukan atau dibenarkan dengan cara lain oleh Dewan Undangan Negeri (Fasal 104).

#### **5. DASAR PERAKAUNAN**

- 5.1 Dasar urusniaga Kerajaan diakaunkan mengikut asas tunai, iaitu berasaskan terimaan dan bayaran, dengan ubahsuaian dalam Akaun Kena Bayar bagi membenarkan bayaran dibuat dalam bulan Januari bagi bekalan dan perkhidmatan yang diterima sehingga 31 Disember tahun sebelumnya untuk dikenakan kepada akaun itu.

#### **6. TAHUN KEWANGAN**

- 6.1 Tahun Kewangan ditetapkan oleh Akta Acara Kewangan 1957 (Disemak 1972) sebagai suatu tempoh dua belas bulan yang berakhir pada 31 Disember setiap tahun.

#### **7. ASET DAN TANGGUNGAN**

- 7.1 Aset tetap dikenakan kepada perbelanjaan pada masa ianya dibeli atau dibina. Tuntutan kewangan oleh Kerajaan seperti hasil terakru dan pinjaman boleh dituntut tidak dilaporkan di dalam Lembaran Imbang. Bagaimanapun, Pinjaman Boleh Dituntut (Penyata F1) dan penyata terhadap Tunggakan Hasil (Penyata F3) disertakan dalam Akaun Memorandum.
- 7.2 Tuntutan kewangan atas Kerajaan yang belum diselesaikan pada penutup tahun tidak dilaporkan di dalam Lembaran Imbang. Bagaimanapun, penyata mengenai hutang awam berkaitan dengan pinjaman yang diambil oleh Kerajaan (Penyata G1) dilaporkan dalam Akaun Memorandum.

Nota Kepada Akaun Penyata Kewangan Negeri Kedah Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2009

**ASET**

**8. WANG TUNAI DAN PELABURAN**

Wang tunai adalah terdiri daripada Wang Tunai Dalam Tangan, Wang Tunai Dalam Perjalanan dan Wang Tunai Dalam Bank. Baki Wang Tunai Dalam Bank menunjukkan baki buku tunai sehingga 31 Disember 2009.

Pelaburan yang dinyatakan di dalam Lembaran Imbangan adalah pelaburan yang dibuat daripada lebihan Kumpulan Wang Disatukan. Pelaburan Kerajaan Negeri terdiri daripada simpanan tetap di bank-bank tempatan, Sekuriti Kerajaan Malaysia dan pegangan saham Petronas Dagangan Berhad, Malaysia Airport Berhad dan Amanah Saham Kedah. Pada 28 Februari 2005 Petronas Dagangan Berhad telah mengeluarkan terbitan saham bonus pada kadar nisbah satu (1:1) pada tarikh kelayakan pegangan saham. Sekuriti Kerajaan Malaysia berjumlah RM200,000.00 telah matang pada 1 Disember 2008, pelarasan akaun telah dibuat pada tahun kewangan 2009. Pada tahun 2009, Kerajaan Negeri telah membuat jualan balik sebanyak 6,355,932.20 unit saham bagi menampung kekurangan agihan pendapatan (dividen) tahun 2009.

**AKAUN HASIL DISATUKAN**

**9. HASIL**

Kutipan hasil diakaunkan mengikut asas tunai. Hasil yang patut diterima tetapi belum sebenarnya diterima dalam tahun kewangan tidak dimasuk-akaunkan. Bayaran balik hasil yang dilakukan mengikut mana-mana undang-undang dikenakan sebagai perbelanjaan.

**10. PERBELANJAAN**

Semua kenaan kepada peruntukan Bajet bagi barang-barang dan perkhidmatan serta bayaran pindahan seperti caruman kepada Kumpulanwang Pembangunan serta wang yang diuntukkan kepada Pihak Berkuasa Kerajaan Tempatan dan Badan-Badan Berkanun melalui pemberian atau pinjaman dianggap sebagai perbelanjaan. Terimaan balik bayaran lebih yang dilakukan dalam tahun kewangan yang sama dikreditkan kepada butir perbelanjaan dari mana bayaran asalnya dibuat, manakala yang berkaitan dengan perbelanjaan tahun-tahun lepas dikreditkan kepada akaun hasil.

**11. PERBELANJAAN TANGGUNGAN**

Perbelanjaan Tanggungan terdiri dari perbelanjaan yang wajib dikenakan ke atas Kumpulanwang Disatukan mengikut mana-mana undang-undang Negeri. Ia termasuklah pencen, ganjaran, pampasan dan perbelanjaan bayaran balik hutang. Walaupun peruntukan bagi menampung perbelanjaan tanggungan disertakan dalam anggaran yang dikemukakan di Dewan Undangan Negeri, ianya tidak dibahaskan.

### **AKAUN PINJAMAN YANG DISATUKAN**

#### **12. AKAUN PINJAMAN**

Akaun Pinjaman menunjukkan jumlah pinjaman yang diterima oleh Kerajaan Negeri daripada Kerajaan Persekutuan di bawah kuasa Undang-undang Negeri. Perbelanjaan daripada akaun ini adalah terdiri daripada bayaran balik atau pinjaman balik kepada Pihak Berkuasa Tempatan, Badan-Badan Berkanun dan Syarikat Milik Kerajaan Negeri serta pindahan Kumpulanwang Pembangunan untuk tujuan perbelanjaan pembangunan.

### **AKAUN AMANAH YANG DISATUKAN**

#### **13. KUMPULANWANG PEMBANGUNAN**

Kumpulanwang Pembangunan, yang ditubuhkan mengikut Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, diakaunkan dalam Akaun Amanah. Terimaan kumpulanwang ini adalah terdiri dari Pemberian Kerajaan Persekutuan iaitu Pemberian Pertambahan Hasil dan Pemberian Berdasarkan Tahap Pembangunan Ekonomi, Infrastruktur Dan Kesejahteraan Hidup, pinjaman yang diberi oleh Kerajaan Persekutuan untuk maksud pembangunan, caruman daripada akaun hasil dan pemberian balik (imbuhbalik) oleh Kerajaan Persekutuan bagi projek-projek pembangunan. Wang dalam kumpulanwang ini hanya boleh dibelanjakan untuk maksud-maksud seperti yang ditentukan dalam Akta Kumpulanwang Pembangunan.

#### **14. KUMPULANWANG BEKALAN AIR**

Kumpulanwang Bekalan Air ditubuhkan di bawah Akta Bekalan Air bertujuan mengurus dan mengendalikan operasi bekalan air negeri. Terimaan kumpulanwang ini terdiri daripada pinjaman dari Kerajaan Persekutuan dan caruman dari Akaun Hasil. Perbelanjaan daripada kumpulanwang ini tertakluk kepada akta berkenaan yang meliputi perbelanjaan langsung dan perbelanjaan dari pinjaman.

#### **15. KUMPULANWANG AMANAH KERAJAAN**

Kumpulanwang Amanah Kerajaan ditubuhkan di bawah Seksyen 10, Akta Acara Kewangan 1957 bagi maksud tertentu, selaras dengan Perlembagaan Persekutuan. Sebahagian dari kumpulanwang ini bercorak kumpulanwang pusing manakala yang lain adalah bagi bayaran langsung.

## **16. KUMPULANWANG AMANAH AWAM**

Kumpulanwang Amanah Awam ditubuhkan mengikut Seksyen 9 Akta Acara Kewangan 1957 untuk mengakaunkan sumbangan wang daripada pihak lain termasuk organisasi dan orang perseorangan yang diamanahkan kepada Kerajaan untuk tujuan-tujuan tertentu.

## **17. AKAUN DEPOSIT**

Akaun Deposit mengakaunkan wang yang diterima khusus bagi sesuatu maksud di bawah mana-mana undang-undang atau mengikut perjanjian.

## **AKAUN MEMORANDUM**

## **18. PINJAMAN BOLEH DITUNTUT**

Penyata Pinjaman Boleh Dituntut menunjukkan baki hutang Pihak Berkuasa Tempatan, Badan-Badan Berkanun dan Syarikat Milik Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Negeri yang mana sumber-sumber ini adalah terdiri daripada sumber Negeri dan sumber Persekutuan yang dipinjamkan balik oleh Kerajaan Negeri kepada agensi-agensi berkenaan.

## **19. PELABURAN**

Pelaburan yang telah dilaporkan di penyata memorandum adalah pelaburan yang telah dikenakan kepada perbelanjaan mengurus. Pelaburan yang dilaporkan di Penyata Memorandum tidak termasuk pelaburan yang dinyatakan dalam Lembaran Imbangan.

## **20. TUNGGAKAN HASIL**

Tunggakan hasil yang dilaporkan adalah merupakan hasil tidak dapat dipungut oleh Kerajaan Negeri sehingga 31 Disember 2009

## **21. HUTANG AWAM**

Penyata Hutang Awam menunjukkan baki hutang Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan. Ini termasuklah jumlah pinjaman yang diterima untuk dipinjamkan balik kepada Pihak Berkuasa Tempatan, Badan-badan Berkanun dan Syarikat Milik Kerajaan serta untuk membiayai perbelanjaan pembangunan dan projek Perumahan Awam Kos Rendah.



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD  
KUALA LUMPUR, 2010  
[www.printnasional.com.my](http://www.printnasional.com.my)  
email: [cservice@printnasional.com.my](mailto:cservice@printnasional.com.my)  
Tel.: 03-92366895 Faks: 03-92224773

